

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KETIGA**

---

**Jilid IV**

**Bil. 53**

**Hari Khamis**

**5 November 1998**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Ruangan)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Perbekalan 1999 (Ruangan)

**USUL:**

- Anggaran Pembangunan 1999 (Ruangan)

## AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titawangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)

- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)

- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N.,  
P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,  
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman  
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah  
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
: Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
: Hajah Supiah binti Dewak  
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
  
: Mohamed bin Osman  
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
: Shamsina binti Janor  
  
: Nora'ini binti Hetam  
: Ramlah binti Mohd. Yusuff  
: Miskiah binti Hassan
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 5 November 1998**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TEKSI-TEKSI TIDAK BERLESEN – SEKATAN OPERASI**

1. **Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan mengenai teksi-teksi yang tidak berlesen di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang:

- (a) sudahkah kerajaan menyekat operasi teksi-teksi tersebut; dan
- (b) bagaimanakah kerajaan akan memastikan bahawa teksi-teksi seperti ini tidak beroperasi di KLIA lagi.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:**

Tuan Yang di-Pertua dan semua Yang Berhormat, Selamat Pagi juga terutama kepada Yang Berhormat dari Segambut.

Kementerian Pembangunan Usahawan telah pun mengambil beberapa tindakan untuk menyekat operasi teksi-teksi yang tidak dibenarkan mengambil penumpang di KLIA, Sepang. Langkah-langkah yang telah diambil ialah seperti berikut:-

- (a) Memberi maklumat kepada semua pengusaha teksi di Lembah Klang dan kereta sewa di seluruh negeri bahawa mereka hanya dibenarkan mengambil penumpang ke KLIA tetapi tidak boleh

mengambil penumpang di KLIA. Supaya mereka tidak dibebankan kerana mereka pulang tanpa penumpang, mulai 1 September tahun ini teksi-teksi dibenarkan mengenakan surcaj kepada penumpang-penumpang sebanyak RM10.00 dan kita juga mengadakan penguatkuasaan oleh pegawai-pegawai penguatkuasa LPKP, JPJ di bawah Kementerian Pengangkutan dan juga Jabatan Polis.

- (b) Bagi memastikan teksi-teksi seperti ini tidak beroperasi di KLIA, Sepang tindakan-tindakan berikut juga akan dan terus diambil. Antara tindakan-tindakan yang sedang diambil ialah mengadakan penguatkuasaan oleh pegawai-pegawai LPKP, penguatkuasaan oleh JPJ dan Polis dan juga mengadakan operasi bersama di antara LPKP, JPJ dan pihak polis. Kita pastikan bahawa maklumat kepada pelanggan mengenai perkhidmatan teksi yang dibenarkan menyediakan perkhidmatan di KLIA dengan menambah papan-papan tanda di lapangan terbang tersebut.

Kementerian juga telah mengadakan beberapa mesyuarat dengan pihak JPJ, Polis, KLIA Berhad, Malaysia Airport Berhad, Airport Limo Berhad dan Kuala Lumpur City Bus (KLCB) bagi tujuan pemantauan terhadap teksi-teksi yang tidak dibenarkan beroperasi di KLIA, Sepang.

**Dr. Ramli bin Taib:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini mengenai teksi KLIA. Kita selalu naik teksi dan pemandu-pemandu teksi di KLIA ini selalu merungut bahawa gaji yang diberikan kepada mereka adalah terlampau kecil dan komisen yang diberikan juga tidak sebagaimana yang dipohon oleh pemandu-pemandu teksi. Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah konsep yang kita adakan sekarang ini iaitu membekukan dengan tidak memberi permit kepada individu ini adalah berjaya kerana kita dapati ramai di antara mereka merungut.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, polisi untuk memberi permit kepada syarikat ini perlu diadakan dan difikirkan perlu oleh kementerian kerana kita mempunyai hampir 12,000 teksi di Kuala Lumpur ini sendiri. Apabila permit itu diberikan kepada individu kita tidak dapat mengawal perkhidmatan teksi di Kuala Lumpur. Sebab itulah untuk memastikan perkhidmatan mereka cemerlang kerajaan telah mengambil tindakan untuk memberi permit hanya kepada syarikat-

syarikat yang mana kita harap perkhidmatan ini akan dapat menjadi bertambah baik.

Berhubung dengan gaji dan komisen pemandu di KLIA ini akan kementerian selidik dan memang kita telah mendapat aduan daripada mereka baru-baru ini dan kita harap akan dapat diselesaikan dalam masa yang singkat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masalah teksi dan limousine di airport memang sudah lama timbul dan bermasalah. Saya ingin tahu berapakah jumlah sebenar limousine dan juga teksi di Airport KLIA dan juga Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang ketika ini dan jumlah pemilik ataupun syarikat-syarikat pemilik limousine dan teksi ini? Mengapakah masalah yang bertahun-tahun ini masih lagi berlaku? Adakah disebabkan oleh tambang ataupun kesukaran mendapat teksi ataupun limousine oleh penumpang-penumpang di kedua-dua destinasi tersebut.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Jelebu. Kita ada 850 teksi ataupun airport limousine di KLIA dan 299 teksi di Lapangan Terbang Subang. Dahulunya kita melihat masalah-masalah yang berlaku di Subang, kita mengenal pasti bahawa kita memerlukan satu syarikat yang baik untuk menguruskan perkhidmatan teksi di KLIA. Dengan harapan masalah-masalah yang dihadapi ini tidak akan wujud tetapi oleh kerana masalah ekonomi yang wujud baru-baru ini penumpang yang berkurangan dan interest rate ataupun kadar pembiayaan yang harus ditanggung oleh syarikat itu meningkat. Perkara-

perkara yang tidak diduga telah mewujudkan beberapa bebanan kepada perkhidmatan teksi di KLIA, yang mana mereka juga menghadapi beberapa masalah.

Tetapi walau bagaimanapun, kita telah juga berbincang dengan mereka untuk memastikan agar perkhidmatan teksi di KLIA itu akan menjadi bertambah baik. Tetapi untuk Subang, kita dapati perkhidmatan teksi di Subang tidak ada masalah masa kini, kerana pengusaha-pengusaha yang dahulunya hanya mendapat lebih kurang 200 trip satu hari telah mendapat hampir 600 trip satu hari. Perkhidmatan di Subang masa kini kita jangka adalah memuaskan.

## **KURIKULUM BARU LESEN VOKASIONAL – LATIHAN UNTUK PEGAWAI JPJ DAN INSTITUT MEMANDU**

2. **Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) berikutan pelaksanaan Kurikulum Baru Lesen Vokasional, apakah tindakan dan persiapan di kalangan pegawai dan institut memandu; dan
- (b) jumlah institut memandu yang diluluskan beroperasi, dibatalkan (mengikut negeri-negeri) dan apakah kedudukan SMI yang tidak bergabung dan tidak membentuk institut seperti yang diarahkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: **Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan kepada soalan Yang Berhormat,**

- (a) sebagai persiapan bagi melaksanakan Kurikulum Baru Lesen Vokasional yang telah berkuatkuasa pada 1 September 1998, pegawai-pegawai JPJ telah diberi latihan teori dan amali untuk mendapatkan Sijil Penguji Berkelayakan bagi Lesen Vokasional, sementara pengajar-pengajar di institut memandu pula diberi latihan untuk mendapatkan Sijil Jurulatih Berkelayakan bagi Lesen Vokasional.
- (b) Sehingga kini sejumlah 96 institut memandu telah pun diberi kelulusan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan untuk

menjalankan aktiviti ujian memandu bagi semua peringkat kenderaan. Dari jumlah tersebut, 64 institut memandu yang diluluskan telah beroperasi, sementara 15 institut memandu pula telah dibatalkan kelulusan yang diberikan. Pecahan institut memandu yang beroperasi dan yang telah dibatalkan kelulusan mengikut negeri adalah seperti berikut:-

Negeri	Beroperasi	Dibatalkan
Johor	17	3
Perak	12	1
Wilayah Persekutuan	5	4
Selangor	10	1
Negeri Sembilan	2	1
Melaka	1	1
Pulau Pinang	5	2
Perlis	2	1
Kedah	1	1
Pahang	3	-
Kelantan	3	-
Terengganu	<u>4</u>	<u>-</u>
Jumlah:	<u>64</u>	<u>15</u>

Bagi Sekolah Memandu SM1 yang tidak bergabung ataupun menubuhkan institut memandu, ianya masih dibenarkan beroperasi tetapi aktiviti yang boleh dijalankan terhad hanya bagi mengajar latihan memandu lapan jam yang boleh dilakukan sama ada di jalan raya ataupun dengan

menyewa circuit ujian memandu di institut memandu yang berdekatan.

Selain daripada aktiviti yang disebutkan itu, di bawah Kurikulum Baru Ujian Memandu yang diperkenalkan oleh JPJ, sekolah memandu tidak boleh menjalankan latihan amali enam jam sebelum pelajar memandu dikeluarkan lesen L dan dua jam terakhir sebelum menjalani ujian memandu, kerana pelajar memandu perlu menjalani latihan tersebut di circuit latihan memandu dan dilatih oleh pengajar memandu yang berkelayakan di mana ianya hanya terdapat di institut memandu.

Berpandukan Kurikulum Baru Ujian Memandu yang diperkenalkan itu, sekolah memandu tidak dibenarkan mengajar pemohon lesen Vokasional disebabkan pemohon-pemohon yang terlibat perlu menjalani latihan teori di bilik darjah, kuliah yang lengkap serta menjalani latihan amali di circuit ujian memandu sebagaimana yang terdapat di institut memandu. Langkah-langkah penyusunan semula Kurikulum Baru Ujian Memandu ini bertujuan untuk melahirkan pemandu-pemandu yang cekap dan berhemah di samping mempertingkatkan mutu pendidikan memandu di negara ini.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri berhubung perkara yang khusus. Mengikut data yang ada kepada kementerian, 60% daripada yang mati di jalan raya ialah pemandu ataupun pembonceng motosikal. Apabila garis panduan memandu dibuat, penekanan adalah diberi kepada pemandu kereta, lori dan sebagainya. Pemandu yang tidak mendapat bimbingan yang khusus tidak mendapat ajaran yang rapi

ialah penunggang motosikal. Jadi, kenapakah ini berlaku dan apakah tindakan kementerian agar keciciran manusia ini boleh dikurangkan dan pengajaran yang khusus kepada pemandu motosikal sebelum diberi lesen ini boleh diperbaiki.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, institut-institut memandu dan juga sekolah-sekolah memandu telah disyaratkan untuk memberi pendidikan memandu kepada pelatih-pelatih penunggang motosikal dengan betul dan teratur mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Yang banyak menyebabkan kematian mereka adalah kerana kecuaiannya pemandu itu sendiri. Walaupun semasa mereka mengikuti latihan, mereka menjadi pelatih yang baik tetapi setelah lulus lesen nampaknya mereka tidak cermat memandu, suka berlumba untuk memotong dan selalu melanggar peraturan jalan raya. Oleh kerana itu apabila berlaku pelanggaran, mereka terdedah kepada kecederaan yang berat yang boleh membawa kepada maut, seperti tidak mengikat tali topi keledar dengan betul. Ini adalah juga merupakan punca yang banyak menyebabkan kecederaan di kepala.

Oleh kerana itu walaupun banyak usaha telah dibuat di sekolah dan di institut latihan memandu, namun demikian sikap penunggang-penunggang motosikal masih lagi degil. Kita juga telah menasihatkan mereka supaya menggunakan pakaian yang memantul cahaya di waktu malam supaya senang dilihat. Ini juga nampaknya banyak lagi penunggang-penunggang yang tidak menggunakan alat ini. Jika ini dapat diperbaiki, iaitu memandu dengan teratur, tidak potong-memotong dan laju, menggunakan topi keledar dengan betul dan juga menggunakan pemantulan cahaya, kita berpendapat jumlah kematian bagi penunggang-penunggang motosikal dapat dikurangkan. Kerana itu adalah menjadi tanggungjawab penunggang-penunggang motosikal sendiri untuk menjaga nyawa mereka.

Kerajaan telah mengambil banyak usaha untuk mengadakan promosi ataupun kempen, sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri juga telah turun ke padang untuk melancarkan kempen kepada penunggang-penunggang motosikal. Namun demikian, sehingga hari ini jumlah mereka yang mati di kalangan penunggang motosikal dan pembonceng masih lagi 60%. Kita berharap kesedaran ini akan meningkat dalam tempoh yang ke depan supaya jumlah mereka dapat dikurangkan.

Bagaimanapun, untuk tahun 1998, jumlah kematian di jalan raya nampaknya telah dapat diperbaiki berbanding dengan tahun 1997, begitu juga berbanding dengan tahun 1996. Jika Yang Berhormat tengok rekod tahun 1996, yang mati 6,304; tahun 1997 – 6,302 (kurang dua orang). Namun demikian, bagi tahun ini, Januari hingga Ogos jumlah yang telah mati 3,955 orang; berbanding dengan Januari-Ogos 1997 – 4,216 (bermakna ada kekurangan 200 lebih kematian). Sudah tentu sebahagiannya adalah melibatkan penunggang-penunggang motosikal. Kita harap tahun ini jumlah kematian penunggang motosikal akan berkurangan mengikut trend yang sedang berlaku pada ketika ini.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila 96 kelulusan diberikan untuk menubuhkan institut memandu dibuat, didapati 64 beroperasi, 15 dibatal, bermakna 17 lagi permit yang diluluskan tidak lagi beroperasi. Adakah had masa yang diberikan kepada mereka dan bagaimana kalau tempoh berkenaan, tempoh masa itu tidak dipatuhi. Adakah permit yang diluluskan itu juga dibatalkan dan bagaimana kedudukan permohonan baru pada ketika ini?

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, dahulu telah diberitahu bahawa pusat latihan ataupun akademi JPJ akan dibina di Air Molek, Melaka. Orang kampung semua sudah tahu. Jadi, Datuk hendak balik ke Melaka agaknya susah, orang akan bertanya. Jadi, bagaimanakah kedudukan program ini ataupun projek yang telah dicanangkan sejak beberapa tahun ini, dan saya hendak tahu juga berapa kos dan berapakah keluasan yang terlibat dan apakah perancangan ke arah untuk menghantar pelatih-pelagti ke akademi berkenaan?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah institut memandu yang telah dibatalkan yang saya sebut sebentar tadi adalah 15, ini tidak termasuk 64 yang sedang beroperasi dan yang 15 ini telah pun diberi banyak kali ingatan, tempoh mereka telah banyak kali mati dan telah dihidupkan kembali tetapi masih lagi tidak dilaksanakan maka akhirnya kementerian telah pun membatalkan secara muktamad.

Jika mereka ingin memohon kembali untuk ketika ini semua lesen kebenaran membina institut memandu telah pun dibekukan kerana kementerian telah meminta JPJ menyediakan satu garis panduan yang jelas, apakah syarat-syarat untuk menubuhkan institut memandu di setiap negeri kerana ada negeri yang mempunyai 17 institut memandu dan ada negeri yang hanya ada satu sahaja, bermakna mungkin syarat-syarat yang telah diadakan pada masa lepas tidak berapa kemaskini. Oleh kerana itu kementerian telah meminta supaya ianya dikemaskinikan kembali supaya kelulusan dapat dibuat mengikut keperluan tempat-tempat di mana institut ini ditubuhkan iaitu mengikut keramaian penduduk dan banyaknya kenderaan dan sebagainya. Sehingga garis panduan ini disediakan maka sementara itu lesen-lesen baru tidak akan diluluskan sehingga tempoh garis panduan baru akan dipersetujui oleh kementerian ataupun oleh Yang Berhormat Menteri.

Berkaitan dengan akademi JPJ, saya suka menjelaskan bahawa akademi ini telah pun diluluskan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Yang Ketujuh dan sebuah tapak seluas 147 ekar di Mukim Ayer Molek, Melaka telah pun diambil alih dan premiumnya telah pun dibayar oleh JPJ dan sehingga kini pelan-pelan bangunan telah pun siap dan diluluskan oleh JKR, insya-Allah, pada bulan Mac 1999 pembinaan akan dimulakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, akademi ini dibina sesuai dengan wawasan JPJ untuk mencapai aduan sifar, rasuah sifar dan juga kemalangan sifar. Oleh kerana itu kita kena ada satu akademi yang lebih profesional yang kemas kini bagi melatih kakitangan JPJ dan juga pengusaha-pengusaha institut dan sekolah memandu supaya dapat melahirkan satu perkhidmatan yang lebih cekap khususnya sebagai pusat Centre of Excellent For Road Safety.

Pusat ini pada permulaannya nanti akan mengandungi:

- (i) enam blok pentadbiran dan latihan;
- (ii) mempunyai blok auditorium;
- (iii) blok dewan serbaguna;
- (iv) dewan makan;
- (v) dewan blok asrama; dan
- (vi) blok surau.

Ia boleh melatih 1,000 pelatih pada satu tahun yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan JPJ serta juga pegawai dan kakitangan akademi dan juga institut memandu di seluruh negara. Jumlah harganya adalah RM30 juta.

*[Soalan No. 3 – Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood  
[Tumpat] tidak hadir]*

#### **SURAT KREDIT – MASALAH DENGAN BANK ASING**

4. **Dr. Yap Yit Thong [Lumut]** minta Menteri Kewangan menyatakan oleh kerana kawalan modal dan kawalan pertukaran mata wang asing, surat kredit yang dikeluarkan oleh bank-bank tempatan tidak diterima lagi oleh kebanyakan bank asing. Apa tindakan telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, surat-surat kredit yang dikeluarkan oleh bank tempatan adalah diterima oleh bank-bank asing, tidak ada

masalah timbul, cuma ada sedikit masalah yang amat kecil timbul di peringkat permulaan.

Seperti sedia maklum pada 1 September, kerajaan melaksanakan langkah-langkah kawalan modal secara selektif dan salah satu langkah yang diambil ialah untuk tidak membenarkan pembayaran sama ada untuk eksport ataupun import dalam Ringgit. Kesemua bayaran untuk eksport dan import hendaklah dibuat dalam mata wang asing. Oleh itu di peringkat awal, dengan izin, transition memang ada sedikit masalah tetapi masalah ini amat kecil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1997 umpamanya kira-kira 17.7% eksport adalah dibayar dalam Ringgit, menggunakan Ringgit sebagai settlement currency, dengan izin. Pada tahun yang sama (1997), 11.6% daripada import dibayar dalam Ringgit, maknanya Ringgit digunakan sebelum ini untuk eksport dan import. Bermula 1 September eksport dan import hanya boleh diselesaikan dalam mata wang asing. Ringgit tidak boleh digunakan lagi, sebelumnya Ringgit boleh digunakan.

Oleh kerana peralihan ini maka ada sedikit masalah yang timbul tetapi Bank Negara telah mengeluarkan satu panduan arahan menyatakan bahawa sebarang trade contract, dengan izin, yang dibuat sebelum 1 September boleh diselesaikan dalam Ringgit. Bermakna kalau kita ada contract menggunakan Ringgit untuk membayar import ataupun eksport yang dibuat sebelum 1 September, ia boleh diterima oleh bank-bank asing ataupun bank luar. Jadi, Bank Negara telah memberikan kelonggaran tersebut, oleh itu tidak ada masalah besar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada beberapa juta transaction, Bank Negara cuma menerima dua aduan sahaja yang diterima daripada pengeksport/pengimport berkaitan keengganan bank asing untuk menerima LC ataupun surat kredit dalam Ringgit Malaysia. Jadi, dua aduan ini satu angka yang

kecil, tidak ada masalah penerimaan letter of credit, surat kredit oleh bank asing daripada pengekspor/pengimport Malaysia.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak 1 September bila kawalan modal dan kawalan pertukaran mata wang asing telah diimplementasikan, apakah masalah yang tertentu yang dihadapi oleh negara dan masyarakat? Dalam hal ini baru-baru ini Tan Sri Raymond Navaratnam telah memberitahu bahawa kita perlu fine twining mengenai pertukaran mata wang asing. Apakah cadangan kerajaan mengenai masalah ini?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai fine twining, dengan izin, kita tidak bercadang untuk mengadakan langkah-langkah baru, kerajaan tetap dengan dasar dan keputusan untuk meneruskan kawalan modal jangka pendek secara selektif. Seperti sedia maklum apa yang kita lakukan dua sahaja, yang pertama ialah berkaitan dengan offshore Ringgit, ini sudah pun diselesaikan.

Yang kedua, ialah untuk tidak membenarkan pelaburan jangka pendek keluar negara dalam tempoh setahun. Jadi, langkah kawalan capital di Malaysia ini begitu selektif terhad dan oleh kerana ia terhad dan tidak ada masalah besar yang dihadapi, kerajaan pun tidak bercadang untuk melaksanakan sebarang fine twining.

Tidak ada masalah yang timbul, pada peringkat awal umpamanya, kita ada sedikit masalah dengan travellers ke Singapura, sekarang kita sudah memperkenalkan satu special pass, dengan izin, yang baru yang membolehkan regular travellers ke Singapura menggunakan pas ini, harganya cuma kira-kira RM8 dan setakat ini 15,232 permohonan telah pun diterima daripada regular travellers ke Singapura untuk menggunakan pas berkenaan. Jadi, ini timbul sedikit masalah di peringkat awal iaitu bagi mereka yang berulang alik ke Singapura, lain-lain tidak ada masalah berkaitan dengan tukaran wang, tidak ada masalah, Bank Negara sentiasa menguatkuasakan peraturan dan sesiapa jua yang ingin mengeluarkan untuk genuine trade, dengan izin, tidak ada masalah, bagi travellers juga tidak ada masalah, mereka boleh dapat mematuhi peraturan yang dikenakan. Kalau kita hendak keluar negara umpamanya kita tidak boleh bawa keluar lebih dari RM10,000 dalam Ringgit Malaysia dan juga foreign currencies, ini tidak menimbulkan sebarang masalah kepada travellers. Satu, dua masalah kadang-

kadang kita dengar di airport, ini masalah biasa yang amat kecil sahaja, langkah-langkah ini berjaya.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Biasanya negotiable instrument yang dirunding adalah terlebih dahulu terdapat bilateral agreement di antara central bank kedua-dua buah negara. Saya ingin tahu secara detail kedua-dua kes yang berlaku adakah bank yang tidak terima rundingan LC tersebut kerana persepsi bank berkenaan ataupun masalah central bank negara-negara berkenaan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya nyatakan ini merupakan masalah peralihan, dengan izin, transition. Untuk trade ini kita ada cukup mata wang asing untuk membuat bayaran untuk import dan ia bukan berkaitan dengan persepsi, ia merupakan cuma masalah pentadbiran. Seperti yang saya katakan kita masih membenarkan kontrak yang dibuat dalam Ringgit yang dibuat sebelum 1 September. Bank Negara telah pun mengeluarkan kenyataan dan tidak ada masalah persepsi, cuma isunya ialah masalah antara bank pusat dengan bank pusat, cuma masalah pentadbiran sahaja yang timbul dan dua kes berbanding dengan beberapa juta transaksi adalah satu angka yang amat-amat kecil.

### **DASAR EKONOMI BARU -** **PRESTASI DAN PERANGKAAN**

5. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Perdana Menteri menyatakan prestasi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dari segi perangkaan bagi merapatkan jurang ekonomi antara bumiputera kaya dan miskin dan antara bumiputera dan bukan bumiputera di setiap negeri.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dalam tempoh 1971 hingga 1995

telah berjaya mengurangkan ketidaksamaan pendapatan keseluruhan dan di kalangan semua kaum dalam negara ini. Di samping itu, ketidaksamaan pendapatan antara kaum juga turut berkurangan.

Berasaskan pendapatan isi rumah per kapita, pendapatan purata kumpulan 40% terendah di kalangan isi rumah bumiputera di Semenanjung Malaysia telah meningkat daripada RM13 pada tahun 1970 kepada RM82 pada tahun 1990 dan RM143 pada tahun 1995. Pendapatan purata kumpulan 20% tertinggi di kalangan isi rumah bumiputera juga meningkat daripada RM115 pada tahun 1970 kepada RM614 pada tahun 1990 dan RM1,119 pada tahun 1995.

Pada masa yang sama, pekali gini (gene coefficient satu indikator utama pengurangan ketidaksamaan pendapatan, berkurangan daripada 0.493 di kalangan isi rumah bumiputera pada tahun 1970 kepada 0.457 pada tahun 1990 dan 0.472 pada tahun 1995. Perangkaan ini jelas menunjukkan bahawa jurang pendapatan antara bumiputera kaya dan miskin berkurangan dalam tempoh 1970 hingga pada tahun 1995. Berdasarkan pekali gini, ketidaksamaan pendapatan di kalangan bumiputera di semua negeri juga berkurangan kecuali di Terengganu.

Ketidaksamaan pendapatan antara bumiputera dan bukan bumiputera turut berkurangan dalam tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara. Pendapatan purata per-kapita isi rumah bumiputera di Semenanjung Malaysia meningkat daripada RM41 pada tahun 1970 kepada RM237 pada tahun 1990 dan RM424 pada tahun 1995. Pendapatan purata per-kapita isi rumah Cina juga meningkat daripada RM86 pada tahun 1970 kepada RM407 pada tahun 1990 dan RM820 pada tahun 1995, manakala bagi isi rumah India, pendapatan purata meningkat daripada RM79 kepada RM295 dan RM540 dalam tempoh yang sama.

Berdasarkan perangkaan di atas, nisbah ketidaksamaan pendapatan bumiputera Cina berkurangan daripada 1:2.1 pada tahun 1970 kepada 1:1.7 pada

tahun 1990 dan 1:1.9 pada tahun 1995. Nisbah ketidaksamaan pendapatan bumiputera India juga berkurangan daripada 1:1.9 pada tahun 1970 kepada 1:1.2 pada tahun 1990 dan 1:1.3 pada tahun 1995. Analisis mengikut negeri menunjukkan nisbah ketidaksamaan pendapatan bumiputera Cina berkurangan di semua negeri kecuali Selangor manakala nisbah ketidaksamaan pendapatan bumiputera India berkurangan di semua negeri.

Di samping pengurangan ketidaksamaan pendapatan, termasuk ketidaksamaan antara kaum, antara kejayaan besar Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara ialah kemunculan golongan berpendapatan pertengahan yang lebih besar di kalangan semua kaum di negara ini. Oleh itu, bolehlah disimpulkan bahawa kedua-dua Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara berjaya mengurangkan ketidaksamaan pendapatan dalam negara dan seterusnya membantu ke arah pencapaian matlamat akhir dasar pembangunan negara iaitu, perpaduan nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat Ledang.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri iaitu adakah matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu sasaran 30% penyertaan bumiputera dalam pengagihan ekonomi negara tercapai? Dan selepas Dasar Ekonomi Baru ditamatkan pada tahun 1990, ianya digantikan oleh Dasar Pembangunan Nasional. Apakah perbezaan di antara kedua-dua dasar ini? Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya kita tahu bahawa dalam laporan Dasar Ekonomi Baru yang berakhir pada tahun 1990, dalam laporan itu jelas menunjukkan bahawa kita tidak mencapai 30% seperti mana yang kita harapkan. Maka oleh kerana itulah kita meneruskan

dasar ini di bawah Dasar Pembangunan Negara. Jadi di antara DEB dan DPN sebenarnya tidak ada perbezaan, matlamatnya sama dan pada akhirnya ialah untuk perpaduan nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan keadaan golongan berpendapatan pertengahan, bumiputera, Cina, India, Iban, Kadazan, keadaan golongan pertengahan di negara ini. Mungkin bagi satu angka secara kasarlah, peratusan dan sebagainya. Ini memang, Tuan Yang di-Pertua, saya tanya soal ini kerana ini soal yang penting. Ini menunjuk..... [*Diganggu*] Dan saya nampak tadi tidak disebutkan masalah di Sarawak dan Sabah juga, cuma di Semenanjung sahaja. Ini memang tidak begitu adil, kita sama-sama Sarawak dengan kita, Sabah pun ada, satu negara sahaja. Dan jangan bising sangat, saya pun mementingkan semua orang.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk dan ketawa*]

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi pening ini, Yang Berhormat. Tapi sebenarnya soalan dia membantu sayalah. Saya hendak jawab soalan yang akhir dulu iaitu mengapa kita tidak membuat perbandingan di Sabah dan Sarawak. Ini ialah kerana pada tahun 1970, Jabatan Perangkaan kita tidak mempunyai bancian di negeri Sabah dan Sarawak. Maka oleh itu kita tidak boleh membuat perbandingan. Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi peluang kepada saya untuk menjelaskan.

Nombor duanya, takrif golongan berpendapatan pertengahan ialah isi rumah yang mempunyai pendapatan antara RM1,000 kepada RM3,000 sebulan dan saiz pada tahun 1995, 47.1% daripada isi rumah di Malaysia ditakrifkan sebagai golongan berpendapatan pertengahan - ini bagi semua kaum. Saiz golongan berpendapatan pertengahan bumiputera pada tahun 1995 adalah 45.3%. Jadi

bumiputera ini termasuklah bumiputera di Sabah dan Sarawak. Manakala peratusan di kalangan isi rumah Cina dan India masing-masing ialah 52.4% dan 53.9%. Sebab itu kita membuat kesimpulan dalam akhir jawapan saya tadi iaitu DPN telah berjaya kerana ada kemunculan golongan berpendapatan pertengahan yang lebih besar di kalangan semua kaum di negara ini.

*[Soalan No. 6 - Y.B. Datuk Lau Ngan Siew (Sandakan) tidak hadir]*

### **KENAIKAN HARGA BARANG LANGKAH-LANGKAH MEMBENDUNG**

7. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihaknya bagi membendung supaya semua barangan pengguna tidak akan dinaikkan harganya.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mengambil beberapa langkah dalam usaha membendung kenaikan harga. Antaranya:

- (i) Mengadakan pemantauan dari masa ke semasa untuk memastikan peniaga-peniaga mematuhi harga yang ditetapkan oleh kerajaan bagi barang-barang yang dikawal dan menentukan mereka meletakkan tanda harga bagi semua barang-barang pengguna.
- (ii) Membuat pemeriksaan mengejut atau 'spot check' untuk mencegah penyelewengan dan mengesan sebab-sebab berlakunya kenaikan harga barang-barang keperluan harian, terutamanya barang makanan.
- (iii) Mengadakan perbincangan dengan pembekal, pengeluar dan pengimport dan pengedar-pengedar supaya bekalan sentiasa mencukupi dan pengguna sentiasa mendapat bekalan barang-barang perlu dengan mudah.
- (iv) Melarang penjualan barang-barang perlu seperti minyak masak, susu pekat manis dan tepung kepada rakyat asing termasuk juga pembeli tempatan untuk dibawa keluar daripada negara ini bagi mengelakkan

kekurangan bekalan yang akhirnya akan menyebabkan kenaikan harga.

Di samping itu pemeriksaan dan penguatkuasaan di seluruh negara sentiasa dilakukan bagi memastikan bekalan barang-barang keperluan harian mencukupi, mudah diperolehi dan tiada mana-mana pihak mengambil kesempatan menaikkan harga. Kementerian juga dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan agensi-agensi yang berkaitan menggalakkan jualan secara langsung atau secara terus kepada pengguna-pengguna seperti perbanyakkan pasar-pasar tani. Dengan cara ini dapat mengelakkan pembelian melalui orang-orang tengah seperti pemborong-pemborong dan peruncit-peruncit. Pengguna boleh mendapatkan harga yang rendah dan competitive dengan membeli terus daripada pengeluar-pengeluar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin ucapkan tahniah kepada kementerian Yang Berhormat Dato' kerana nampaknya pegawai-pegawai dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah kenaikan harga barang-barang. Walau bagaimanapun, saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Dato', apakah usaha-usaha yang dibuat untuk memastikan pemeriksaan dan penguatkuasaan kenaikan harga barang-barang kawalan ini juga dilaksanakan di luar-luar bandar, kerana kita dapati spot check yang dibuat ini di kawasan dalam bandar sedangkan orang-orang di kawasan luar bandar ini kurang mendapat maklumat dan kadang-kadang kita dapati banyak barang ini dijual tanpa mengikut arahan. Jadi apakah langkah diambil untuk memastikan kedai-kedai di luar bandar juga mematuhi arahan yang dibuat.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di Pertua, pemantauan monitoring harga barang-barang dan juga penguatkuasaan dibuat bukan sahaja di bandar tetapi juga di luar bandar termasuk kampung-kampung tradisional, estet, FELDA, FELCRA dan juga kampung baru. Sebagai contoh, dari 1 Januari tahun ini hingga 24 Oktober, pihak Bahagian Penguatkuasa di bawah kementerian telah menjalankan penguatkuasaan di bandar sebanyak 293,000 premis perniagaan, di

luar bandar iaitu di kampung-kampung tradisional sebanyak 90,800 premis perniagaan telah juga diperiksa dan pemantauan mengenai kenaikan harga dan sebagainya di bawah Operasi Sedar. Jadi kita akan teruskan. Ini adalah bagi pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat dan FELDA, FELCRA, kampung baru pun ada angka-angka yang berasingan yang menjalankan tugas. Walau bagaimanapun, perkara ini akan sentiasa dalam perhatian dan kita akan teruskan.

**Dr. Lee Chong Meng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rasionalnya untuk menjustifikasikan tindakan bagi mengehadkan harga runcit beras tempatan sampai maksimum RM1.70 sekilo tetapi harga beras yang diimportkan tiada kawalan. Bukankah tindakan sedemikian akan menjejaskan pendapatan petani tempatan, dan jika ini berlaku, lebih petani akan berhenti menanam padi di Malaysia.

**Dato' S. Subramaniam :** Tuan Yang di Pertua, ada tiga bahagian, rasional kita mengehadkan ataupun menetapkan harga bagi beras super yang dikeluarkan dalam negara adalah untuk menentukan bahawa tidak berlaku penyelewengan. Ini tidak akan merugikan petani, petani harga naik atau turun dia dapat bayaran yang sama, cuma penyelewengan yang berlaku selepas beras itu sampai ke kilang, ke pemborong, pihak-pihak peruncit. Jadi menetapkan harga itu membawa faedah pada keseluruhannya, bukan sahaja kepada pengguna tetapi petani tidak akan rugi, kita boleh mengehadkan penyelewengan.

Kedua, beras yang diimport kita tidak boleh kawal harga pasal itu adalah harga yang mengikut pasaran dan khususnya masa sekarang bila nilai mata wang ringgit telah menurun jika dibandingkan dengan nilai mata wang asing, maka bagi kuantiti yang sama bayaran yang dibuat adalah melebihi, maka beras import tidak dikawal, beras import itu adalah beras wangi, basmati dan sebagainya untuk golongan-golongan yang berpendapatan tinggi atau untuk yang berkemampuan untuk membeli. Beras super tempatan mencukupi, kita semua boleh makan beras tempatan baik juga dia punya kualiti. Jadi, saya berharap rasional mengehadkan beras tempatan itu tidak akan merugikan sesiapa.

[Soalan No. 8 - Y.B. Tuan Asmat Nungka (Beluran) tidak hadir]

**KEDIAMAN RASMI PERDANA MENTERI  
DI PUTRAJAYA - JUMLAH PERALATAN IMPORT**

9. **Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah peralatan yang diimport untuk membina kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua kira-kira 28% daripada RM17.5 juta pembinaan kediaman rasmi Perdana Menteri terdiri dari bahan pembinaan dan peralatan yang diimport.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kita lihat rakyat menjadi keliru, bekas Timbalan Perdana Menteri mempertahankan rumah itu RM200 juta juga. Pembinaannya RM17 juta, peralatannya diimport, termasuk barang-barang di dalam rumah itu, apakah itu yang menyebabkan menjadi RM200 juta sedangkan Perdana Menteri sendiri berkempen menggunakan barang tempatan, tetapi peralatan dalam rumah adalah kebanyakannya yang diimport dan ini yang rakyat ingin tahu tentang kekeliruan yang berlaku di seluruh negara sekarang.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Pertama, Yang Berhormat yang keliru RM200 juta, RM17.5 juta - RM200 juta ini kompleks, sebab dia ada tempat penerimaan pemimpin-pemimpin luar, daripada kita hantar ke hotel dia duduk situ, dia ada family area, dengan izin, dan kemudahan awam. Jadi, kediaman rasmi dia dan keluarga dia mengguna itu RM17.5 juta.

Keduanya, saya hendak maklumkan di sini bahawa barang-barang diimport ini merupakan barang-barang yang tidak dapat diperolehi dalam negara kita. Maknanya, apabila tidak dapat diperolehi dalam negara baru kita import. Yang kedua, ianya dibuat sebelum kegawatan ekonomi, order telah dibuat sebelum kegawatan ekonomi. Dan kita dengar iaitu kempen untuk membeli barang-barang Malaysia ini dimulakan waktu kita menghadapi kegawatan ekonomi dan oleh kerana itu kita buat kempen beli barang-barang Malaysia. Jadi, menjawab soalan Yang Berhormat tadi, pertamanya barang Malaysia pun tidak ada, itu yang kita order. Keduanya, pengimportan dibuat sebelum kegawatan ekonomi. Jadi kalau kita hendak cancel order pun kita rugi, sebab kita sudah buat pengimportan itu.

Jadi, sebenarnya kalau ada keliru pun saya ingat mungkin kerana bahawa ada benda-benda yang sengaja dikelirukan oleh pihak-pihak tertentu untuk menggawatkan lagi situasi.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, banyak perkabaran atau liputan mengatakan RM17 juta, ada juga tuduhan mengatakan RM200 juta, tetapi semalam saya melihat TV penjelasan daripada pihak MSC management sendiri mengatakan pembinaan bangunan untuk kediaman Perdana Menteri bukan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri ialah RM17.5 juta tetapi pembinaan kompleks ialah RM58 juta. Persoalan saya apakah tindakan kementerian untuk menjelaskan supaya jelas lagi dipromosikan soal harga ini supaya orang tahu, supaya jangan ada kata RM200 juta, ada yang kata RM17 juta, tetapi yang mana satu belum 'clear'. Sekarang yang keluar satu kali dalam TV, saya minta kalau boleh ia keluar selalu lagi dekat surat khabar dan sebagainya. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ia menjadi masalah sebab apabila ada perkara isu-isu akhir-akhir ini. Kelulusan ini sebenarnya dibuat oleh Menteri Kewangan yang pada masa itu bukan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad tetapi Yang Berhormat dari Permatang Pauhlah. Jadi saya harap Yang Berhormat semua fahamlah mengapa sekarang pula dibangkit kerana mungkin ada masalah di antara merekalah. Jadi sebab itulah saya setuju dengan Yang Berhormat itu oleh kerana ia menjadi isu sekarang ini dibangkit-bangkitkan dan kita pun mesti membuat satu penjelasan kepada orang ramai kerana ia sudah jadi keliru, dulu tidak keliru, dulu Menteri Kewangan lulus, okay, tidak jadi masalah dan ini juga merupakan kediaman Perdana Menteri, mungkin pada ketika itu Dr. Mahathir pun duduk dua, tiga tahun sahaja dan lepas itu orang lain pula duduk dan pada ketika itu memanglah, nanti orang lain pula yang bangkitkan. Jadi soalnya, ini bukan rumah Dato Seri Dr. Mahathir tapi rumah Perdana Menteri. Jadi itu harus dijelaskan dan saya setuju dengan Yang Berhormat, saya juga ada tengok televisyen semalam ada penjelasan dan, insya-Allah, saya akan beritahu kepada Menteri Penerangan memaklumkan iaitu ada baiknya kalau kita memberikan penjelasan yang seluas-luasnya pada rakyat Malaysia.

**BAHASA IBAN DI SEKOLAH RENDAH/MENENGAH DI  
SARAWAK - KEJAYAAN**

10. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Pendidikan menyatakan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai dalam mengimplementasikan pengajaran bahasa Iban di sekolah rendah dan menengah di Sarawak.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara kejayaan dalam mengimplementasikan bahasa Iban di sekolah rendah dan menengah di Sarawak ialah:

- (i) membukukan sukatan pelajaran bahasa Iban Tahun Tiga hingga Tahun Enam dan Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga;
- (ii) menyediakan buku teks bahasa Iban Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga;
- (iii) menyediakan kaset dan bahan bercetak untuk unit radio pendidikan Bahagian Teknologi Pendidikan; dan
- (iv) menyediakan modul pengajaran dan pembelajaran Tahun Tiga hingga Tahun Enam dan pembentukan jawatankuasa tenaga pengajar di antara Pusat Perkembangan Kurikulum dan Jabatan Pendidikan Sarawak bagi keperluan latihan dan pemantapan guru bahasa Iban di Sarawak.

Selain daripada itu kursus-kursus pemantapan pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban di sekolah rendah dan menengah Sarawak telah diadakan disepanjang tahun 1998.

**Tuan Jimmy Donald:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah difahamkan hingga hari ini buku teks untuk pengajaran bahasa Iban dari Darjah Tiga hingga Darjah Enam tidak mencukupi, tidak juga dicetak walaupun ada usaha-usaha beberapa orang guru bahasa Iban untuk membantu menulis buku teks bahasa Iban ini. Jadi saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah jaminan dari kementerian bahawa masalah pengeluaran buku teks ini akan dijalankan supaya murid-murid akan dibekalkan dengan buku teks ini, oleh kerana buku teks ini adalah satu masalah yang sangat rumit untuk semua guru dan juga murid-murid.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini untuk sekolah rendah dan menengah ada lapan tajuk yang telah dicetak untuk Tahun Tiga hingga Tingkatan Tiga dan selain daripada itu ada sembilan lagi huraian yang kita cetak juga dan diedarkan untuk kegunaan murid-murid ataupun dijual dan daripada lapan tajuk itu kita boleh bayangkan puluhan ribu buku telah pun kita cetak, memang ada sedikit kekurangan. Ini kita sedang mengambil tindakan untuk cuba pastikan supaya murid-murid yang ada sekarang dalam lingkungan 51,009 orang di sekolah rendah dan menengah yang mengikuti

pengajian bahasa ini dan dibantu oleh 730 orang guru di sekolah rendah dan sekolah menengah. Kalau mengikut pecahannya sekolah rendah ada 572 orang guru dan sekolah menengah ada 158 guru. Kita sentiasa meneliti perkara ini supaya murid-murid seboleh-bolehnya dapat keperluan dan kemudahan buku-buku tersebut.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah kementerian telah membuat kajian pembangunan dan perkembangan pengajaran bahasa Iban dari segi pemakaian bahasa itu yang didapati berbeza dari segi ejaan, sebutan seperti mana di Bintulu ‘belum’ dikatakan ‘bedau’ dan di Simmanggang, Sri Aman ‘belum’ dikatakan ‘empai’, tatabahasa dan dialek-dialek lain Iban di Sarawak. Sekian.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi kita ada jawatankuasa tenaga pengajar di antara Pusat Perkembangan Kurikulum dan Jabatan Pendidikan Sarawak yang antara lain kita juga kaji perkara-perkara yang ada sangkut paut dengan perkembangan bahasa itu dan ini ditokok tambah dengan kursus-kursus yang kita sentiasa ada. Kita harap dengan adanya tenaga ini atau jawatankuasa ini perkara-perkara seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu dapat kita teliti dan kaji dari satu masa ke satu masa.

## **PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI - KAWALAN**

11. **Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan kawalan dan bantuan yang diberi oleh kementeriannya terhadap skim-skim perumahan yang mungkin menjadi terbengkalai akibat kegawatan ekonomi dan pengurangan bilangan pelanggan yang dapat memperoleh pinjaman bank, terutama sekali rumah-rumah kos sederhana untuk golongan pekerja-pekerja berpendapatan sederhana.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini tidak mempunyai peruntukan khas di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 bagi menghadapi masalah skim perumahan yang berkemungkinan terbengkalai. Bagaimanapun kementerian ini sedar tentang wujudnya pemaju-pemaju yang menghadapi masalah di dalam urusan perniagaan mereka dan sentiasa memantau keadaan ini dengan rapi.

Kementerian Kewangan melalui Bank Negara memberi perhatian yang utama dalam usaha membantu pemaju-pemaju yang menghadapi masalah pinjaman bank dan sentiasa mengawasi bank-bank komersial agar lebih proaktif membantu pemaju-pemaju untuk mendapat modal kerja dan modal pinjaman kepada pembeli-pembeli. Kementerian ini juga telah mengarahkan pihak-pihak berkuasa tempatan agar lebih proaktif membantu pemaju-pemaju yang menghadapi masalah seperti mempercepatkan kelulusan permohonan pindaan pelan supaya selaras dengan keperluan pasaran

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya skim pinjaman perumahan ini tersangkut disebabkan oleh masalah ekonomi kita tetapi adakah pihak kementerian akan mencadangkan kepada kerajaan ataupun kepada Bank Negara supaya mungkin kita wujudkan satu bank perumahan khusus untuk mengatasi masalah-masalah perumahan selama ini belum dapat kita atasi, berpanjangan masalah ini. Jadi kadang-kadang rumah ada, pembeli tidak ada, pembeli ada, rumah ada, duit tidak ada. Jadi sampai bila kita boleh selesaikan masalah ini.

Jadi saya harap kalau boleh pertamanya, bank-bank mesti melonggarkan pinjaman kerana sekurang-kurangnya biarlah setiap rakyat ini mendapat sebuah rumah. Jadi saya mencadang kalau boleh, adakah kementerian bercadang untuk

menasihati bank atau kerajaan mengadakan bank perumahan bagi mengatasi masalah perumahan ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ada dua perkara, satu, ialah projek-projek perumahan yang tidak ada pembeli. Ini adalah satu perkara yang sukar hendak dibantu oleh kerana keadaan pembeli, bergantung kepada harga. Dalam pasaran sekarang, kalau di bandar-bandar besar semua jenis perumahan yang kosnya berharga RM150 ribu ke bawah tidak ada masalah untuk mendapat pembeli. Cuma masalah ialah untuk mendapat pinjaman bank bagi modal kerja dan pinjaman untuk pembeli-pembeli. Saya difahamkan Kementerian Kewangan memang memberi perhatian yang serius dalam perkara ini dan baru semalam telah pun mengambil tindakan mengarah bank-bank tempatan untuk mempercepatkan proses mengeluarkan pinjaman. Cuma sama ada untuk diwujudkan satu bank perumahan, saya rasa perkara ini perlulah diajukan kepada Kementerian Kewangan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan. Saya dapati bahawa beberapa projek perumahan di sekitar Bandar Seremban ini di mana pembinaan perumahan itu secara fizikalnya telah siap sepenuhnya. Tetapi memandangkan bahawa beberapa perkara masih belum diselesaikan maka pihak berkuasa tempatan tidak memberikan CF. Oleh kerana itu pembeli tidak boleh masuk menggunakan rumah itu. Jadi apa pandangan Yang Berhormat untuk menyelesaikan masalah ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, di peringkat kementerian kita wujudkan satu jawatankuasa di mana kita mengadakan mesyuarat setiap bulan bagi menyelesaikan projek-projek secara khusus, project by project. Jadi kalaulah pemaju menghadapi masalah yang tertentu dan mereka tidak dapat bantuan daripada mana-mana pihak, mereka boleh mendapat bantuan dengan beri laporan terlebih dahulu kepada kementerian. Terima kasih.

## **AKTIVITI KONGSI GELAP DI SEKOLAH - PENGLIBATAN PELAJAR**

12. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Pendidikan menyatakan tindakan yang sedang dan akan diambil untuk membanteras gejala keganasan dan aktiviti kongsi gelap di sekolah yang kian meningkat.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, di antara tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk membanteras gejala keganasan dan aktiviti kongsi gelap di sekolah adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan pelbagai program di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan melalui brigade community, permuafakatan PIBG, gerakan maklumat bersepadu, modul peningkatan disiplin, kem pembangunan sahsiah diri, ceramah motivasi, program keinsafan, skim lencana anti dadah, ujian urine dan lain-lain program bersesuaian;
- (ii) meningkatkan kerjasama dengan pihak polis serta mengambil tindakan undang-undang terhadap pelajar-pelajar yang terlibat dalam kes jenayah; dan
- (iii) mengeluarkan surat pekeliling ikhtisas pada pihak sekolah dalam usaha mengawal dan membanteras kegiatan jenayah di kalangan pelajar.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa kes murid telah ditangkap oleh polis kerana terlibat dalam aktiviti kongsi gelap tahun ini dan tahun lepas dan apakah perlindungan yang diberi kepada guru besar dan guru-guru apabila mereka mengambil tindakan menangani masalah kongsi gelap, adakah keselamatan mereka terancam, kalau mereka bertindak terhadap murid-murid yang terlibat. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod kita antara tahun 1995 hingga 1998: tahun 1995 ada 30 orang pelajar, tidak ramai yang terlibat ini, tahun 1996 - 153 orang, tahun 1997 - turun balik kepada 73 dan 1998, setakat ini ada 37 orang pelajar yang terlibat. Itu senario gambaran secara kasar dan pelajar-pelajar ini kita bagi macam-macam bentuk tindakan misalnya, terutama sekali kita beri khidmat kaunseling, dan sebagai satu cara juga kita ambil tindakan untuk melindungi. Memang kita buat tindakan itu bagi melindungi siapa sahaja yang terlibat supaya keselamatan mereka itu dapat kita pastikan dia selamat daripada sebarang perkara yang memudaratkan seperti ancaman dan lain-lain dan kita mendapat kerjasama yang baik seperti saya katakan tadi terutama sekali daripada polis dalam menghadapi masalah ini. Saya suka beri penekanan di sini bahawa Kementerian Pendidikan sentiasa memantau perbuatan-perbuatan ataupun kejadian-kejadian yang kita nampak banyak berlaku di negeri-negeri seperti di Johor, Pahang dan juga di Wilayah Persekutuan. Kejadian-kejadian ini kita perhatikan ada senantiasanya berlaku dari satu masa ke satu masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Masa untuk soal jawab sudah cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3,6, 8 dan 13 hingga 19 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999

#### Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

## ANGGARAN PEMBANGUNAN 1999

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih RM18,053,037,700 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1999, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1998 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan. *[4 November 1998]*

### **Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Saya ingin tahu berapa ramai Ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian perbahasan, sila berdiri ya - 12 ahli. Pokok Sena.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mulakan mukadimah saya, saya ingin memberi amaran kepada Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, dalam Standing Order dalam perkara 36(4) adalah salah pada peraturan mesyuarat bagi seseorang ahli menggunakan bahasa biadap. Saya tengok yang lepas-lepas terutama sekali Yang Berhormat dari Jelutong, dia maki saya macam-macam, Tuan Yang di-Pertua biar begitu sahaja. Saya takut Dewan ini jadi macam Dewan Taiwan ataupun Dewan Korea, bertumbuk dalam Dewan. Saya ini duduk dekat sangat, dia ini pula penyakit jantung, tampar sikit mati, kita kena kes bunuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya suka...

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya dalam ucapan dah ni.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Saya tahu Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat tuju kepada *Hansard* minggu lalu untuk menyemak beberapa perkara yang Yang Berhormat bangkitkan.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya perkara ini ditegaskan supaya sesiapa sahaja bila berucap mengeluarkan bahasa-bahasa kesat, panggil ahli-ahli Parlimen ‘binatang liar’lah, walhal dia sendiri pun lutung, saya pun maki juga dia sebab maki kita. Minta perkara ini ditegaskan, kalau dia cakap berhentikan supaya Dewan kita dapat berjalan dengan lancar. Sekian, terima kasih. Saya sekarang baru hendak mula. Tadi tidak termasuk masa.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan I ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Yang II dan yang ketiga iaitu Menteri Tugas-tugas Khas yang telah mengaturkan budget kita untuk mengatasi masalah kegawatan ekonomi. Saya terima kasih dan tahniah bagi pihak masyarakat terutama sekali orang kawasan Pokok Sena.

Yang kedua saya hendak ucap terima kasih kepada polis yang telah memainkan peranan yang begitu baik sungguhpun dimaki hamun, dimaki macam-macam, diludah, dibaling dengan botol, dibaling dengan batu, dikatakan Yahudi kepada mereka ini, mereka terpaksa bersabar untuk menjaga ketenteraman supaya kita semua hidup aman. Hari ini semua ahli-ahli pembangkang pun boleh datang dengan selamat kerana polis. Kalau tidak ada polis ini tidak boleh datang, kita tidak boleh sampai ke Parlimen kalau tidak ada dengan bantuan polis, jaga trafik,

lepas itu bila tengok ada crown, bagi chance pula, kena speed trap macam Yang Berhormat dari Larut, dia keluar tunjuk crown, terlepas. *[Ketawa]* Kereta saya tidak ada crown, kereta kecil, polis tidak tengok crown, itu pun saya tidak marah. Saya harap perkara ini kita ucap terima kasih kepada pihak polis kerana memainkan peranan yang begitu baik.

Saya cuma hendak mencadangkan kepada polis ini, kepada mereka yang mengkhianati kepada negara, yang lari daripada negara ini terutama sekali Dr. Abdul Rahim Ghaus, Saifudin Nasution, Mohamad Izam ini lari dari negara kita, orang yang tidak bertanggungjawab. Saya minta supaya polis hantar polis Interpol, yang bertugas di bahagian antarabangsa, tangkap mereka balik, kalau tidak mahu guna polis, kita guna orang awam yang mana hendak cari makan. Mereka ada address, beri kepada kami sekian-sekian, kami tolong tangkap bawa balik. Tetapi kita ada polis yang baik, saya mencadangkan kepada polis supaya tangkap mereka ini balik.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kalau tidak pun saya mencadangkan kepada imigresen, saya sebut perkataan imigresen kerana saya hendak mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada imigresen kerana mengambil tindakan yang tegas. Tuan Yang di-Pertua, tidak dengar apa yang saya cakap, saya baru bercakap. Saya minta, saya ucap tahniah kepada imigresen kerana mengambil tindakan tegas ‘menghambat’ keluar dua orang Australia yang menulis perkataan ‘F’ dan ‘O’. Jadi ia cukup kurang ajar, orang yang seperti ini elok ‘dihambat’ keluar. Saya ucap tahniah kepada imigresen kerana berani membuat perkara ini. Kalau boleh yang datang selekeh pakai pakaian ‘hippies’ jangan diberi masuk.

Semasa saya di dalam Pemuda dahulu berzaman-zaman dahulu saya telah mencadangkan pada masa itu Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, Bahagian saya telah mencadangkan supaya orang-orang yang tidak senonoh, ‘hippi’ bila datang ke negara kita jangan diberi masuk sebab mereka ini akan mempengaruhi masyarakat kita dan Tan Sri Ghazali Shafie telah mengambil tindakan pada ketika itu. Sekarang orang yang kurang ajar, yang masuk bila hendak isi borang tulis dua perkataan yang tidak elok maki hamun kita, kita ‘hambat’ keluar. Saya ucapkan tahniah kepada imigresen. Imigresen telah memainkan peranan yang baik, saya ucapkan tahniah.

Yang ketiganya saya hendak mengucapkan tahniah kepada Menteri Pertanian yang telah menyahut ucapan saya yang lepas menetapkan harga beras super. Kalau tidak silap saya, saya dan kawan-kawan saya supaya beras super ini, Tanjong Karang, Yan, kawasan padi ini kami telah mencadangkan supaya beras

super itu ditetapkan harga sebab beras standard, beras premium ditetapkan harga, beras standard sekian harga dan beras premium sekian harga. Pengilang ini juga cerdik bila kita tetap harga dia tidak bawa keluar beras itu, dia ambil beras standard dan beras premium dia masukkan ke dalam kampak beras super 10% atau berapa peratus, jadi semua harga beras super.

Sekarang kita telah tetapkan harga beras super, jadi saya ucapkan tahniah kerana keberanian Kementerian Pertanian tetapi ada lagi benda-benda yang patut Kementerian Pertanian buat, misalnya kita dok fikir tentang beras super itu untuk orang bandar termasuk Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua dok beli beras termasuk semua di sini, kita pun beli beras. Bila tetap harga beras super, baguslah tetapi bagi orang yang menanam tidak berapa untung sangat.

Saya bagi pihak penanam-penanam ini, harga beras super RM1.65 di Kedah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tanjong Karang bangun.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan menetapkan harga beras super ini. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, dahulu bila waktu beras standard dan beras premium ini kita kawal di pasaran susah kita hendak jumpa beras jenis standard dan premium, kemudian hari ini kita kawal pula harga beras super tetapi kita tidak kawal harga beras-beras import. Adakah kemungkinan nanti bila masa akan datang atau dua, tiga bulan akan datang kita susah hendak jumpa beras super tetapi kita akan jumpa barang-barang import sahaja banyak di pasaran. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat dan mungkinkah perkara ini akan berlaku?

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Saya harap orang Tanjong Karang tidak lupa kepada Yang Berhormat dan akan pilih semula. Memang saya pun hendak sampai ke tahap itu, sekarang kita tetapkan harga beras super, beras standard dan beras premium. Beras standard dan beras premium memang tidak boleh didapati di kedai sebab harganya kita kawal, jadi bila kita tetapkan harga beras super, beras premium dan beras standard, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, beras standard ini di Kedah diberi makan itik sahaja, di Kedah beras standard ini beras yang pecah-pecah, jadi kalau beras super ini ditentukan, kalau tidak salah saya 80% kita import beras sebab di Kedah, Tanjong Karang, kita tanam tidak cukup untuk makanan orang di Malaysia, kita terpaksa import, saya cuma berharap Kementerian Pertanian bila kita import beras itu, kita tentukan supaya beras-beras import pun tidak lari daripada harga beras super dan beras standard sebab selalunya diimport dengan harga yang tinggi dan orang kita suka makan benda mahal, pakai benda mahal, kalau kasut buatan Siam, Bally - murah, dia tidak pakai, dia kata ini Siam punya, dia hendak pakai benda yang dibuat di Europe sebab mahal, kadang-kadang kita suka pakai benda mahal. Sebab itulah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini kempen suruh pakai barang tempatan tetapi orang kita ini telah ditanam dengan semangat Barat, barang branded.

Kalau minyak kelapa sawit dijual di dalam plastik, dia hendak beli yang dibuat di dalam plastik yang elok itu, botol yang elok, sebab yang itu elok, walhal bukan dia pakai botol pun, dia letak belakang rumah sahaja. Barang yang dijual dalam plastik ini murah sebab itu dia tidak mahu guna. Saya juga ucapkan tahniah kepada Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang kempen membeli barangan buatan tempatan. Jadi kita harap supaya masyarakat kita dapat dilatih supaya barang tempatan ini

'the best' dan ini kita serah kepada Kementerian Pendidikan, Timbalan Menterinya ada minta gunakan sekolah sebab sekolah adalah pusat pengeluaran masyarakat masa hadapan, latih budak-budak supaya barang yang barangan tempatan adalah yang lebih baik. Dahulu isteri tempatan pun tidak berapa elok, zaman dahulu isteri tempatan, zaman Tuan Yang di-Pertua, kalau pergi England, Tuan Yang di-Pertua, seorang sahaja yang tidak bawa balik 'mem', orang lain semua bawa balik 'mem', Tuan Yang di-Pertua tidak bawa balik, Tuan Yang di-Pertua suka barang tempatan, Tuan Yang di-Pertua balik kahwin di sini tetapi ramai yang kahwin luar, dia tidak suka barang tempatan ini tetapi sekarang alhamdulillah [*Ketawa*] kita pergi mana-mana pun kita balik kita kahwin dengan orang tempatan, sekarang kita hendak guna barangan tempatan. Bagaimanapun kita serah kepada Kementerian Pendidikan, latih di sekolah jangan bila sampai baru hendak latih, kita kena latih bermula dari sekolah, galakkan anak-anak kita. Saya tidak jawab lagikah? [*Ketawa*]

Jadi harga beras ini kita minta Kementerian Pertanian, kalau boleh harga beras dari luar ini jangan lari sangat perbezaannya, memang beras dari luar itu elok sedikit tetapi beras kita ini pun elok juga tetapi tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi petani ini saya lihat, saya telah mengkaji petani-petani di kawasan saya, mereka ini menghadapi masalah cost of production. Perbelanjaan pengeluaran padi cukup mahal sekarang ini. Sekarang kita dapati bahawa padi yang dibeli yang telah ditentukan, yang telah dirasmikan oleh bekas Menteri Kewangan dahulu di Kedah bahawa padi 100 kilogram harganya RM55, bermakna satu kilogram 55 sen. Beras satu kilogram RM1.65, jadi nampak prosesnya itu banyak juga, yang menjadi masalah sekarang cost of production mengeluarkan padi ini cukup tinggi.

Saya hendak beritahu kepada Tan Sri, [*Disampuk*] Tun, kadang-kadang kita panggil 'Tun' dia marah juga, jadi benda baru ini selalu terlajak, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran padi ini cukup tinggi. Saya hendak beritahu Tan Sri [*Disampuk*] Tun, kadang-kadang kalau sebut 'Tun' tidak mengantuk sangat, kadang-kadang 'Tan Sri' dia terjaga balik. [*Ketawa*] Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, persediaan kita hendak mengeluarkan padi ini persediaan harga benih, harga racun, tuai, baja tambahan, upah, jumlahnya lebih kurang RM318 tidak termasuk sewa bendang. Sewa bendang lebih kurang RM300 ke-RM350, jadi kalau masuk sewa lagi tinggilah. Harga serelung, di Kedah buat bendang ini harga serelung, sekarang ini Kementerian Pertanian beri subsidi baja tetapi baja itu untuk tanaman basic tetapi orang kampung terpaksa beli baja tambahan bila padi itu mula hendak keluar dia kena dibubuh satu jenis baja yang bernilai lebih kurang RM10 satu relung, kalau tidak dibubuh baja ini padi itu tumbuh 'kesit-kesit', tidak berapa elok, orang kampung panggil baja buah. Selepas itu dia kena upah orang tolong cabut rumput, tolong racun, lebih kurang RM70.

Tuan Yang di-Pertua, harga racun satu relung lebih kurang RM70, racun ini bermacam-macam, seperti yang saya beritahu tahun lepas dalam ucapan saya. Di dalam bendang ini macam-macam perkara, sunggupun saya difahamkan bahawa kita tidak mahu guna racun, saya diberitahu oleh Pengarah Kementerian Pertanian mengatakan kita cuba untuk tidak menggalakkan penggunaan racun sebab membunuh sahabat-sahabat pokok padi seperti pepatung, rama-rama, ikan, itu adalah sahabat padi tetapi musuh-musuh padi ini, sahabat padi pun 'cabut'. Kalau kena dengan kutu beruang, dengan tuan-tuan tanah

sekali ‘cabut’, masa kutu beruang mengamuk saya pun tidak boleh hendak duduk, rumah saya dalam bendang, the white house in the paddy field, bila datang masa kutu beruang penuh dalam rumah, kita pun lari keluar.

**Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, minta Pokok Sena gunakan Bahasa Malaysialah.

Yang kedua, saya nak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, kita juga kena bayar zakat padi.

Yang ketiga, adakah Yang Berhormat setuju, lepas sudah bayar itu ini, depa kena bayar jihad pula. Pasal PAS lepas orang mengerat padi dia pergi buat ceramah di kampung, dia mula kutip duit, jadi yang ini Yang Berhormat, setuju dengan saya tak? *[Ketawa]*.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, dia minta saya guna Bahasa, kawan yang suruh pun teruk. Saya orang Kedah, bila dia berucap, saya pun tidak berapa faham *[Ketawa]*, dia lagi pekat. Saya ini cakap bahasa standard juga, bahasa baku, sebab saya tengok, Tuan Yang di-Pertua pun faham.

Tentang zakat ini memanglah orang kampung, orang Melayu kita Tuan Yang di-Pertua, dia tak puasa tak apa tapi dia kena bayar fitrah. Saya tengok orang kampung, penarik beca, satu hari dia dok bawa anak ke sekolah, saya tengok dia tak pernah puasa. Minta maafah ini, perseorangan, bukan semua. Tapi bila dekat nak raya dia mari khabar saya nak pinjam duit, saya tanya nak buat apa? Nak bayar fitrah. Saya kata tak pernah puasa pun, tapi fitrah kena bayar. Orang Melayu cukup takut dengan fitrah. Macam mana pun dia tak puasa, buat jahat apa pun, fitrah dia takut, dia mesti bayar, sebab itu yang paling senang. Dia nak pergi Mekah susah sikit, puasa pun kadang-kadang dia sakitlah, gastriklah, tapi fitrah ini – senang, segantang RM3, fitrah mesti begitu juga dengan zakat, orang kampung tu dahlah dengan tambah ini tak masuk, bab pengeluaran ini tak masuk zakat. Jadi kisah jihad ini, depa terimalah, depa faham. Yang itu depa faham, orang-orang

PAS terutama sekali Yang Berhormat dari Tumpat itu, dia fahamlah. Depa kutip saya tak mahu komen yang itu.

Saya nak terang tentang pengeluaran padi ini, pertama sekali racun. Padi ini banyak musuh dia, kesinglah, bena perang, bena hijau, lepas itu dia ada kutu beruang macam saya kata tadi. Kutu beruang bila dia mari semusim, dia hinggap di pokok padi, dia makan habis, dia pula cukup busuk. Tuan Yang di-Pertua biasa, di kawasan Tuan Yang di-Pertua tu tidak ada kot. Kawasan Tuan Yang di-Pertua ini, dia di sebelah kawasan saya juga tapi dia di sebelah dalam sedikit, dia tak dok belah bendang, dia belah kebun getah, jadi kutu beruang ini tak berapalah attack sangat. Kutu beruang ini kalau dia masuk dalam kereta, habis satu kereta busuk. Lepas itu ada serangga-serangga yang tak boleh kita nak ubat dengan sahabat-sahabat pokok padi ni, pokok padi pun mati begitu saja kena dengan kutu beruang ini. Macam sahabat padi ini, rama-rama pun lari begitu saja.

Saya nak mencadangkan racun untuk semua jenis musuh ini. Misalnya satu jenis musuh ia menggunakan satu jenis racun. Jadi, kalau satu relung, beberapa tong racun yang nak kena beli, nak kena campur, nak kena tabur, ha.. tu bahasa pekat. Yang nak ditaburkan. Dalam satu relung tu, dia ada masa ketika padi mula nak keluar buah, 'padi mula nak keluar susu', orang bendang panggil, kita kena taburkan racun ini dengan ketika-tika dan jumlahnya lebih kurang RM70 satu relung. Dia bermacam tin, bukan satu tin saja, ada racun yang bunuh tumbuh-tumbuhan seperti tapak itik, janggut keli, ini nama jenis tumbuhan yang mengacau padi, lepas itu ada racun yang membunuh serangga, bena perang, serangga semut-semut, kepinding, serangga penghisap buah, batang kesing, kesing pun bermacam-macam, ada kesing hijau, ada bena hijau, bena perang, macam-macam ini memakan belanja lebih kurang RM70 satu relung Tuan Yang di-Pertua. Jadi dengan sebab ini apabila kita subsidi baja, baja itu hanya untuk basic.

Saya mencadangkan supaya kerajaan memberi subsidi baja. Dulu saya mencadangkan supaya Kementerian Pertanian ni, kalau nak suruh orang kampung tanam dengan tak menggunakan racun, dia kena buatlah dulu experiment, buatlah lebih kurang 200 - 300 ratus ekar. Cuba tengok, tanam pokok padi, jangan pakai racun, tengok padi tu dapat banyak mana, kok habis kok dapat dengan kesing, dengan bena perang saja. Jadi saya minta kalau nak suruh orang kampung jangan guna racun, Kementerian Pertanian kena buat experiment dulu, macam dia buat experiment mengeluarkan biji benih di dalam kawasan saya. Itu baik. Dalam kawasan dia tu, dia pun guna racun juga, kalau tidak biji benih tu tak jadi benih.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Last, penjelasan last. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat terangkan masalah pak tani, memanglah banyak masalah. Kadang-kadang orang tak faham, padi pun ada masa dia bunting, apa semua inikan. Jadi boleh tak kita katakan tanam padi ni, hingga dapat jadi beras ini, ibarat kita menjaga seorang ibu yang sedang mengandung. Adakah Yang Berhormat bersetuju, kadang-kadang dia kena kencing manis, darah tinggi, dia penyakit macam itulah. Yang Berhormat setuju tak dengan saya, begitu susahnya kita nak mengeluarkan padi untuk rakyat makan ini, beras untuk rakyat makan. Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Terima kasih Yan. Jadi bila saya sebut racun di sini, kepada padi adalah ubat. Ubat untuk nak menyihatkan padi tu, itu tujuan saya cadangkan racun ini. Racun ini kita bagi subsidi, lebih kurang RM70, kalau tidak harga beras kita tentukan, harga padi kita tentukan, pak tani ini dia jumlah pengeluaran lebih kurang RM618, hasil pula lebih kurang RM800 serelung. Lebih kurang RM800 tolak RM618, tinggal lebih RM200 itu tidak masuk upah sikit-sikit lagi, yang mana dia nak bagi ini lebih kurang RM600. Kalau 12 guni itu modal, kalau orang kampung dia kira guni. Saya tanya berapa modal, dia kata 12 guni, kalau dapat 12 guni, balik modal.

Kalau dapat 18 guni makna 6 guni untung. Kalau dapat 20 guni, makna 8 guni untung, ini saja untung. Kalau orang kampung itu dia sewa bendang 2 relung, dia dapat untung kalau RM800 dia untung RM200, RM400 dua relung. Kalau semusim dia tanam 2 kali, dia dapat RM800 nak makan apa, bawah lagi tahap PPRT tu, saya tengok Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian pun dok mengangguk makna betullah tu. Kalau serelung dia dapat dalam lebih kurang, kalau belanja dia RM600, dia dapat RM200 serelung. Orang kampung kadang-kadang dia buat 2, 3 relung dia sewa pula. Kalau dia buat 2 relung dia dapat RM800, RM800 dua relung tu, anak sekolah orang kampung ini, anak banyak. Jadi memang teruk Tuan Yang di-Pertua.

Saya mencadangkan supaya kita - kita usahlah kira yang bendang banyak tu, kita kira average dia ada dalam 4, 5 relung. Kalau RM200 serelung, dia dapat RM1,000. Setahun, 2 musim, 2 musim dia dapat RM2,000. RM2,000 nak belanja anak dia dalam masa setahun termasuk nak kena bagi zakat, nak derma kat PAS pula lagi, yang mana puak-puak PAS saya bela untuk semua. Sungguhpun dia PAS tapi saya bela, sebab itu banyak orang PAS undi saya. Sebab kalau saya mencadangkan subsidi racun dan subsidi baja tambahan, bagilah kat orang petani lebih kurang RM100 lagi serelung. RM80lah to be exact, dengan izin. To be exact RM80 lagi subsidi. Bahagikan RM80 ini dengan beberapa guni padi yang dia dapat tu, kita bagi subsidi lebih kurang berapa duit sahaja 1 guni. Jadi saya harap kalau kita buat subsidi ini, insya-Allah, alhamdulillah sebab orang kampung ini adalah orang-orang yang menyokong kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tanjong Karang.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih. Yang Berhormat, saya dengar ucapan Yang Berhormat ini, saya masih keliru. Yang Berhormat ini hendak minta subsidi bajakah atau subsidi racun? Jadi dua-dua samalah, walaupun baru-baru ini subsidi baja ini sudah dapat, 3 kempit 1 lot, kalau di Tanjong Karang kira 1 keping, jadi Yang Berhormat hendak tekan subsidi yang mana yang lebih?

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya hendak tekan supaya kerajaan tolong mengurangkan perbelanjaan pengeluaran. Iaitu kalau kita kaji, kita tengok yang teruk ialah racun RM70.00,

baja tambahan ini mustahak, kerajaan sekarang bagi tiga kampil itu baja basic, mereka kena beli, macam manapun orang kampung kena beli 1 relung mesti perbelanjaan dalam RM10.00 mesti kena beli, kalau tidak padi itu tidak berhasil. Lepas itu dulu saya telah bangkit baja yang kerajaan bagi ini pun kadang-kadang ditipu helah oleh kilang-kilang yang keluar itu tidak berapa berzat elok untuk padi. Kadang-kadang orang kampung kena beli baja lain tetapi bila saya selidik orang kampung beli baja, baja selepas padi itu mula hendak mengeluarkan susu dia kena bubuh baja tambahan, betulkah Setiausaha Parlimen? Dia angguk, okay.

**Seorang Ahli:** Multivitaminlah.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Jadi RM80.00 lebih kurang dia kena belanja untuk serelung. Ini Arau hendak minta penjelasankah.

*[Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau) Keluar meninggalkan Dewan]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Awal, elaun sehari balik awal macam mana *[Ketawa]*.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan supaya petani ini kita bagi, oleh sebab kita tengok sekarang ini kita telah tentukan bahawa mereka menjual harga padi dengan RM50.00. Harga padi RM55.00 ini pun Tuan Yang di-Pertua, petani ini bukan untung sangat, dulu saya telah bangkitkan perkara ini kepada bekas Menteri Kewangan yang telah mengisytiharkan bahawa harga padi RM55.00, dulu RM49.61, bila saya hingar-hingar, saya bising dalam Dewan ini naik RM55.00, pada ketika itu naik RM55.00 pun kilang-kilang telah membeli kepada petani ini lebih kurang RM54.00. Sekarang bila harga ditentukan RM55.00, pengilang berlumba-lumba Tuan Yang di-Pertua. Kalau ada kilang A, kilang B, kilang C, mereka minta kepada petani, kalau petani kena jual RM55.00, mari jual kepada aku RM56.00, RM57.00.

Sekarang ini petani boleh jual padi dengan harga lebih kurang RM60.00 sebab pengilang-pengilang ini berlumba-lumba di antara mereka. Jadi saya mencadangkan supaya kerajaan bagi subsidi racun dan baja tambahan ini. Kalau hendak bagi baja bagi bersama-sama baja tambahan supaya petani tidak gaduh berbelanja banyak tentang pengeluaran padi ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak Kementerian Pertanian dapat menolong petani-petani yang begitu taat selama ini mengeluarkan, menanam padi untuk masyarakat bandar, untuk masyarakat di seluruh negara, kita tolong dari segi mengurangkan perbelanjaan pengeluaran padi sebab itu tidak termasuk harga mesin tuai, mesin hendak bajak tanah, menyediakan tanah, itu tidak termasuk sebab benda-benda ini semua naik, apabila naik harga padi, harga ini pun naik. Apabila naik harga beras, harga padi tidak naik. Orang kampung pula dia tanam padi tiba-tiba dia beli beras mahal jadi dia tuduh kepada kerajaan dia tidak salahlah kepada pengilang, 'middle men' kepada orang-orang yang menjual di kedai tetapi dia salahkan kepada kerajaan yang tidak mengambil tindakan.

Jadi saya mencadangkan supaya kerajaan cari jalan mengurangkan harga pengeluaran padi ini. Tuan Yang di-Pertua, itu kisah Kementerian Pertanian sekarang saya hendak balik kepada perkara saya yang kedua iaitu Kementerian Penerangan, dia dekat-dekat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Secara ringkas sahaja Yang Berhormat, secara ringkas sahaja, ya.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Ringkas sahaja, baru mukadimah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan ini, semalam pun saya tengok lagi, saya sudah bangkit perkara ini supaya Berita Perdana, pertama sekali Berita Perdana itu, menteri itu tolonglah cakap bahasa Melayu, semalam Ling Liong Sik cakap bahasa Inggeris, Berita Perdana takkan Kementerian Penerangan tak boleh kontrol TV3. Kementerian Penerangan patut boleh kontrol TV3, NTV7, Mega TV semua TV, semua line dia kena kontrol kalau tidak buat apa dia jadi Menteri Penerangan. Kementerian Penerangan kena kontrol semua sekali. Kalau kita beritahu kepada menteri dalam Berita Perdana mesti cakap Melayu kalau dia cakap bahasa Inggeris, potong, bagi bisukan, tulis di bawah apa dia cakap. Lepas itu saya tengok drama semalam, orang kampung kalau tengok drama, yang tidak tahu Inggeris dia tidak faham drama itu. Semua bintang dia campur, dekat kampung mana boleh campur orang pekan bolehlah. Kita bagi drama ini hendak bagi semua orang faham kalau dia cakap banyak bahasa Inggeris, mana orang kampung hendak faham, sungguhlah bahasa Inggeris kita ajar di semua sekolah tetapi ibu bapa itu masih lama-lama juga, dia tidak tahu, 'yes, no, alright' itu dia tahulah tetapi saya minta supaya drama, lepas itu berita itu, minta bisukan. Misalnya kalau Perdana Menteri berucap di peringkat international, okay tetapi melayukan, bisukan dia, Perdana Menteri pun, tulis apa yang dia cakap sebab kita faham bahawa apabila Perdana Menteri bercakap di international, pentas international dia memang kena cakap bahasa Inggeris. Yang macam itu tidak apa tetapi macam semalam saya tengok Menteri Pengangkutan bercakap kepada wartawan Malaysia semua tetapi dia cakap bahasa Inggeris. Kita tidak hormat Bahasa Malaysia dan lagi satu Kementerian Penerangan saya tengok CNBC, CNN bila dia tunjukkan perkara-perkara yang tidak baik tentang Malaysia, RTM ataupun Kementerian Penerangan ambil perkara itu bubuh masuk dalam RTM kita dan tunjukkan benda yang baik. Kalau dia tunjuk di Malaysia kita riot, tiap-tiap kali dia tunjuk riot, kita masuk dalam RTM. Tunjuk apa yang dia tunjuk lepas itu tunjuk keadaan sekarang - aman, baru orang tahu, riot dia bohong, aman yang betul. Ini tidak tunjuk, kita pun tengok riot tiap-tiap kali dia tunjuk.

Jadi saya minta Kementerian Penerangan perkara-perkara macam ini kena beri sensitif sedikit, jadi kita ingat apa CNN tunjuk memburukkan negara kita tetapi RTM kita tidak tunjuk. Saya setuju satu, dia mula hendak tunjuk, satu ketika dia tunjuk di negara jiran, heret orang, dengan keadaan negara jiran kemudian dia tunjuk ini negara orang, ini negara kita, macam itu yang saya hendak tetapi benda yang CNN saya puji yang baik, itu baik juga tetapi benda-benda macam CNN kita kena sensitif sedikit kalau dia tunjuk negara kita buruk kita tunjuk balik gambar itu dan kita tunjuk sekarang. Ini sebenarnya adalah pembohongan oleh CNN, CNBC, sebenarnya kita duduk dalam keadaan aman dan tenteram. Macam mana okay.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, masa sudah lebih...

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Cukup dah, Tuan Yang di-Pertua, jadi saya masuk dalam injury time, sedikit sahaja lagi, ini peluang, cukup mustahak. Saya mendapat tahu bahawa di negara kita sekarang ini ada wartawan luar sebanyak 3,500 orang, 3,500 orang saya difahamkan mereka ini

ada di negara kita, yang datang ke negara kita, sama ada kerana APECKah atau kerana keadaan perbicaraan yang berlangsung sekarang ini, tetapi yang saya hendak tahu adakah mereka ini datang dengan niat baik untuk hendak menerang kepada dunia bahawa negara ini baik, demokrasi elok ataupun hendak memburuk-burukkan negara ini ataupun adakah mereka ini datang dengan sesuatu tujuan, bawa duit banyak-banyak bagi dekat puak-puak reformasi, tunjuk perasaan sebab saya tahu puak-puak ini ada duit banyak. Saya sendiri biasa siasat pergi dekat masjid Jamek, tanya budak-budak ini datang dari mana, dia kata “datang dari Gerik”, macam mana mari, dia kata “bas kutip, free sahaja, lepas itu beri duit makan pula, kemudian bawa balik”, jadi duit ini datang dari mana.

Jadi saya takut perbelanjaan untuk hendak merosakkan negara kita datang daripada luar. Jadi saya hendak mencadangkan dan hendak memberitahu Kementerian Kewangan ini sama ada Bank Negara Malaysia mempunyai kuasa untuk memeriksa duit-duit cash yang ada dalam safe deposit box. Ini saya tahu Bank Negara mempunyai kuasa. Kita check, bukan kita hendak ambil, kita hendak tengok sebab duit cash yang disimpan dalam fixed deposit box ini adalah duit yang tidak betul, niat yang tidak baik, cara pun tidak betul. Sebab kalau duit itu baik dia mesti simpan dalam bank biasa untuk memperbanyakkannya. Tetapi duit yang terdapat secara haram dan cara yang tidak betul ini disimpan dalam fixed deposit box. Saya tahu ada bertong-tong tetapi kita tidak buat apa-apa dan apabila hendak buat tunjuk perasaan, dia pergi ambil satu beg dan bawa keluar.

Jadi saya minta Bank Negara supaya menyiasat kerana Bank Negara boleh memeriksa semua safe deposit box, periksa dan tengok kalau si A ini mempunyai bertong-tong duit cash kita boleh minta BPR atau polis siasat orang yang berkenaan. Sebab kita tidak mahu negara kita ini rosak, porak-peranda kerana tekanan daripada luar yang marah kepada pucuk pimpinan kita seperti Dato Seri Dr. Mahathir, orang yang lantang dan berani mengutuk Barat. Dalam kajian saya, saya ingat orang Barat benci sekali tiga orang, nombor satu Gaddafi, nombor dua Sadam Hussein dan nombor tiga Dato Seri Dr. Mahathir sebab dia lantang. Jadi salah satu negara yang hendak dijatuhkan ialah Malaysia, dia hendak tukar pemimpin yang tidak setuju dengannya. Hendak cari ayam didik yang boleh dipegang kepala dan ikut cakupnya. Kita tidak mahu duit secara haram ini datang ke negara kita, dia simpan dalam fixed deposit, di bank-bank perdagangan kita dan kita minta Bank Negara supaya ambil tindakan. Saya percaya Bank Negara mempunyai kuasa untuk memeriksa semua safe deposit box sebab kita periksa dan bukan kita hendak ambil. Macam orang lain, polis, kastam tidak boleh masuk tetapi Bank Negara mempunyai kuasa untuk memeriksa safe deposit box dan melihat wang-wang tunai disimpan mesti dengan niat yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya diminta berhenti – saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya harap perkara-perkara yang saya cakap ini perkara-perkara baik eloklah diambil dan kalau perkara-perkara yang tidak baik itu lupakan sahaja. Tetapi saya percaya apa yang saya cakapkan ini

cuma daripada kajian saya supaya dapat memperbaiki kerajaan dan negara kita supaya kita dapat hidup dengan aman dan damai. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baram. Ya, ramai lagi yang hendak berucap ya. Baram.

**11.42 pagi.**

**Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita merangkap Menteri Kewangan I di atas ucapan Belanjawan Negara 1999 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 23 Oktober 1998. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli Majlis Tindakan Ekonomi Negara serta pegawai-pegawai kerajaan yang bertungkus-lumus bekerja keras dan membuat kajian yang mendalam untuk mencari strategi-strategi dan langkah-langkah bagi mengatasi masalah kegawatan ekonomi yang melanda negara kita sejak bulan Julai 1997.

Keputusan dan tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk melindungi Ringgit dan saham Malaysia daripada diniagakan oleh pihak asing adalah dialu-alukan oleh rakyat Malaysia walaupun sebahagian pemimpin-pemimpin negara asing setakat ini banyak mengkritik tindakan tersebut. Walau bagaimanapun dengan tindakan kerajaan yang positif bagi memulihkan ekonomi negara, maka ugutan dan tekanan tidak lagi dibuat oleh pedagang mata wang dan pelabur asing dalam pasaran saham. Ini menunjukkan bahawa kita telah berjaya dalam usaha melindungi Ringgit dan saham Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya RM65.95 bilion yang telah diperuntukkan bagi Belanjawan 1999 adalah memuaskan walaupun berkurangan

9.3% berbanding dengan peruntukan tahun 1998. Kita perlu sedar bahawa dalam keadaan kegawatan ekonomi yang seperti ini kita tidak mempertikaikan mengapa budget ini dijangka mencatatkan defisit sekitar RM16.635 bilion. Yang pentingnya bagi saya, dengan adanya peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM18.053 bilion dan perbelanjaan mengurus RM47.042 bilion pada tahun hadapan kita boleh dan mesti bertindak dengan usaha yang lebih bersemangat lagi untuk membangunkan negara kita ini. Kita berharap bahawa pertumbuhan ekonomi akan terus meningkat sekurang-kurangnya 1% seperti yang dijangkakan dalam Belanjawan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pembangunan sektor ekonomi kerajaan juga sangat prihatin terhadap sektor sosial dan kebajikan rakyat jelata. Oleh itu dengan adanya peruntukan pembangunan bagi sektor ini kita mintalah supaya kerajaan terus mempergiatkan lagi pelaksanaan program ini dengan sesungguhnya bagi membangunkan rakyat yang tinggal di bandar mahupun di luar bandar yang masih tidak mampu menaikkan taraf kehidupan mereka dengan usaha mereka sendiri. Rakyat Malaysia khususnya yang tinggal di pedalaman negara termasuk rakyat termiskin, para petani, para nelayan, golongan berpendapatan rendah, pekebun-pekebun kecil yang tinggal di kampung ataupun rumah panjang masih perlukan bimbingan, nasihat dan bantuan dari kerajaan lebih lagi sejak negara kita dilanda kegawatan ekonomi yang ada sekarang.

Kita perlu memperkembangkan program kita yang boleh meningkatkan lagi produktiviti hasil pertanian mereka seperti pembinaan prasarana pertanian, memperkuat lagi kegiatan pertubuhan-pertubuhan seperti pertubuhan peladang, pertubuhan nelayan dan pertubuhan-pertubuhan yang lain. Latihan dan pembangunan teknologi yang baru pun perlu kita perembangkan. Pembinaan jalan desa, penyediaan bekalan air dan elektrik, pembangunan semula kampung tradisional serta pusat-pusat pertumbuhan desa perlu kita perembangkan. Ini adalah sangat penting sebab saya rasa bahawa tempat-tempat pedalaman ini mempunyai banyak lagi keperluan dan potensi untuk dibangunkan. Seperti kawasan saya di Baram, kebanyakan daripada kawasan Parlimen saya masih lagi

tidak mempunyai bekalan elektrik yang cukup dan bekalan air yang bersih untuk minuman. Kebanyakan daripada kampung-kampung di situ tidak mempunyai cukup wang untuk menanggung sendiri pembelian dan pembekalan generator elektrik dan masih lagi memerlukan sokongan daripada kerajaan dalam usaha mereka untuk membangun.

Oleh yang demikian saya ingin meminta kerajaan supaya di dalam perancangan ekonomi negara yang makro ini supaya tidak melupakan keadaan makro kita di pedalaman negara kita Malaysia. Saya bersetuju dengan perbelanjaan ini yang mengatakan bahawa kerajaan akan meneruskan program-program untuk pembangunan desa dengan peruntukan RM1.124 bilion di mana RM151 juta diperuntukkan bagi negeri Sarawak dan RM138 juta bagi negeri Sabah. Daripada peruntukan ini jelas bahawa peruntukan RM151 juta kepada negeri Sarawak langsung tidak mencukupi dan saya minta kepada kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan ini. Jika perlu ditambah bagi kepentingan pihak rakyat luar bandar di negeri Sarawak yang masih jauh ketinggalan daripada arus pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya gembira kerana kerajaan akan terus memberi perhatian kepada pembangunan sumber manusia dan ini adalah hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Peruntukan sebanyak RM13.5 bilion bagi pembangunan sumber manusia tahun hadapan adalah sangat perlu bagi meningkatkan prasarana dan kemudahan sokongan serta pembangunan kurikulum. Kita gembira mendengar bahawa sebanyak 183 buah sekolah rendah dan menengah baru akan dibuka sementara 1,217 buah lagi sedang dan akan dibina.

Selain itu, pengambilan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan akan ditingkatkan dari 77,600 kepada 84,000 orang dalam tahun 1999, dan kerajaan akan terus membantu pembiayaan pelajar melalui Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dengan peruntukan RM320 juta. Semua ini saya berharap bahawa semua lapisan masyarakat kita dapat berfaedah dan semua pemuda-pemudi kita tidak kira bangsa, agama akan mendapat pendidikan yang sewajarnya.

Terutama saya berharap kerajaan akan memberi perhatian kepada kawasan pedalaman. Kita di Sarawak masih lagi mempunyai sekolah-sekolah yang mencukupi dengan infrastruktur yang cukup moden atau guru-guru yang cukup berkelayakan. Buku-buku pun masih tidak mencukupi, dan juga bahan-bahan uji untuk eksperimen-eksperimen yang perlu dibuat. Saya berharap bahawa kerajaan

akan terus memberi pelajar-pelajar di kawasan-kawasan pedalaman ini yang tidak mempunyai wang cukup untuk meneruskan pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi lebih peluang bagi pemuda-pemudi kita di seluruh negara yang ingin mendapat diploma dan ijazah yang lebih tinggi tetapi mempunyai kerumitan wang dan masa, saya bercadang supaya kerajaan mengkaji negara kita memperkenalkan program pendidikan seperti Vocational Training Qualification (VTQ) seperti yang dilaksanakan di negara United Kingdom sekarang ini di mana seseorang boleh mendapat diploma atau ijazah dalam kerja yang dia sedang buat kerana dia akan diuji dengan kerja yang dia buat pada masa itu. Oleh itu, dia tidak perlu meninggalkan pekerjaannya untuk mendapat pendidikan yang lebih tinggi. Saya rasa inilah suatu peluang yang bermanfaat kepada pihak yang tidak mampu melanjutkan pelajaran mereka mengikuti saluran yang biasa. Oleh yang demikian, saya mintalah supaya Kementerian Pendidikan mengkaji cadangan ini kerana sistem ini akan mempertingkatkan lagi pembangunan sumber manusia kita di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meluahkan perasaan bangga kerana sebanyak RM4.51 bilion akan terus disediakan untuk perkhidmatan perubatan dan kesihatan dan juga pengambilan seramai 3,900 pegawai perubatan dan paramedik, peningkatan kemudahan dan peralatan hospital dan klinik pada tahun hadapan. Kesihatan rakyat kita adalah juga sangat penting. Oleh itu, saya harap kerajaan akan melabur lagi banyak wang ke dalam memperbaiki infrastruktur kita seperti hospital-hospital dan klinik-klinik desa, terutamanya di kawasan saya, Baram, kawasan pedalaman di mana sangat susah untuk berjalan daripada satu tempat ke satu tempat dan ia adalah sangat penting untuk mempunyai klinik-klinik yang dapat merawat pelbagai penyakit dan untuk sekurang-kurangnya membuat pembedahan mini.

Misalnya di klinik kita di Long Lama, kita berterima kasih kepada kerajaan kerana baru-baru ini seorang doktor telah ditempatkan bertugas di sana akan tetapi kemudahan di tempat itu tidak memuaskan. Pembedahan tidak boleh dijalankan kerana tidak cukup equipment dan sebagainya. Dengan keadaan ini, saya hendak bertanya adakah kementerian akan menaik taraf Klinik Long Lama ini ke taraf hospital kecil.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya infrastruktur yang amat memerlukan perhatian kerajaan di kawasan saya di Baram adalah jalan raya. Saya berharap bahawa sebahagian daripada peruntukan wang untuk jalan raya pada tahun depan disalurkan di negeri Sarawak akan digunakan terutamanya di Utara Sarawak untuk membina sebuah jalan utama Persekutuan yang belum dibina dari bandar Miri menerusi kawasan Baram dan seterusnya ke pekan Limbang, Lawas dan seterusnya ke Kota Kinabalu. Jalan ini telah lama ditunggu oleh rakyat kita di Utara Sarawak dan Sabah, sampai Rancangan Malaysia Ketujuh pun belum ada bukti jalan ini akan dibina. Pada fikiran saya ini adalah sangat penting sebab kita tidak perlu lagi melalui negara Brunei dan akan terus ke Sabah, dan ini akan menjimatkan masa dan menggalak pelancongan di antara kedua-dua negeri tersebut.

Selain daripada itu, kawasan pedalaman Sarawak seperti di Baram masih lagi tidak mempunyai jalan yang mencukupi. Kalau kita sampai di kebanyakan tempat terdapat hanya jalan-jalan kayu balak yang sangat merbahaya, terutamanya dalam musim hujan apatah lagi pada masa La Nina yang kita anggap akan melanda kita pada bulan akan datang ini. Ada banyak tempat yang masih lagi hanya boleh dihubungi dengan bot sahaja mengguna Sungai Baram. Oleh itu, saya minta supaya peruntukan RM382 juta yang diberikan untuk negeri Sarawak itu ditambah lagi

bagi pembinaan jalan utama Persekutuan dari Beluru ke Long Lama di kawasan Baram dan seterusnya ke pekan Limbang, Lawas dan ke negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu pendekatan yang boleh menambah lagi pengeluaran negara ini ialah dari usaha pembangunan tanah yang terbiar di seluruh negara. Contohnya, di negeri Sarawak sendiri terdapat 2.5 milion hektar tanah termasuk tanah NCL yang dibangunkan untuk penanaman pokok-pokok kelapa sawit untuk meningkat pengeksportan minyak kelapa sawit. Jika tanah ini dibangunkan, pengeluaran kita pada tahun yang akan datang sampai tahun 2020 dari pengeksportan minyak kelapa sawit akan mendatangkan hasil lebih kurang berjumlah RM10 bilion. Ini bermakna industri ini kita perlu bangunkan dengan seriusnya. Kita berharap banyak lagi pelabur yang melabur dalam pembangunan kelapa sawit ini di tanah yang banyak terbiar begitu sahaja. Selain itu, terdapat ramai lagi manpower ataupun tenaga manusia yang berpotensi untuk dilatih untuk menjadikan mereka lebih mahir dan produktif untuk bekerja di tempat-tempat yang dibangunkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya juga menyokong usaha-usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah destinasi percutian antarabangsa. Setelah kita mengadakan Sukan Komanwel pada bulan lalu, Malaysia berjaya memperkenalkan negara kita di peringkat antarabangsa. Industri pelancongan adalah satu industri yang penting dan akan memberi faedah kepada tabung negara kerana industri ini boleh membawa banyak mata wang asing ke dalam Malaysia tanpa kos yang tinggi. Kita gembira mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata seramai 7.2 juta pelancong dijangka akan melawat Malaysia pada tahun 1999

berbanding dengan 6.8 juta pada tahun 1998 dan hasil pendapatan pertukaran wang asing kita dijangka akan meningkat kepada RM14.4 bilion pada tahun 1999 berbanding dengan RM12.8 bilion pada tahun ini. Bererti angka-angka ini masih lagi boleh meningkat dengan lebih lagi promosi negara kita di luar negara, terutamanya di perantauan Eropah di mana negara kita masih lagi tidak mempunyai exposure yang mencukupi. Kebanyakan daripada mereka yang mengambil pelancongan ke Asia masih lagi tidak mempunyai maklumat yang cukup tentang Malaysia berbanding dengan Indonesia dan negara Thai.

Negara kita adalah sebuah negara yang kaya dengan kecantikan semula jadi seperti hutan tropika, air terjun dan laut yang menarik dan indah. Kita juga mempunyai budaya yang kaya dan berwarna. Oleh itu, sangat penting bagi kita untuk melaksanakan lebih lagi promosi pelancongan yang mempunyai faktor yang dikenalkan sebagai 'C.A.N. Tourism' di mana 'C' adalah Culture; 'A' adalah Adventure dan 'N' adalah Nature. Misalnya, 'C.A.N. Tourism' ini perlu diperkukuhkan ataupun diperkenalkan di kawasan Baram yang mempunyai pelbagai budaya dan mempunyai sejarah yang lama. Kawasan yang luas untuk adventure tourism seperti wide water rafting, dengan izin, dan hunting and gaming, dengan izin, dan kawasan semula jadi yang begitu indah dan bersejarah seperti Gua Mulu dan kawasan Senapau dan juga tasik-tasik yang bersih dan cantik yang ada di lembah Sungai Baram.

Terdapat juga kawasan dingin yang boleh digunakan untuk health resort dan SPA, dengan izin, seperti di Bario Highland, di Bekalalan, semua ini boleh dibangunkan untuk pembangunan pelancongan di negara ini.

Saya berharap kerajaan akan mengkaji tempat-tempat yang berpotensi ini untuk dibangunkan bagi industri pelancongan di seluruh negara khususnya di negeri Sarawak khasnya di kawasan saya di Baram.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ucapan yang demikian, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jerlun.

**12.02 tgh.**

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli [Jerlun]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga turut mengambil bahagian dan ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan terutama kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan I yang telah membentangkan Belanjawan pada 23 Oktober tempoh hari.

Walaupun Belanjawan pada tahun ini kita mengalami defisit sebanyak RM16 bilion dan sudah tentu kerajaan mempunyai keikhlasan di dalam usaha untuk memberikan keselesaan kepada rakyat walaupun Belanjawan ini dalam keadaan defisit, tetapi perbelanjaan kepada kementerian-kementerian terutama kepada rakyat di kawasan luar bandar tidak dilupakan oleh kerajaan.

Tambahan pula dalam keadaan negara kita yang sedikit kegawatan ekonomi yang menimpa negara kita dan juga negara-negara lain, kerajaan sungguh berprihatin supaya projek-projek di kawasan-kawasan luar bandar dapat dilaksanakan dan juga projek-projek di lain-lain tempat dapat dilaksanakan untuk menjana ekonomi negara kita supaya dapat berkembang dan pertumbuhan sebanyak 1% itu dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana kerajaan masih peka dan prihatin pertamanya terhadap memberi peruntukan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan kementerian ini sepatutnya memberikan penekanan kepada penyediaan jalan-jalan di kampung-kampung.

Pada masa sekarang ini jalan-jalan di kampung-kampung di kawasan-kawasan luar bandar terutamanya, boleh dikatakan sebahagian besar lagi perlukan kepada jalan-jalan yang agak selesa kerana terdapat banyak seperti di kawasan

saya sendiri di mana sebahagian besar kawasan saya adalah di dalam kawasan Rancangan Perairan Muda ataupun MADA didapati 90% daripada jalan-jalan adalah terlibat dengan jalan-jalan ladang, sedangkan jalan-jalan ini tidak diberi penekanan oleh pihak-pihak terutamanya dari Kementerian Pertanian kerana mereka kononnya tidak mempunyai peruntukan yang cukup.

Jadi, kita berharap supaya peruntukan dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini dapat disalurkan bagi membina jalan-jalan yang bukan sahaja kegunaan para petani tetapi adalah kegunaan penduduk-penduduk kerana di sepanjang jalan-jalan yang dikatakan jalan ladang ini adalah didiami oleh penduduk-penduduk secara kebetulan jalan-jalan ini terletak di dalam kawasan Perairan Muda maka dinamakan jalan-jalan ini sebagai jalan-jalan ladang.

Dahulunya tidak dikategorikan jalan ini di bawah jagaan Jabatan Kerja Raya dan dengan kerana itulah jalan-jalan yang terdapat di kawasan di kampung-kampung seperti yang saya nyatakan tadi itu tidak diberi keutamaan oleh jabatan-jabatan sama ada dari jabatan di bawah Kementerian Pertanian ataupun jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kerja Raya dan sebab itulah kita berharap kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya dapat mengambil inisiatif untuk memberikan peruntukan yang lebih bagi kita menyelesaikan permasalahan rakyat untuk memberikan jalan yang agak lebih selesa kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Selain dari jalan-jalan, saya juga meminta supaya pihak Kementerian Pendidikan dapat mengadakan lagi beberapa buah sekolah di kawasan pilihan raya saya di kawasan Jerlun umpamanya untuk mewujudkan dua buah lagi sekolah rendah bertempat di Kampung Kuala Sanglang dan juga di Kampung Batu 20 di kawasan Padang Perahu yang memerlukan dua buah lagi sekolah kebangsaan bagi menampung pertambahan penduduk yang mana sekarang ini pelajar-pelajar

daripada kampung-kampung yang berjauhan, terpaksa berulang-alik dari sekolah yang sedia ada. Dengan adanya dua buah lagi sekolah ini dapat meringankan beban ibu bapa dan juga keselesaan kepada pelajar-pelajar untuk tidak berulang-alik dengan terlalu jauh.

Begitu juga perlunya diwujudkan sebuah lagi sekolah menengah bagi menampung sekolah menengah yang sedia ada di mana terdapat banyak feeder school ataupun sekolah-sekolah feeder yang terdapat di kawasan Kampung Lanabulu misalannya dan memerlukan sebuah sekolah menengah bagi menampung pelajar-pelajar di sekolah persekitaran.

Dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi keselesaan pelajar-pelajar di kawasan luar bandar ini, maka saya juga memohon supaya Kementerian Pendidikan dapat mempercepatkan pelaksanaan sekolah bestari di dalam kawasan Parlimen Jerlun ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Parlimen Jerlun sekarang ini kita mempunyai tujuh buah sekolah menengah tetapi daripada tujuh buah sekolah menengah itu, tidak ada sebuah sekolah menengah pun yang mempunyai sebuah dewan yang khas. Walaupun perkara ini telah diajukan beberapa kali kepada pihak-pihak yang berkenaan, tetapi kementerian memberikan prioriti yang rendah kepada dewan ini, namun kita memikirkan terlalu perlu untuk dibina sebuah dewan bagi Sekolah Menengah di Air Itam. Jadi, saya memohon supaya Kementerian Pendidikan dapat melaksanakan sebuah pembinaan dewan di Sekolah Menengah Air Itam bagi keperluan sekolah dan juga penduduk serta masyarakat di persekitaran.

Selain daripada sekolah, kita juga perlu dari segi pertanian seperti mana yang telah diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena tadi. Di kawasan saya juga adalah terdiri dari kawasan MADA yang mempunyai

permasalahan yang sama dan di kawasan ini yang menjadi permasalahannya adalah dari segi petani-petani yang menjadikan pertanian penanaman padi sebagai sumber kehidupan mereka yang utama. Jadi, dengan kerana itu, walaupun kerajaan telah menambahkan harga padi kemudian menambahkan subsidi baja dan di samping itu menetapkan pula harga beras gred super tetapi ini tidak boleh membantu secara langsung kepada petani-petani.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan mesyuarat*]

Jadi sebab itulah kerajaan harus mencari jalan bagaimana kita hendak mengurangkan kos perbelanjaan untuk mengeluarkan penanaman padi supaya petani-petani yang mengerjakan sawah ini akan memperoleh pendapatan yang lumayan sedikit supaya setimpal dengan kerja yang mereka buat dan tambahan pula dengan perbelanjaan sekarang yang terdapat harga-harga barang yang sedikit naik sama ada kita mahu akui ataupun tidak perkara ini adalah menjadi satu kenyataan dan ini membebankan lagi kepada petani-petani. Sebaliknya jika kerajaan menambahkan lagi harga, meningkatkan sedikit harga padi, menambahkan sedikit lagi subsidi baja dan menambahkan sedikit lagi subsidi racun dan sebagainya, dengan cara itu dapat membantu mengurangkan kos pengeluaran tadi dan dengan demikian dapatlah penanam-penanam padi ini memperoleh pendapatan yang lebih lumayan.

Selain daripada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, itu Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan saya juga berlaku banyak kemalangan di antara mereka yang melintasi jalan-jalan kereta api. Untuk makluman, jalan kereta api yang terdapat merintang di dalam kawasan saya terdapat sebanyak 36 laluan kereta api termasuk gerabak yang melalui lintasan ataupun yang melalui di kawasan saya pada setiap hari dan ini membuatkan banyak kemalangan berlaku dengan kerana pihak KTM ataupun Keretapi Tanah Melayu ini tidak menyediakan infrastruktur yang cukup. Dulu saya kemukakan supaya diadakan beberapa jejambat bagi melintasi seumpamanya di jalan antara Jalan Jitra ke Kemboja melintasi lintasan kereta api di Sungai Korok patut dibinakan sebuah jejantas di situ bagi membolehkan orang ramai berulang melintasi. Begitu juga di tempat-tempat yang lain seperti di stesen kereta api di Kodiang, di Megat Dewa dan juga di Batu 17 dan banyak kemalangan ini sudah berlaku yang bukan sahaja membawa

kecederaan pada orang ramai tetapi ada yang hilang nyawa akibat dari digilis oleh kereta api. Jadi dengan demikian, perlu sangatlah supaya perkara-perkara yang kecil begini pun patut diambil kira dan diberi perhatian oleh Kementerian Pengangkutan.

Bercakap mengenai Kementerian Pengangkutan ini, satu perkara lagi yang saya hendak bawa di sini ialah mengenai dengan landasan lapangan terbang di Alor Setar. Landasan lapangan terbang di Alor Setar ini sudah lama dikemukakan supaya dipanjangkan landasan itu. Walaupun pada masa sekarang ini hanya Boeing 737 sahaja yang boleh mendarat, tetapi dengan keadaan landasan yang pendek, selalu berlaku kecemasan bila kapal terbang hendak mendarat dengan kerana keadaan terutamanya pada keadaan cuaca yang kurang baik. Jadi sudah beberapa kali pilot terpaksa mengambil risiko bila hendak mendarat.

Dan akibat daripada itu kita berharap sebelum kemalangan berlaku maka kerajaan patutlah memberi peruntukan untuk memperpanjangkan landasan kapal terbang di Alor Setar. Dan bukan sahaja setakat memanjangkan landasan kapal terbang, tetapi kemudahan-kemudahan seperti mengadakan kemudahan-kemudahan pendaratan bila dalam keadaan cuaca kabus misalannya, bila dalam keadaan kabus kadang-kadang kapal terbang ini tidak dapat mendarat di Alor Setar, mereka terpaksa kena berpatah balik mendarat di Pulau Pinang. Sepatutnya Lapangan Terbang Alor Setar ini adalah satu di antara lapangan terbang yang berpotensi kerana lapangan terbang ini bukan sahaja memberi perkhidmatan kepada penduduk di persekitaran Kedah dan Perlis tetapi juga ramai penduduk-penduduk di Selatan Thailand yang datang ke Kuala Lumpur, mereka berkereta ke Lapangan Terbang Alor Setar dan mengambil kapal terbang dari Alor Setar untuk ke Kuala Lumpur. Dan ini sudah tentu kita dapat mempertingkatkan lagi ataupun kita dapat menarik lagi orang ramai bukan sahaja daripada dalam negara tetapi dari luar negara datang untuk menggunakan lapangan terbang ini. Jadi lapangan

terbang yang sudah lama dan bangunan terminal juga sungguhpun bangunan terminal itu baru sahaja 15 tahun dibina tetapi pelannya saya difahamkan sejak daripada Datuk Sardon Zubir, semasa Datuk Sardon Zubir menjadi Menteri Pengangkutan, design bangunan terminal itu diluluskan tetapi pembinaannya baru sahaja dibina lebih kurang 15 tahun yang lalu. Dan perkara ini pun patutlah diambil perhatian.

Satu perkara lagi yang saya ingin menyentuh mengenai dengan Kementerian Kesihatan, mengenai dengan kemudahan-kemudahan perubatan di Hospital Besar Alor Setar. Hospital Besar Alor Setar ini bukan sahaja menjadi pemangkin kepada hospital-hospital yang terdapat di Kedah, tetapi juga ada kes-kes daripada Hospital Kangar yang dirujuk ke Hospital Alor Setar. Tetapi yang menjadi malangnya tidak diberi keutamaan oleh Kementerian Kesihatan di dalam usaha untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan yang terdapat di hospital ini, terutamanya dari segi kehadiran atau pakar-pakar di hospital ini yang ada di antara pakar-pakar tertentu yang terpaksa dihantar ke Pulau Pinang seminggu dan satu hari untuk berkhidmat di Alor Setar dan adakalanya terpaksa digilirkan dua minggu, dalam tempoh dua minggu hanya satu hari sahaja yang ada jadual mereka di Alor Setar. Sedangkan Hospital Alor Setar ini bukan sahaja yang lama, perkembangan pertambahan penduduk pun begitu ramai dan rakyat yang kurang berpendapatan pun begitu ramai. Hospital swasta pun tidaklah banyak yang ada di Alor Setar. Jadi sudah tentulah hospital kerajaan ini menjadi pilihan utama kepada rakyat. Jadi dengan kerana itu saya meminta supaya sekarang ini kerajaan menjadikan Hospital Pulau Pinang sebagai tempat untuk mereka mempertingkatkan, memberikan banyak pakar, mengadakan alat-alat yang moden 'sophisticated' dan sebagainya di Hospital Pulau Pinang. Sedangkan di Pulau Pinang itu kalau kita hendak lihat sudah banyak hospital swasta termasuk hospital-hospital swasta yang mengadakan kardiologi yang baik, pakar-pakar bedah termasuk pembedahan jantung pun boleh dilakukan di hospital-hospital swasta di Pulau Pinang.

Jadi dengan demikian jika pesakit-pesakit di persekitaran penduduk di Pulau Pinang dan daerah sekitarnya, mereka tidaklah risau sangat jika mereka tidak dapat kemudahan di hospital kerajaan di Pulau Pinang. Mereka boleh mendapat rawatan di hospital-hospital swasta termasuk kepada masalah-masalah yang saya sebutkan tadi, sedangkan di Hospital Alor Setar kemudahan-kemudahan ini tidak terdapat. Jika sekiranya kerajaan mengubahkan polisi ini daripada meningkatkan kemudahan yang begitu banyak di Hospital Pulau Pinang yang sudah pun ada kemudahan pada hospital swasta ditukarkan ke Hospital Alor Setar, alangkah baiknya dan ini dapat membantu lebih ramai lagi masyarakat yang kurang menggunakan hospital untuk mendapat rawatan akan menggalakkan rakyat supaya rakyat akan lebih yakin dan akan datang ke hospital untuk mendapat rawatan.

Satu perkara lagi saya hendak bangkitkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai dengan pelaksanaan projek-projek. Ini masalah birokrasi. Walaupun kerajaan menyediakan peruntukan yang

berpuluh bilion ringgit bagi dibelanjakan terutamanya di dalam pembangunan pada tahun 1999 ini tetapi dari segi kita kurang yakin ataupun rasa sedikit terkilan dari segi pelaksanaan kerana jentera pelaksanaan ini agak terlalu lembab sedikit. Kerana lembab ini ialah setengah-setengah mentality pegawai-pegawai yang mengendalikan pelaksanaan projek-projek pembangunan ini tidak begitu prihatin tentang sensitifnya sesuatu projek. Contohnya jika projek-projek yang diberikan di bawah peruntukan wakil-wakil rakyat, untuk mendapat kelulusan yang dikemukakan oleh wakil-wakil rakyat kepada Pengarah Pembangunan Negeri pun mengambil masa sehingga 3 bulan baru hendak diluluskan. Kemudian kadangkalanya pihak pegawai-pegawai di Pejabat Pengarah Pembangunan Negeri itu pula meminda projek-projek yang dikemukakan oleh wakil-wakil rakyat termasuk meminda amount yang kita rasa kita wakil-wakil rakyat yang telah menetapkan projek-projek itu hasil daripada permintaan rakyat, kita telah membuat anggaran dan memenuhi seperti mana yang dikehendaki oleh rakyat. Jadi sementara sudahlah lambat untuk mendapat kebenaran dari Pejabat Pembangunan Negeri, kemudiannya akan dihantar kepada Pegawai Daerah untuk dilaksanakan. Di peringkat daerah ini pula satu lagi kerenah birokrasi yang agak lambat juga yang akhirnya bila tiba bulan akhir seperti bulan November atau Disember ini maka barulah projek itu hendak diselesaikan kerana pembayaran akan dilaksanakan sebelum akhir tahun. Dan jika keadaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Terima kasih. Jika keadaan sebegini berlaku maka sudah tentulah yang akan menjadi mangsa adalah rakyat kerana projek-projek yang sepatutnya rakyat dapat dengan peruntukan yang baik itu akan dapat projek yang sedemikian, yang sepatutnya dapat tetapi dengan kerana keadaan masa yang sempit untuk mereka laksanakan dan akhirnya projek-projek itu tidak dapat diterima oleh rakyat dalam keadaan yang baik. Jadi saya berharap supaya polisi ataupun perkara-perkara ini dapat diteliti semula oleh kerajaan dan melihat supaya perkara ini dapat dilaksanakan.

Dengan demikian, saya menyokong Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Batang Sadong.

**12.20 tgh.**

**Cik Sukinam Domo [Batang Sadong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan anggaran perbelanjaan tahun 1999. Bagi pihak penduduk luar bandar khususnya penduduk luar bandar negeri Sarawak, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan kerajaan kerana terus menyediakan anggaran perbelanjaan yang prihatin dan peka terhadap keperluan

masyarakat luar bandar dan golongan yang berpendapatan rendah. Sarawak mengalu-alukan sebanyak RM151 juta untuk pembangunan desa di Sarawak, begitu juga peruntukan sebanyak RM382 juta untuk pembinaan jalan dan jambatan. Saya juga mengalu-alukan peruntukan yang begitu besar yang disediakan bagi sektor pendidikan. Adalah diharapkan Sarawak sekali lagi akan diberikan peruntukan yang besar kerana kebanyakan prasarana pendidikan masih dalam keadaan daif khususnya sekolah-sekolah di luar bandar.

Saya juga amat berterima kasih atas keprihatinan kerajaan terhadap keperluan kaum wanita dan pengiktirafan kerajaan betapa besarnya sumbangan wanita dalam pembangunan insan dan negara. Peruntukan sebanyak RM50 juta bagi penyertaan wanita dalam pembangunan ekonomi dialu-alukan, kalau boleh ditambah lagi kerana wanita memerlukan bantuan khusus dan khas yang tidak memerlukan mereka bersaing dengan kaum lelaki yang sudah begitu jauh ke hadapan dalam bidang ekonomi. Oleh kerana masa begitu singkat, saya ingin mengemukakan beberapa pemerhatian dan komen.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, pemberian kontrak kepada kontraktor yang berwibawa di bawah konsep Payung. Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah pakar ekonomi, bahkan saya jahil dalam ekonomi tetapi saya menyokong penuh hasrat kerajaan untuk membantu kontraktor bumiputera dan dari segi pentadbiran memang mudah menyelia seseorang kontraktor daripada sebilangan kontraktor. Tetapi adakah sistem atau konsep payung ini digunakan semata-mata kerana untuk memudahkan urusan pentadbiran iaitu untuk memudahkan pegawai-pegawai membuat penyeliaan daripada menyelia 10 atau 20 kontraktor kecil cuma menyelia seorang kontraktor berwibawa. Adakah satu kajian dibuat terhadap keberkesanan sistem ini daripada segi kosnya sesuatu projek itu, kualitinya, dan apa terjadi kepada kontraktor-kontraktor kecil yang lain.

Saya mempersoalkan sistem ini kerana maklum balas yang saya terima daripada penduduk selaku penerima projek tidak memihak kepada sistem ini. Contohnya, projek rumah rakyat termiskin di Sarawak kos rumah rakyat termiskin pada tahun ini adalah kira-kira RM6,000 lebih. Pada tahun yang lepas dan pada tahun sebelumnya kosnya hanya RM5,000 lebih bahkan RM3,000 lebih buat permulaan dahulu. Tetapi, Tuan Yang di Pertua, kualitinya jauh berbeza, saya berikan contoh, rumah yang dibina sekarang di bawah konsep payung ini tiangnya kayu dinamakan serangan batu, dindingnya plywood, atau hard board, masih dua buah bilik, tetapi tanpa jamban dan bilik air, tanpa bekalan elektrik dan air. Rumah yang dibina pada tahun lepas yang tidak menggunakan konsep payung lebih merupakan kontraktor terus ataupun gotong-royong peringkat kampung bertiangkan kayu belian yang dianggap orang kampung itulah kayu yang sepatutnya menjadi tiang, bukan kayu-kayu lain, berdindingkan papan, ada dua buah bilik dan ada jamban, ada bekalan elektrik dan air. Ini jauh perbezaannya.

Saya meminta kerajaan mengkaji semula sistem ini kerana saya merasakan ianya tidak sesuai untuk projek kos rendah. Seperti yang kita maklum, mungkin kos sebenar rumah tersebut akhirnya hanya RM3,000 - RM4,000 sahaja, kerana sudah tentu kontraktor payung mahukan untung, begitu juga subkontraktor. Amatlah menyedihkan apabila rakyat daif, miskin, yang amat menantikan rumah selepas tiga atau empat tahun memohon dan memerlukan rumah akan mendiami rumah yang mungkin hanya bertahan beberapa tahun sahaja dan dalam kegelapan juga sebab tiada bekalan elektrik. Untuk mendapatkan bekalan elektrik dan air mereka terpaksa pula meminta daripada peruntukan lain, mungkin daripada wakil rakyat. Selain daripada itu kelulusan kepada permohonan kepada yang saya sebutkan tadi memakan masa yang lama, tiga empat tahun baru dapat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin komen ialah tentang kempen membeli barangan tempatan. Sekarang ini heboh dengan kempen membeli barangan tempatan. Banyak kempen dibuat. Saya ingin bertanya

siapakah kumpulan sasaran kempen ini? Adakah sasarannya kumpulan yang kuasa membelinya tinggi (high purchasing power) dengan izin, atau masyarakat biasa? Saya merasakan kempen ini sepatutnya disasarkan kepada golongan yang kuasa belinya tinggi kerana golongan inilah yang selalu atau gemar membeli barangan berjenama dan buatan luar negeri. Masyarakat biasa luar bandar khususnya yang kuasa belinya rendah memang tidak mampu membeli barangan berjenama luar negeri of course lah mereka membeli makanan, kita pun semua membeli makanan. Saya mencadangkan agar pertubuhan atau persatuan yang berpusat di bandar yang ahli-ahlinya dari golongan kuasa belinya tinggi tampil ke hadapan membuat kempen ini secara besar-besaran.

Dalam pada itu juga, Tuan Yang di-Pertua, hendak membeli barangan buatan Malaysia ini khususnya barangan berbentuk pakaian atau keperluan wanita amat sukar sekali, kerana tidak ada di pusat membeli-belah yang besar ataupun pada posh dengan izin, kerana di situlah wanita-wanita atau lelaki yang kuasa belinya tinggi akan pergi membeli-belah. Kalau ada pun kuantitinya amat kecil dan diletakkan di sudut yang sukar dilihat oleh bakal pembeli. Bahkan pengalaman saya sendiri apabila saya bertanya dengan jurujual, jurujual pun tidak tahu adanya barangan buatan Malaysia di kompleks tempat mereka bekerja.

Barangan buatan Malaysia hanya banyak di kedai-kedai kecil, kedai-kedai lain dan bukan di kompleks membeli-belah yang besar. Kadang-kadang apabila kita hendak membeli kasut, pernah saya bertanya kasut buatan Singapura, bukan buatan Malaysia. Memang barangan berbentuk kraftangan dan makanan ada memang banyak tetapi kita tidak membeli kraftangan sekerap kita membeli pakaian.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berkaitan dengan media massa. Saya kurang arif tentang dasar media massa sama ada media elektronik atau cetak tentang penyiaran berita. Saya bertanya kerana saya dapati terlalu banyak berita negatif dan menyedihkan disiarkan dalam akhbar atau TV. Setiap kali kita membuka sahaja surat khabar kita tengok kes kemalangan jalan raya, kes sosial atau kes jenayah dan sedikit sangat berita tentang kejayaan, misalnya remaja yang berjaya untuk memberi motivasi kepada remaja, kerana selama ini remaja selalu sahaja disalah anggap, selalu sahaja dikatakan menimbulkan masalah sosial kepada masyarakat.

Begitu juga kalau kita menonton televisyen, drama televisyen menunjukkan seolah-olah wanita tidak boleh berjaya tanpa menghadapi cabaran bercorak 'gender bias', dengan izin. Bukan itu sahaja, drama-drama itu seolah-olah menunjukkan kaum lelaki memang sentiasa cemburu dan tidak mahu wanita berjaya. Selain hanya berjaya menjadi suri rumah saya percaya ini tidak berlaku, saya percaya kaum lelaki pun mahu kaum wanita berjaya.

Perkara keempat ialah perkara berkaitan dengan dasar pemilihan untuk menunaikan fardu haji. Walaupun pihak Tabung Haji ada menyatakan keutamaan diberikan kepada orang yang baru pertama kali hendak menunaikan fardu haji tetapi masih ramai golongan begini belum dipilih sebaliknya orang-orang yang sudah menunaikan fardu haji beberapa kali masih juga dipilih. Pengetahuan saya dalam hal hukum-hukum Islam memang amat cetek. Apa yang saya tahu yang wajib adalah kali pertama bukan yang kedua, ketiga atau seterusnya. Begitu juga antara yang masih hidup atau yang sudah meninggal. Yang saya difahamkan kewajipan kepada yang masih hidup, bukan yang sudah meninggal yang kadangkala hajinya dikerjakan oleh anak-anak, apabila saya bertanya mereka menyatakan nazar. Oleh kerana anak sudah bernazar diberikan peluang tetapi itulah yang saya katakan tadi siapa yang lebih layak yang masih hidup atau yang telah meninggal dunia.

Saya menimbulkan perkara ini kerana masyarakat merasakan Tabung Haji kurang adil dalam pemilihan bakal haji. Biasanya orang yang hendak pergi haji orang yang sudah menjangkau umur 40an, 50an dan ke atas dan yang sudah menabung begitu lama untuk tujuan menunaikan fardu haji. Ada yang tidak sempat sudah meninggal dunia dan sekarang ini apabila kos meningkat ini bermakna ramai yang mungkin tidak mampu, yang dulunya mereka mampu dengan kos yang lama. Saya memohon kepada Tabung Haji agar benar-besar ikhlas mengkaji semula cara atau prosedur pemilihan bakal haji ini. Saya tahu biasanya

jawapan menyatakan memang itulah yang dibuat tetapi pada hakikatnya tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya ialah perkara berkaitan dengan isu sosial. Setiap tahun begitu banyak perbelanjaan dikeluarkan untuk menangani masalah sosial. Perbelanjaan tahun 1999 ini memberikan juga peruntukan yang cukup besar kepada agensi-agensi berkaitan untuk membasmi atau membendung atau mencegah gejala sosial. Misalnya, RM75 juta diperuntukkan untuk mempertingkatkan pencegahan dan pemulihan penagih dadah. RM245 juta untuk mengukuhkan penghayatan nilai-nilai Islam tetapi apa yang kita lihat malangnya gejala sosial semakin meningkat.

Baru-baru ini saya terbaca dalam akhbar melaporkan peningkatan kes jenayah yang melibatkan remaja sudah meningkat sebanyak 41%. Kes penglibatan remaja khususnya orang Islam dalam penyalahgunaan dadah semakin meningkat. Saya ingin bertanya adakah kajian benar-benar sudah dibuat untuk mengetahui punca sebenar masalah sosial ini berlaku ataupun hanya andaian sahaja. Andaian-andaiannya banyak, ada mengandaikan penglibatan dadah kerana tidak disayangi keluarga, keluarga ramai ataupun ibu bapa yang sibuk bekerja tidak ada masa untuk menjaga anak dan macam-macam lagi andaian. Saya ingin bertanya adakah kajian benar-benar sudah dibuat. Adakah kajian juga dibuat tentang keberkesanan program-program yang sedia ada yang kita ketahui memang banyak dan dibuat oleh berbagai agensi, Kementerian Belia ada aktivitinya, JAKIM ada aktivitinya, Perpaduan ada aktivitinya, semua menuju ke arah belia tetapi kita mahu tahu kesannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kegawatan ekonomi ini setiap sen amat berharga dan saya dapati perbelanjaan kita amat besar dalam bidang emolumen dan setiap kali dan setiap tahun begitu banyak wang dibelanjakan. Jadi saya inginlah bertanya adakah benar-benar setiap sen itu diguna sepenuhnya dengan

bistari. Kita harus mengubah corak bekerja, 'work smart not work hard', rasanya kebanyakan kita memang 'work hard' tapi saya tidak tahu tentang 'work smart'. Dan kebanyakan jabatan saya akui pegawai-pegawai memang telah berusaha sungguh-sungguh tetapi mungkin ada juga segelintir yang menyebabkan projek-projek dan kerja-kerja yang tergendala misalannya dan membazirkan wang. Saya haraplah jabatan-jabatan atau agensi kerajaan mengkaji semula pegawai-pegawai masing-masing tentang cara bekerja, kewangan yang dibuat dan sebagainya kerana kita tidak mahu lebih banyak wang untuk mengurus, untuk dibelanjakan membayar gaji daripada untuk projek yang sebenarnya.

Memang benar projek-projek biasanya lambat, terlalu lambat, 3, 4 bulan baru diluluskan, selepas itu pelaksanaannya lambat dan yang menjadi mangsa ialah memangnya wakil rakyat, bukan pegawai-pegawai pelaksana. Penduduk tidak akan menyalahkan pegawai-pegawai pelaksana, penduduk rakyat kampung akan menyalahkan wakil rakyat kerana mereka beranggapan wakil rakyatlah pembuat dasar, wakil rakyatlah juga pelaksana tetapi pada hakikatnya pelaksanaannya bukan wakil rakyat. Jadi saya bukan hendak menyalahkan mana-mana pihak tetapi hakikatnya memang berlaku bahawa kebanyakan projek-projek kita tergendala ataupun membazir kerana karenah birokrasi dan sebagainya seperti yang saya katakan tadi, contoh tentang rumah rakyat termiskin tadi. Jadi saya berharap benar-benarlah dalam kegawatan ekonomi ini bahkan walaupun ekonomi kita sudah baik nanti seperti dulu kita harus juga berhati-hati dan membelanjakan wang itu sebaik-baik mungkin supaya lebih ramai masyarakat mendapati manfaat daripada apa yang kita peruntukkan. Jadi, dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Belanjawan 1999 ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Mentakab.

**12.39 tgh.**

**Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 1999.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menstabilkan nilai mata wang Ringgit, kerajaan mulai bulan Oktober telah mengambil langkah yang drastik menghapuskan sah laku Ringgit di luar negara dan dengan tindakan ini sekali gus memberhentikan perdagangan mata wang Ringgit di offshore, dengan izin. Tindakan unorthodox

ini, dengan izin, bukan tindakan yang diinginkan oleh kerajaan tetapi ia merupakan satu langkah yang boleh mempertahankan nilai Ringgit dari turut merosot. Walaupun pada peringkat awal langkah ini telah dipertikaikan oleh beberapa negara asing tapi kini kian banyak negara telah menyuarakan rasa simpati dan sokongan terhadap tindakan Malaysia untuk menyelamatkan ekonomi negara. Kepada para peniaga dan pelabur yang tulen kestabilan kadar tukaran ringgit adalah satu-satu yang sangat dialu-alukan. Cuma kerajaan perlu memastikan bekalan mata wang asing yang mencukupi untuk menampung permintaan untuk bayaran perdagangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga mengenai dengan langkah kawalan modal yang telah disalah faham sebagai kawalan pelaburan dan kawalan aliran modal oleh masyarakat antarabangsa sehingga kerajaan menjelaskan bahawa tindakan ini adalah cuma untuk mengawal aliran modal jangka pendek iaitu modal hot money atau speculators dan tidak bertujuan untuk meningkat aliran modal pelaburan tulen.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kawalan mata wang dan aliran hot money adalah langkah luar biasa untuk menangani krisis ekonomi yang luar biasa. Kerajaan telah menyatakan Malaysia masih komited kepada mekanisme pasaran bebas dan tidak berniat untuk melaksanakan langkah kawalan ini secara kekal. Ianya akan ditamatkan setelah masyarakat antarabangsa bersepakat mengambil tindakan memperkenalkan peraturan, menyusun semula sistem pasaran kewangan antarabangsa supaya keadaan kembali pulih ke satu tahap yang sihat. Maka dengan kenyataan Kerajaan Malaysia, masyarakat antarabangsa perlu memberi satu peluang dan sokongan kepada Malaysia untuk mencuba dengan cara Malaysia yang Malaysia fikir sesuai dan tepat dengan keadaan negara kita untuk memulih ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha pemulihan ekonomi negara, tugas pertama kerajaan ialah untuk menyelamatkan sistem perbankan yang dilanda dengan masalah NPL dan kesuntukan liquidity. Maka saya sokong tindakan-tindakan kerajaan termasuk pengurangan nisbah rezab berkanun, penubuhan Danaharta, Danamodal, agar mudah tunai dan modal di sistem perbankan dapat ditambah. Dengan keadaan yang liquid sistem perbankan akan dapat mengurangkan BLR ke satu tahap yang lebih munasabah dan ia juga boleh terus memberi pinjaman kepada pihak swasta untuk menjana aktiviti ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapat satu gambaran yang jelas mengenai NPL sebenar, saya minta penjelasan tentang:

- (i) apakah jumlah pinjaman sistem perbankan tempatan;
- (ii) peratusan NPL dan nilai yang terlibat jika mengikut tafsiran tiga bulan diguna;
- (iii) peratusan NPL dan nilai yang terlibat jika takrifan enam bulan diguna;
- (iv) jumlah pinjaman daripada bank luar negara oleh pihak swasta.

Angka-angka tersebut adalah perlu untuk kita memahami keseriusan masalah pinjaman dan juga NPL dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengingatkan kerajaan bahawa dana-dana yang ditubuh untuk menyelamatkan ekonomi negara adalah wang rakyat. Maka ia perlu diguna dengan cara yang penuh dengan waspada, justifikasi, accountability dan sentiasa mempamerkan ketelusan dalam segala keputusannya. Kita mesti sedar bahawa kita tidak boleh gagal dalam usaha memulih sistem perbankan negara. Jika kita gagal, kesannya amat besar dan ia akan terus mengancam asas ekonomi negara. Jika kita biarkan, dengan izin, good money chasing for bad money.

Jika terdapat apa-apa penyalahgunaan atau penyelewengan dalam mana-mana kes, tindakan tegas harus diambil ke atas mereka yang terlibat. Sehubungan ini saya mengalu-alukan jaminan kerajaan bahawa maklumat terperinci mengenai segala pengambilan, penjualan NPL akan diterbitkan dan amalan antarabangsa terbaik akan diguna dalam semua proses pengurusan Danaharta dan Danamodal termasuk penilai NPL.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita berjaya memulihkan sistem perbankan kali ini dengan langkah-langkah yang disebut di atas, ia tidak bermakna krisis yang melanda sistem perbankan tidak akan berulang. Sebenarnya krisis kali ini telah membongkarkan banyak kelemahan-kelemahan dalam sistem perbankan kita sama ada dari segi pengurusan atau sikap niaga. Kelemahan-kelemahan ini perlu diperbetulkan serentak dengan langkah-langkah pemulihan. Pendek kata reformasi sistem kewangan mesti dilaksanakan untuk memulih keyakinan orang ramai. Kelemahan-kelemahan yang saya sebutkan termasuk yang berikut.

Pertama, sistem perbankan tempatan tidak mengamalkan pengurusan prudent, dengan izin, dan risk management dalam memberi pinjaman. Ada bank yang memberi sebilangan besar jumlah pinjaman kepada beberapa orang kreditor sahaja. Amalan ini telah mendedahkan bank kepada risiko yang tinggi apabila sesuatu berlaku pada kreditor-kreditor yang cuma merupakan sebilangan kecil kreditor sahaja manakala ramai kreditor yang lebih kecil tetapi risikonya yang lebih rendah biasanya tidak dipentingkan. Sikap yang mengutamakan nilai pinjaman yang besar-besaran pada mereka yang berpengaruh dan kaya dan mengabaikan kreditor kecil tetapi phase yang lebih besar, lebih selamat telah membawa parah kepada bank berkenaan.

Kedua, bank tempatan juga terlalu cenderung pada sektor hartanah yang sehingga hampir 30% daripada keseluruhan pinjaman sistem perbankan telah

disalur kepada sektor ini. Apabila pasaran hartanah jatuh dengan mendadak, bank-bank turut dibebankan dengan masalah NPL.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, bank tempatan juga terlalu minat meluluskan pinjaman untuk tujuan membeli saham, mengambil alih syarikat tersenarai, shares swap dan lain-lain aktiviti corporate exercise di mana ada yang langsung tiada kaitan dengan apa-apa pengeluaran sebenar atau real economy, dengan izin, tetapi cuma merupakan paper equity juggling yang membolehkan pihak tertentu mengaut keuntungan cepat. Ini jelas terbukti dalam penjualan ekuiti oleh beberapa syarikat kita secepat mungkin selepas mereka memperolehi projek penswastaan.

Kelemahan keempat, Tuan Yang di-Pertua, ialah kegagalan mekanisme pemantauan oleh pihak pengurusan tinggi, kegagalan juruaudit luar dan dalam, dalam menjalankan tugas mereka seperti mana diharapkan iaitu melaporkan segala aktiviti penyelewengan dan irregularity dalam laporan tahunan kepada pemegang ekuiti. Bank Negara juga perlu dipersalahkan kerana tidak mempunyai mekanisme yang efektif untuk mengesan tanda-tanda yang tidak sihat berlaku di bank-bank.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I, telah mengemukakan satu belanjawan berjumlah RM60 bilion dengan defisit sebanyak RM16.6 bilion untuk tahun depan. Dari peruntukan-peruntukan yang dicadangkan, jelas bahawa tujuan utama belanjawan ini adalah untuk menjana pertumbuhan ekonomi, mencegah aktiviti ekonomi dan mengembalikan semula keyakinan terhadap ekonomi negara kita. Yang menjadi soalan ialah bagaimana kerajaan akan dapat membiayai defisit tersebut, adakah kerajaan mencadang meminjam daripada luar negara seperti Jepun, Brunei dan Bank Dunia? Berapa jumlah akan dipinjam daripada sumber luar? Apakah bidang tugas penasihat ekonomi negara, Solomon Smith dan Barney dan bagaimana SSB dapat membantu mempertingkatkan Ringgit Malaysia di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan salah satu sumber kewangan atau modal ialah tabungan kita dalam negeri yang amat tinggi iaitu sebanyak 40% pada tahun 1998 dan 1997. Persoalannya ialah dengan kadar pengangguran yang kian meningkat, bolehkah kita maintain, dengan izin, tabungan yang tinggi sebanyak 40% sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pelaburan asing telah merosot lebih kurang 25% pada tahun 1997 dan saya percaya angka itu juga akan berlaku pada tahun 1998. Jadi saya mengalu-alukan peruntukan sebanyak RM143 juta untuk memperhebatkan lagi misi-misi menarik pelabur asing ke negara kita. Saya ingin bertanya sama ada kerajaan bercadang mengkaji semula menyeluruh dasar dan insentif baru supaya Malaysia dapat bersaing dalam tarikan pelabur asing. Memandangkan keadaan dalam negeri dan juga keadaan antarabangsa telah banyak berubah khususnya di rantau Asia sejak negara-negara tersebut menghadapi krisis ekonomi dan saya percaya persaingan kita dalam menarik pelabur asing akan kian hebat, sudah tentu kita juga perlu bergantung kepada pelaburan tempatan pada tahun 1999 untuk memastikan pertumbuhan 1% tercapai. Persoalan saya ialah selain daripada sumber modal, apakah yang perlu dilakukan oleh kerajaan seperti insentif baru dan galakan baru untuk mengembalikan keyakinan dan menggalakkan lebih banyak lagi pelaburan tempatan. Saya minta penerangan perancangan dalam aspek ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penggerak utama untuk mencergas ekonomi negara saya mengalu-alukan peruntukan sebanyak RM4 bilion untuk projek prasarana di bawah perbelanjaan pembangunan. Saya berharap kerajaan akan mengkaji dengan teliti dan dengan izin, highly selective, supaya semua projek yang betul-betul boleh menjana aktiviti ekonomi sampingan dan betul-betul berdaya jaya akan diberi keutamaan. Sehubungan dengan ini saya ingin mendapat pengesahan sama ada Projek Lebu Raya Pantai Timur akan diteruskan melalui peruntukan khas tersebut. Projek lebu raya ini amat penting untuk mempercepatkan pembangunan ekonomi di negeri-negeri Pantai Timur dan saya berharap kali ini pelaksanaannya tidak akan ditunda lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kerajaan telah mengambil banyak langkah dan memberi banyak peruntukan untuk membangunkan sektor perkhidmatan tetapi jelas sektor ini masih jauh ketinggalan dan tidak selari dengan pertumbuhan pesat perdagangan negara khususnya di bidang industri dan perkapalan. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Menteri Pengangkutan kerana di atas usaha beliau mempromosikan pelabuhan tempatan dan kita dapati penggunaan pelabuhan tempatan telah banyak meningkat kebelakangan ini. Untuk mencergaskan lagi sektor ini, saya menyeru kerajaan mempertingkatkan tahap liberalisasi dalam bidang container haulage, dengan izin, supaya wujud persaingan yang sihat yang akan menggalakkan dan meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan seperti yang terbukti dalam bidang lain iaitu bidang pendidikan di mana kita dapati wujud persaingan yang telah dapat menggalakkan perkembangan dan pembangunan di sektor tersebut. Dengan persaingan pasaran bebas yang sihat kita

dapati di bidang pendidikan khususnya pendidikan dan IPTS ia telah menjadikan sektor itu amat vibrant. Jadi saya berpendapat jika dalam bidang container haulage kerajaan boleh mengeluarkan lebih banyak lesen atau permit untuk mereka mengendalikan perkhidmatan container haulage, saya yakin ia juga akan dapat mempercepatkan bidang perkhidmatan ini.

Mengenai dengan bidang insurans, saya juga ingin meminta penjelasan apa telah terjadi kepada Syarikat Re-insurance Labuan yang telah ditubuhkan oleh kerajaan untuk merangsang sektor ini. Adakah objektif asal tercapai dan apakah batasan atau halangan yang dihadapi olehnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara akhir yang saya ingin sentuh ialah mengenai laporan media asing yang sentiasa membuat laporan negatif, laporan yang tidak berasas dan gambaran yang tidak adil kepada negara kita. Saya tidak percaya keadaan ini akan berubah pada masa akan datang tetapi kita juga perlu fikir bagaimana masalah ini atau rintangan ini dapat diatasi. Sudah tentu keadaan ini tidak akan bertambah baik jika kita cuma terus bergaduh dengan mereka melalui media. Saya berpendapat Kementerian Penerangan perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam menangani isu ini. Kementerian Penerangan perlu menggunakan semua saluran yang wujud untuk membalas tuduhan-tuduhan yang tidak berasas dan membetulkan apa juga pandangan yan serong yang terdapat dalam media asing mengenai negara kita. Kita juga perlu mempertingkatkan penggunaan Internet sebagai satu media yang kian popular dan bukan cuma memuaskan hati dengan mengadakan satu website sahaja. Begitu juga peranan suruhanjaya luar negara dalam usaha memberi gambaran yang lebih tepat mengenai negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata dalam dunia maklumat yang penuh dengan saingan ini kita perlu mengambil tindakan yang proaktif, kita perlu memberi lebih banyak input kepada maklumat antarabangsa, jika tidak kita akan terus gagal dalam mempengaruhi pandangan masyarakat antarabangsa terhadap negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata tersebut, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Batu.

**12.58 tgh.**

**Dato' Joseph Chong Chek Ah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berasa amat gembira untuk negara kita kerana Belanjawan 1999 dengan strategi yang tepat. Di antaranya menumpukan kepada pemulihan dan peneguhan ekonomi, memantapkan nilai Ringgit dan memastikan kesejahteraan sosial dengan terlaksananya langkah pemulihan ekonomi dan tertakluk kepada ekonomi rakan dagang serta kepada perkembangan keseluruhan dagangan dunia. Pertumbuhan ekonomi negara kita dijangka naik sebanyak 1% iaitu mewakili perubahan haluan sebanyak 5.8% dari penguncupan sebanyak 4.8% untuk tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti-aktiviti pemulihan ekonomi yang dirangsang melalui kenaikan perjalanannya kerajaan akan mengembalikan keyakinan perniagaan. Kenaikan perjalanannya ini akan mengakibatkan defisit sebanyak 6% dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan pemulihan ini bergantung kepada keupayaan kerajaan membiayai defisit ini.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kawalan tukaran wang asing yang telah dikuatkuasakan awal bulan September untuk melindungi serangan spekulasi ke atas Ringgit telah memantapkan mata wang dan menghasilkan kemasukan dana ke dalam sistem perbankan kita. Hasil ini adalah bermakna tetapi kadar tukaran sepatutnya beralih bergantung kepada pelbagai faktor ekonomi dan dagangan. Dengan keadaan mata wang Amerika yang semakin lemah, tukaran mata wang asing yang ditetapkan pada kadar RM3.80 kepada US\$1.00 nampaknya tinggi dan tidak menguntungkan pengimport. Saya berpendapat kadar di antara RM3.50 dan RM3.60 adalah lebih sesuai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat diminta sambung pada petang nanti.

**Dato' Joseph Chong Chek Ah:** Boleh. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Majlis Mesyuarat dtempohkan hingga jam 2.30 petang ini.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

\*\*\*\*\*

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua **[Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]** ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Siapa yang sambung, Yang Berhormat dari Batu ya.

**2.30 ptg.**

**Dato' Joseph Chong Chek Ah:** Tuan Yang di-Pertua, untuk mengubah kadar tukaran wang asing yang telah ditetapkan dengan begitu cepat adalah bertentangan dengan tujuan kawalan tukaran asing dikenakan. Justeru itu, selain dari kelemahan kadar tukaran wang asing, langkah-langkah kawalan tukaran asing yang lain bukanlah penyelesaian jangka panjang. Ahli-ahli ekonomi masih memperdebatkan kelebihan dan kelemahan kawalan asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, ramai orang asing menunggu untuk melihat kegagalan kawalan kita. Sudah tentu mereka akan berasa gembira sekiranya kita gagal tetapi kita akan memastikan yang kita tidak akan dan tidak boleh gagal. *[Tepuk]* Maka pelaksanaan dan pengawasan adalah amat kritikal. Ketiadaan

sistem kawalan dan pencegahan serangan spekulasi mata wang dalam pasaran saham seluruh dunia telah mengakibatkan krisis di Asia yang telah merebak ke Latin Amerika dan menjangkiti mata wang Ruble Rusia serta negara-negara membangun. Tidak syak lagi bahawa perlunya dagangan dan pasaran terbuka tetapi ini hanya boleh terjadi sekiranya langkah-langkah global dapat diperkenalkan dan dilaksanakan ke atas kawalan dagangan mata wang supaya kebimbangan ini tidak berterusan sekiranya sesebuah negara ingin membuka serta mengglobalisasikan ekonomi dan mata wang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, orang asing tidak memahami sepenuhnya langkah yang diambil oleh kita. Bantuan yang diberikan kepada syarikat seperti Renong Berhad telah dapat mengembalikan struktur perniagaan dan keyakinan tempatan tetapi tidak dilaporkan sebaliknya. Akhbar asing telah bertindak sebagai wakil musuh yang tidak dikenali. Mereka tidak mahu memberi peluang kepada kita untuk pulih. Saya menyokong pendirian kerajaan dalam isu laporan palsu atau false report.

Tuan Yang di-Pertua, dana terlindung nilai (hedge funds) yang giat dalam serangan untuk kepentingan sendiri atau untuk pulangan pelabur dijalankan dengan tidak teragak-agak dan tidak menghiraukan akibat langsung negara masing-masing. Aktiviti ini harus dikawal dan dilaporkan kepada pihak berkuasa berkenaan. Urus niaga mata wang setiap negara mesti boleh dikesan dan diawasi oleh Bank Negara atau pihak berkuasa kewangan negara berkenaan. Tetapi serangan spekulasi mereka merupakan “pedang dua mata” (two-edged sword) dengan izin, dan kini banyak dana terlindung nilai merasai kepedihan mereka, sebagai contoh Long Term Capital Management hedge-fund di New York yang telah jatuh. Lebih kurang 3 atau lebih syarikat seperti ini akan jatuh tidak lama lagi. Ini menunjukkan bahawa ideologi yang dicipta oleh negara Barat tidak semestinya baik dan sesuai untuk semua malahan patut dijadikan contoh bahawa

bukan semua ideologi Barat yang boleh diterima dengan begitu sahaja kerana ia mungkin akan menyulitkan dalam jangka panjang daripada kebaikan jangka pendek kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Hong Kong telah berjaya mencegah serangan ke atas mata wang dan pasaran saham dan justeru ekonominya. Mereka menerima pujian atas kejayaan mereka dan disebabkan kejayaan tersebut, George Soros telah menutup atau memindahkan aktivitinya dari Hong Kong. Saya percaya kita boleh belajar dari mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kawalan tukaran wang asing kita telah dilaporkan akan menunjukkan hasil dalam masa 6 hingga 9 bulan dan oleh itu kita harus berikan masa untuk mencapainya. Di sini, saya mengulangi bahawa kita mesti mengawasi ketat kawalan tukaran asing dan ditarik balik apabila tujuan kawalan ini tercapai dan ekonomi kita beserta dengan ekonomi rakan dagang kita telah stabil. Pengawasan global dan langkah pencegahan serangan spekulasi perlu ditetapkan dan saya meletakkan tanggungjawab pelaksanaan ini kepada organisasi seperti World Bank dan IMF. Sekiranya mereka bersifat lemah longlai, Malaysia harus mengambil inisiatif memulakan pembaharuan struktur kepada organisasi-organisasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh syarikat pengurusan aset, Danaharta, badan khas yang ditubuhkan untuk mengambil alih pinjaman tidak berbayar (Non-Performance Loan) dari institusi kewangan. Pihak pengurusan Danaharta dan pegawai kerajaan terlibat tidak boleh menyalahgunakan kedudukan mereka dalam pemilihan NPL yang hendak diambil alih. Kriteria pemilihan NPL yang akan diambil alih hendaklah diumumkan dan jelas. Syarikat yang kerugian tidak harus dipilih untuk mengelak dari stigma ikat jamin. Saya mencadangkan nama peminjam didedahkan untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengusulkan penubuhan satu agensi menjamin deposit penyimpan bank dan institusi kewangan lain kita. Selama ini Bank Negara bertindak sebagai penyelamat bank dan koperasi, bail-out all the time yang jatuh tetapi pada kadar krisis amat besar yang mana tidak pernah dirasai

sebelum ini, saya ragu Bank Negara mempunyai sumber untuk menguruskan bayaran balik deposit. Di sini saya mencadangkan sumbangan bulanan dari semua institusi kewangan yang menerima deposit kepada agensi ini, yang saya namakan Agensi Insurans Deposit, untuk membina dana dan sumber dalam menjalankan aktiviti menyelamatkan bank-bank serta menjamin bayaran balik deposit. Agensi-agensi seperti ini wujud di Amerika Syarikat dan negara lain seperti Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi usul memperbaiki kecairan bank adalah dengan mewujudkan pasaran sekunder (secondary market) untuk membiayai semula perumahan dan pinjaman disandar dengan aset yang diluluskan oleh bank. Pinjaman ini boleh diubah menjadi instrumen gadai janji bersandarkan aset, dengan izin, asset-backed mortgage instruments yang kemudian boleh dijual dalam pasaran saham oleh bank-bank. Hasil yang diperolehi dari jualan instrumen gadai janji bersandarkan aset boleh dilaburkan semula ke dalam sistem perbankan untuk memperbaiki kecairan bank yang sejurusnya memberikan pinjaman dan menambah aktiviti perniagaan. Pada dasarnya ini bererti kita perlu memperbaiki kecairan sistem kewangan dengan memperbaharui instrumen yang memang sedia ada dalam ekonomi yang wujud.

Tuan Yang di-Pertua, saya terkejut apabila mengetahui kerajaan telah menyalurkan wang berjumlah RM1.5 bilion kepada RHB Bank dalam membantu melengkapkan pemerolehan Sime Bank yang telah merosot. Dibandingkan RHB Bank adalah lebih kecil daripada Sime Bank dan kesulitan ini telah diramalkan oleh penganalisa bila usaha menyelamatkan diumumkan. Tetapi lebih menghairankan penganalisa apabila sebuah syarikat pembrokeran saham kecil, Phileo Allied Securities yang akan melanggan RM1 bilion saham keutamaan yang boleh ditukarkan (convertible preference shares) dengan izin, diterbitkan oleh RHB untuk memungut dana dalam pemerolehan itu. Urus janji ini telah diluluskan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dan saya difahamkan telah menimbulkan rasa tidak senang hati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan mengenai perkara ini adalah sama ada urus janji kini harus digugurkan dan bilakah kerajaan akan membuat pengumuman mengenainya. Kerajaan juga perlu memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini apa sebenarnya kesilapan dalam urus janji ini. Persoalan yang lebih penting adalah di mana berlakunya kesilapan dalam Sime bank dan siapakah yang terlibat dalam kesalahan ini. Pihak-pihak yang terlibat mesti bertanggungjawab dan kerajaan harus memberitahu orang ramai apa tindakan yang telah diambil atau akan diambil terhadap mereka yang terlibat dalam kesalahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menaruh harapan kepada Menteri Kewangan II kita yang memang berkelayakan serta arif dalam bidang kerjanya. Semoga beliau menjalankan tugas dengan

transparansi dan tanggungjawab serta dapat melaksanakan polisi-polisi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN/NEAC) dengan penuh perhatian. Tender tempatan harus dibuka kepada pelabur-pelabur asing untuk menggalakkan pelaburan asing tetapi dengan syarat kepentingan bumiputera diberikan keutamaan. Ini akan memberi keyakinan kepada pelabur asing untuk mengambil bahagian dan terus mencari peluang melabur dalam pasaran tempatan kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Machang.

**2.43 ptg.**

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1999. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa yang diberikan 20 minit, saya akan hanya menyentuh beberapa tajuk tertentu yang telah saya pilih secara khusus.

Pertamanya ialah berhubung dengan penggunaan bahasa Malaysia di mahkamah. Negara kita telah mencapai kemerdekaan lebih daripada 40 tahun yang lalu dan kita lihat bahawa penggunaan Bahasa Malaysia mengikut Akta Bahasa Kebangsaan 1967 telah giat dilaksanakan di semua peringkat termasuk penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah rendah dan di mahkamah-mahkamah tinggi, malah sampai peringkat kepada Mahkamah Persekutuan tetapi malangnya sejak akhir-akhir ini ada suara-suara yang mempertikaikan kembali tentang kemampuan Bahasa Malaysia untuk dijadikan bahasa keadilan yang mampu memberi keadilan kepada semua litigant yang terlibat di mahkamah. Misalannya saya menyentuh kenyataan Presiden Majlis Peguam dalam mempersoalkan penggunaan Bahasa Malaysia dalam kes bekas Timbalan Perdana Menteri yang sedang berjalan sekarang ini. Bahawa mengikutnya demi kepentingan keadilan, perbicaraan mesti dibuat dalam bahasa Inggeris. Saya sebenarnya tidak tahu keadilan itu untuk siapa? Apakah keadilan untuk segelintir pelapor-pelapor asing atau untuk segelintir kumpulan-kumpulan manusia tertentu maka demi keadilan, perbicaraan perlu dijalankan dalam bahasa Inggeris.

Saya melihat bahawa kes ini sememangnya menarik perhatian di kalangan semua, bukan sahaja 22 juta rakyat negara ini tetapi semua pihak. Tetapi kita mestilah bertindak tegas, sesuai dengan seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan. Walaupun seksyen tersebut memberi budi bicara kepada mahkamah, sama ada untuk menggunakan Bahasa Malaysia ataupun bahasa Inggeris demi kepentingan keadilan, tetapi ianya hendaklah ditafsirkan dalam skop kepentingan keadilan yang wujud dalam negara ini.

Kita percaya sejak kita mencapai kemerdekaan, kita mempunyai lulusan peguam-peguam daripada universiti tempatan, universiti luar negara dan telah ramai yang mampu berbahasa Malaysia. Manakala hakim-hakim pula dilantik daripada mereka yang mempunyai pengalaman tidak kurang daripada 10 tahun pengalaman, tentulah mereka ini berkeupayaan dan saya lihat sendiri daripada pengalaman saya, mereka sememangnya mampu bukan sahaja menjalankan perbicaraan dalam Bahasa Malaysia tetapi menulis alasan-alasan penghakiman yang baik mutunya dalam Bahasa Malaysia.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebab mengapa kita harus ragu tentang penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah. Ianya harus digemblengkan semua tenaga sama ada daripada

pegawai undang-undang, kakitangan mahkamah atau para peguam yang mengamalkan undang-undang dan membina satu keyakinan bahawa Bahasa Malaysia mampu menjadi bahasa untuk mentadbir keadilan di negara ini dan sesungguhnya sebelum daripada ini tidak ada sesiapa pun mempertikaikan. Tidak ada sesiapa pun mempertikaikan bahawa proses keadilan di mahkamah rendah, di mahkamah tinggi, di Mahkamah Rayuan, malah di Mahkamah Persekutuan sendiri menggunakan Bahasa Malaysia dengan baik.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini saya menggesa pihak kerajaan supaya kita bertindak tegas, kita tidak boleh berdolak-dalik dalam pelaksanaan Bahasa Malaysia ini kerana kita telah mencapai kemerdekaan lebih daripada 40 tahun. Jangan kerana tekanan pihak-pihak tertentu, ugutan daripada pihak-pihak tertentu maka kita berkompromi dalam prinsip dan dasar kita. Kita mesti tegas, kalau kita yakin Bahasa Malaysia mampu, untuk dijadikan bahasa keadilan, maka kita mesti bertindak tegas dan melaksanakannya di semua peringkat perbicaraan dan mereka yang terlibat dengan sistem kehakiman di dalam negara ini yang masih sama ada di peringkat mempelajari ataupun yang sudah pada peringkat memahami penggunaan bahasa ini dengan baik mestilah menunjukkan satu komitmen yang luas, mestilah menunjukkan satu komitmen bahawa bahasa Malaysia ini mampu dijadikan bahasa untuk mentadbirkan keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat sekarang ini bukan sahaja buku-buku teks sama ada pelajar-pelajar undang-undang banyak dibuat dalam Bahasa Malaysia. Begitu juga dengan kursus-kursus undang-undang yang dibuat di universiti-universiti tempatan, sebahagiannya dikendalikan dalam Bahasa Malaysia. Jadi tidak ada sebab lagi mengapa apabila timbulnya satu-satu kes, maka ianya perlu lagi persoalan sama ada dijalankan dalam bahasa Inggeris atau dalam Bahasa Malaysia perlu wujud. Kalau kita yakin dengan penggunaan Bahasa Malaysia itu boleh jadi bahasa keadilan, maka dalam apa kes pun sama ada ia melibatkan bekas Timbalan Perdana Menteri atau mana-mana orang sahaja kerana semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang, semuanya mesti dilaksanakan dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam persoalan ini, tindakan yang dibuat oleh Ketua Hakim Negara baru-baru ini supaya memastikan proses keadilan ini berjalan mengikut kepentingan dan kewujudan peraturan-peraturan yang sedang berjalan dalam negara ini adalah satu tindakan yang amat baik. Saya harap tindakan-tindakan sebegini akan diikuti oleh hakim-hakim lain.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya hendak minta penjelasan. Saya menyokong penuh bahasa Malaysia digunakan di mahkamah sebagai bahasa keadilan. Bila sebut bahasa keadilan kita mesti pastikan bahawa hakimnya, lawyernya mesti tahu, faham dan boleh bertutur dengan baik dalam Bahasa Malaysia. Jadi daripada pengalaman Yang Berhormat sebagai peguam, adakah terdapat hakim-hakim di negara kita ini yang masih lagi tidak berapa faham dengan Bahasa Malaysia ini?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat, saya berpengalaman mengendalikan kes di Mahkamah Syariah, Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan,

Mahkamah Persekutuan, boleh dikatakan semua hakim kita sudah mampu mengendalikan Bahasa Malaysia. Malah dalam kes-kes yang complicated yang melibatkan persoalan undang-undang Perlembagaan misalannya terdapat beberapa penghakiman yang ditulis dalam Bahasa Malaysia yang begitu baik yang sekarang ini dijadikan rujukan di semua peringkat. Saya rasa tidak ada sebab lagi untuk menjadikan alasan bahawa hakim tidak mampu berbahasa Malaysia. Semuanya mampu berbahasa Malaysia dengan baik - mampu berbahasa Malaysia dengan baik dan janganlah kerana kepentingan kes-kes tertentu kerana desakan pihak-pihak tertentu maka prinsip ini kita kompromi. Kita berharap bahawa prinsip penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah ini tidak dikompromi oleh mereka yang terlibat dalam sistem pentadbiran keadilan di negara ini. Saya cukup yakin kalau semua pihak komited kita tidak mempunyai masalah dalam melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia di semua peringkat sama ada mahkamah rendah ataupun mahkamah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya hendak bangkitkan ialah berhubung dengan penulis brutality yang sekarang ini dibangkitkan oleh pihak pembangkang banyak kali dalam Dewan ini.

Saya telah nyatakan pendirian saya beberapa kali. Memang dalam kes penglibatan kekerasan polis ke atas inmates ataupun tahanan ini suatu perbuatan yang tidak boleh dikompromi. Dalam sejarah negara kita memang wujud kes-kes yang terbukti secara nyata bahawa pihak polis menggunakan kekerasan kepada penjenayah-penjenayah. Saya minta pihak kerajaan mesti bertindak tegas dalam soal ini. Saya nyatakan pendirian saya bahawa pihak polis brutality jika pihak polis menyerang mana-mana tahanan, ini tidak boleh disokong. Tindakan ini tidak boleh disokong dan mana-mana pegawai polis yang terlibat mesti dibawa ke muka pengadilan, pendirian kita adalah jelas dalam perkara ini.

Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, bagi memulihkan semula keyakinan rakyat dalam negara ini, dalam kes ini dan dalam kes aduan yang dibuat oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, saya mohon supaya kerajaan menggesa ataupun mempercepatkan proses siasatan. [*Tepuk*]. Kalau ada mereka yang terlibat bawa ke muka pengadilan segera supaya rakyat dapat melihat dengan jelas bahawa kerajaan juga tidak berkompromi penganiayaan kepada mana-mana pihak semasa dalam tahanan. Dengan cara ini saya rasa rakyat akan merasa yakin semula kepada pihak polis, jangan mengira bulu, kalau yang besar terlibat kita mesti laksanakan undang-undang dengan baik.

Dalam soal ini pendirian saya adalah jelas, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh berkompromi demi menjaga kepentingan keadilan dalam negara ini kita mesti bertindak tegas. Jika kita membiarkan ianya akan menghancurkan rekod

perkhidmatan polis lebih daripada 40 tahun yang begitu cemerlang. Pada masa yang sama kita jangan lupa tindakan tegas yang telah dimainkan oleh pihak polis khususnya dalam kegawatan politik baru-baru ini harus dipuji. Daripada satu segi saya terpaksa memuji pihak polis, jika berhadapan dengan suasana gawat kumpulan yang beribu-ribu orang, pada masa yang sama polis melarang mereka daripada melakukan perhimpunan haram, mereka tidak bersurai maka terpaksa polis menggunakan kekerasan. Kalau pada masa itu polis menggunakan kekerasan saya menyokong 100% kerana soal keselamatan dalam negara tidak boleh dikompromi. Tentulah seorang pegawai polis yang melaksanakan undang-undang ini berada dalam keadaan yang serba salah. Perhimpunan beribu-ribu orang, kemudian diminta bersurai tetapi tidak mahu bersurai. Persoalannya kalau perkara ini dibiarkan ianya akan memudaratkan keselamatan dalam negara ini dan dalam soal ini jika mereka berdegil justifikasi pihak polis menggunakan kekerasan pada saya adalah baik dan ini perlu disokong kerana soal keselamatan tidak boleh dikompromi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya merasa terkilan dengan penglibatan beberapa buah parti politik termasuk kerajaan negeri yang menggunakan kesempatan untuk ‘menangguk di air keruh’, dalam suasana keadaan kita menghadapi kegawatan politik mereka menangguk di air keruh dan melancarkan gerakan seperti Gerak. Gerak adalah sebuah pertubuhan yang tidak berdaftar – tidak ada pendaftaran. Melaksanakan perkara ini dengan tujuan untuk menimbulkan suasana kalam-kabut dalam negara ini dan seterusnya mengancam keselamatan negara.

Kita tahu undang-undang dalam negara ini bahawa mana-mana orang yang menyertai pertubuhan haram atau pertubuhan yang tidak berdaftar adalah salah di sisi undang-undang dan tindakan tegas perlu diambil. Bukan soal untuk melarang mereka ini daripada menyuarakan hasrat mereka, mereka boleh menyuarakan

pendapat mereka melalui saluran yang sah. Kita melalui proses demokrasi dalam negara ini lima tahun setiap kerajaan akan diadili oleh rakyat melalui pilihan raya. Itulah forum yang terbaik bagi mereka tetapi menggunakan kekeruhan politik dalam negara, melancarkan gerakan-gerakan yang akan mengancam keselamatan negara adalah suatu perbuatan yang mesti ditentang habis-habisan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya merasa terkilan dengan pihak Kerajaan Negeri Kelantan yang menguasai Stadium Sultan Muhamad Ke-IV, negeri Kelantan menanggung di air yang keruh dengan membenarkan Stadium Sultan Muhamad Ke-IV digunakan tempat perhimpunan haram. Walaupun pihak Ketua Polis Negeri Kelantan telah memberi arahan secara jelas bahawa permit tidak akan dikeluarkan, tetapi pihak perbadanan stadium yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan, membenarkan stadium tersebut digunakan untuk perjumpaan haram. Laporan polis sudah pun dibuat oleh pihak polis dan saya menyeru bahawa sesiapa sahaja yang terlibat sama ada membenarkan tempat stadium ini digunakan untuk perhimpunan haram atau terlibat secara langsung atau tidak dengan perhimpunan haram, mereka ini mesti dibawa ke muka pengadilan. Jangan menghirau bulu sama ada ianya golongan kerajaan atau golongan parti pembangkang kerana mereka ini nyata ‘menanggung di air keruh’ untuk mengeruhkan lagi suasana dan seterusnya akan membawa huru-hara dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentulah rakyat negara ini tidak mahu melihat setelah kita hidup dalam aman dan damai, peristiwa 13 Mei telah mengajar kita dengan jelas bahawa kita tidak mampu mewujudkan masalah perkauman dalam negara ini. Kita tidak mampu berhadapan dengan suasana gawat sehingga mengancam keselamatan negara kerana yang rugi ialah rakyat negara ini dan yang hancur ialah kita semua. Tentulah kita tidak mahu suasana damai yang telah kita bina selama ini, suasana keamanan yang telah kita pupuk selama ini berkecai hanya kerana

beberapa gelintir golongan tertentu yang cuba 'menangguk di air keruh'. Jadi dalam soal ini saya menyeru kepada pihak polis terutama Jabatan Peguam Negara, jika siasatan mengenai tempat-tempat perhimpunan haram ini sudah selesai, maka bawa mereka ini ke muka pengadilan. Hatta sama ada dianya mentadbir sebuah kerajaan negeri kerana pihak polis mesti bertindak tegas sama ada kepada parti pembangkang ataupun kepada pihak kerajaan kerana seperti yang saya katakan soal keselamatan tidak ada kompromi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita berkompromi tentang soal keselamatan ianya adalah merupakan satu perkara yang amat malang. Dalam hal ini saya melihat penglibatan pelajar-pelajar, penglibatan pemandu-pemandu teksi, penglibatan mereka yang tidak berpuas hati dengan kerajaan, yang mengambil kesempatan dalam suasana kegawatan politik sekarang untuk turut serta melahirkan rasa tidak puas hati mereka mesti dipandang serius oleh kerajaan. Saya percaya penuntut-penuntut yang melibatkan diri dalam soal ini bukan kerana mereka hendak menyokong tetapi barangkali hendak melahirkan rasa tidak puas hati mereka. Pemandu-pemandu teksi barangkali menggunakan kesempatan ini hendak melahirkan rasa tidak puas hati mereka. Maka kita mesti melihat apakah punca dan apakah masalah yang sebenarnya. Barangkali pelajar-pelajar yang terlibat ini ialah pelajar-pelajar dari kampung-kampung yang barangkali tidak mendapat biasiswa semasa menuntut di pusat pengajian tinggi atau susah untuk mendapatkan pengajian. Dalam soal ini kita mengenal pasti masalah mereka dan jika tabung yang dilancarkan dahulu RM100 juta tidak cukup kita mesti menambahkan tabung mereka. Begitu juga dengan masalah pemandu teksi di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menaiki teksi dan bertanyakan pendapat mereka, mereka melahirkan rasa dukacita yang amat sangat kerana terpaksa bekerja hampir dua belas jam satu hari untuk membayar sewa RM45 kepada

syarikat-syarikat gergasi. Fahami masalah mereka dan selesaikan masalah ini dengan baik. Saya rasa jika kerajaan menangani masalah ini dengan baik, soal mereka turut serta dalam gerakan reformasi tidak berbangkit kerana mereka hanya mengambil peluang untuk melahirkan rasa tidak puas hati mereka. Begitu juga dengan penghuni-penghuni kota yang gagal mendapatkan rumah-rumah murah dan pada masa yang sama menggunakan kegawatan politik ini untuk melahirkan rasa tidak puas hati mereka. Tidak ada tabung untuk rumah murah, maka kita lancarkan gerakan besar-besaran untuk melaksanakan keperluan mereka ini dan saya rasa jika kerajaan sensitif kepada masalah-masalah ini saya percaya apa pun gerakan reformasi yang dibuat di negara ini tidak akan mencapai hasrat mereka.

Oleh yang demikian, saya menyeru kepada kementerian-kementerian tertentu sama ada Kementerian Pendidikan mengkaji masalah-masalah pelajar ini mengapa mereka melibatkan diri. Kementerian Pembangunan Usahawan mengkaji mengapa pemandu-pemandu teksi ini terlibat sehingga Ketua Pengarah JPJ terpaksa mengeluarkan kenyataan untuk mengambil tindakan kepada mereka yang memasang kaset reformasi di dalam kenderaan masing-masing. Kaji apa masalah mereka dan cuba selesaikan. Bagaimana penghuni-penghuni kota yang sukar, duduk di rumah-rumah tanah haram untuk mendapatkan kemudahan rumah-rumah murah. Kaji masalah mereka, tidak cukup tabung tambah lagi kerana ini adalah masalah rakyat. Kita tidak mahu mereka menggunakan kesempatan yang ada untuk melahirkan rasa tidak puas hati pada kerajaan. Jika masalah-masalah ini dapat diselesaikan saya percaya bahawa apa pun gerakan reformasi, insya-Allah Kerajaan Barisan Nasional akan tetap mampu berkuasa dan mempertahankan kuasa dua pertiga majoriti dalam Parlimen ini. Tetapi kalau kita tidak sensitif kepada masalah-masalah rakyat ini, masalah-masalah yang dibangkitkan ini saya bimbang melalui pilihan raya yang akan datang – secara ikhlas saya bimbang dan takut Kerajaan Barisan Nasional tidak mampu untuk memperkuatkan ataupun mencapai kedudukan majoriti yang selesa di dalam Dewan ini.

Oleh itu, secara serius saya menggesa setiap kementerian yang terlibat sama ada Kementerian Pendidikan, sama ada Kementerian Pembangunan Usahawan,

sama ada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji masalah ini sedalam-dalamnya cuba menyelesaikan masalah rakyat. Dalam konteks ini, saya memuji kerajaan dalam hubungan pembangunan luar bandar. Walaupun dalam keadaan ekonomi gawat, saya menjangkakan bahawa peruntukan untuk luar bandar akan berkurang pada tahun ini. Tetapi apa yang berlaku ialah peruntukan luar bandar bertambah hampir satu kali ganda, daripada RM100 juta lebih tahun ini, meningkat kepada RM200 juta lebih pada tahun 1999 akan datang. Ini saya puji kerana kerajaan sensitif dengan masalah rakyat. Kerana masalah pembangunan luar bandar tidak boleh dikompromi. Walaupun kita gawat atau tidak gawat orang kampung tidak faham apa itu gawat, Tuan Yang di-Pertua. Dia jumpa wakil rakyat dia minta. Dia tidak tahu soal gawat. Dia tidak tahu soal Ringgit jatuh, kerana dia tidak pernah keluar negara. Kalau yang ada sekali pun, mereka menunaikan Umrah ataupun ke Tanah Suci.

Dalam soal ini, kerajaan harus dipuji kerana mempertingkatkan peruntukan luar bandar. Tetapi apa yang saya hendak bangkitkan ialah pelaksanaan. Pelaksanaannya cukup lemah. Sebagai contoh, pembinaan jalan-jalan luar bandar di negeri Kelantan bagi tahun 1998 yang sepatutnya sudah selesai pada bulan Jun, tetapi sekarang sudah masuk bulan November. Kita ada tahun kewangan lebih kurang sebulan lebih. Tetapi semua jalan ini masih dilaksanakan. Kawasan Parlimen saya mendapat peruntukan hampir RM1.2 juta untuk membina hampir 40 batang jalan. Tetapi sampai sekarang ianya tidak dapat dilaksanakan, cukup kecewa. Saya pun tidak tahu di mana silapnya. Wang ada, kakitangan ada, tetapi tidak boleh gerak untuk membina jalan-jalan ini, tersangkut sana, tersangkut sini.

Red tape ataupun birokrasi pentadbiran mesti dihapuskan. Kalau tidak, rakyat tidak faham. Kita hendak beritahu kepada rakyat bahawa kelambatan sebab ini, kontraktor payung, anak payung dan sebagainya dia tidak faham itu semua. Yang dia hendak bila jalan bocor, bila jalan rosak dia hendak baiki segera. Sebab

itu saya menggesa supaya pihak kerajaan mengurangkan kerenah birokrasi. Banyak kita dengar bahawa soal-soal kerenah birokrasi ini muncul. Banyak dalam perkara tertentu soal misalannya untuk conversion tanah dan sebagainya. Kita mesti kaji secara cepat. Pegawai-pegawai kerajaan juga mesti bertindak cepat seperti cepatnya orang politik membuat keputusan. Bila dia jumpa orang politik, wakil rakyat seperti saya, dia tidak tahu. Orang kampung tidak tahu masalah pentadbiran kerajaan kena itu, kena ini, dia tidak faham ini semua. Yang dia hendak jalan mesti buat segera, dan kita mesti bertindak pantas dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pelaksanaan pembangunan projek luar bandar ini juga saya menyeru supaya kerajaan melibatkan peranan wakil rakyat secara menyeluruh. Misalannya di negeri Kelantan, oleh kerana kerajaan negeri dikuasai oleh parti pembangkang, maka ahli-ahli Parlimen dari Kelantan khususnya dalam soal pelaksanaan projek luar bandar berhubung dengan bidang kuasa Kerajaan Pusat, mana-mana kementerian daripada Kerajaan Pusat, wakil-wakil rakyat Parlimen mesti dilibatkan secara menyeluruh. Ada projek-projek yang kadangkadangkang kita tidak tahu tiba-tiba sampai. Orang tanya kita siapa buat. Kita sendiri pun tidak tahu.

Peranan wakil rakyat ini mesti dilibat, kerana mereka sentiasa berdampingan dengan rakyat dan mengetahui masalah secara detail. Sebab itulah saya menggesa pihak kerajaan supaya menyusun satu rangka khususnya dalam soal pentadbiran pelaksanaan projek-projek Kerajaan Pusat melalui JPP di negeri Kelantan supaya diperkemaskan kembali. Jika kita biarkan keadaan ini, saya bimbang walaupun kita mempunyai niat yang baik untuk membantu negeri Kelantan tanpa membezakan fahaman politik, ianya akan melibatkan masalah-masalah sampingan yang menyebabkan kita tidak akan mendapat sokongan padu daripada rakyat khususnya di negeri Kelantan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Minta gulung, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai penggulungan, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat satu kenyataan bahawa berkemungkinan pada tahun ini bonus kepada 800,000 pegawai-pegawai kerajaan tidak akan ada. Tetapi saya hendak menggesa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya mengkaji balik keputusan ini. Demi kepentingan 800,000 kakitangan kerajaan ini yang telah bekerja bertungkus-lumus untuk membantu kerajaan dalam melaksanakan dasar-dasarnya, saya memohon kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kalaulah kerajaan tidak mampu melaksanakan sistem bonus, memberi bonus kepada mereka, kajilah sistem lain, sekurang-kurangnya memberi kepada mereka satu bentuk inisiatif.

Kita kena ingat 20 Disember umat Islam akan menghadapi bulan Puasa. 20 Januari, Hari Raya Aidilfitri. Pada masa yang sama sekolah akan dibuka. Tentulah merupakan satu bebanan yang amat besar kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk menanggung semua bebanan. Tidak mengapa, kita rela berkorban, bonus untuk wakil rakyat inisiatif tidak ada tidak mengapa. Tetapi untuk pegawai kerajaan saya pohon supaya kerajaan mengkaji balik sekurang-kurangnya memberi dalam bentuk inisiatif, satu jumlah yang tidak setimpal dengan bonus mungkin. Satu jumlah yang tidak setimpal dengan sebulan gaji mungkin. Satu jumlah yang boleh membantu mereka meringankan beban menghadapi sesi pembukaan sekolah pada bulan Januari dan menghadapi Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang, insya-Allah, pada 20 Januari 1999. Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Kuala Pilah.

**3.06 ptg.**

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya dapat turut sama membahaskan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan 1999 di Dewan yang mulia ini, yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 23 Oktober 1998 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berucap ini, saya telah dapati ramai rakan Ahli Yang Berhormat telah banyak memberi pandangan dan pendapat dengan pelbagai rupa dan idea. Oleh kerana masa tidak mengizinkan hanya 20 minit sahaja, maka izinkan saya dengan seberapa ringkasnya mengemukakan beberapa perkara yang saya fikir perlu untuk direnung dan dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya agar keadaan kegawatan ekonomi dan politik sekarang ini mesti dipulihkan secepat mungkin demi untuk menjamin keamanan serta kesejahteraan rakyat Malaysia ini. Kalau tidak dengan adanya kegawatan ekonomi sekarang ini setelah 41 tahun kita mencapai kemerdekaan, kita telah dikatakan berasa amat bersyukur kerana kerajaan telah begitu berjaya membangunkan martabat bangsa dan negara begitu cemerlang di dalam semua sektor. Alhamdulillah, saya melihat bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), ekoran daripada tragedi 13 Mei 1969 mempunyai rahmat yang tersembunyi, yang mengukuhkan perpaduan kaum serta berjaya memacu Malaysia sebagai satu negara yang disegani oleh masyarakat antarabangsa. Kejayaan ini semua boleh kita lakukan jika sekiranya pertumbuhan dan pembangunan sosio-ekonomi dan kestabilan politik berada dalam keadaan baik.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang wakil rakyat di Dewan yang mulia ini, izinkan saya menyarankan dengan sesungguhnya supaya kesemua lapisan rakyat khususnya pucuk pimpinan bersatu padu menolong kerajaan untuk menstabilkan semula ekonomi dan politik negara secepat mungkin.

Jadikanlah ia sebagai wadah perjuangan utama di samping mempertahankan sistem Kerajaan Demokrasi, Raja Berperlembagaan dan tidak sekali-kali

mempertikaikan hak-hak individu seperti untuk bersuara sebagaimana termaktub dalam Fasal 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, saya berpendapat agar sikap toleransi dan kerjasama faktor utama membolehkan ideologi positif melahirkan bangsa Malaysia yang berbudaya, sikap integrasi dan ia harus mendapat suntikan semangat liberalisme serta pandangan lebih terbuka demi untuk kesejahteraan negara kita berterusan di masa-masa hari muka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kemelut politik yang sedang melanda negara hari ini, pada hemat saya pucuk pimpinan perlu segera membaiki dan membetulkan keadaan, tidak sepatutnya rakyat menentang kerajaan dengan secara merusuh di jalan raya dan merosakkan harta benda awam kerana ia dibentuk oleh gabungan politik yang dipilih lima tahun sekali secara sah pilihan raya umum yang pernah kita adakan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, saya menyarankan kurangkanlah konfrontasi, janganlah tuduh-menuduh, janganlah pula ada label-melabel antara kita dan tuduh-menuduh tanpa usul periksa lagi. Yang paling penting sekali pucuk pimpinan janganlah putus semangat silaturrahim dan semangat bermuzakarah supaya dapat duduk berbincang untuk mencari jalan penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya tiada masalah yang tidak boleh diselesaikan selagi kita boleh berunding sebagaimana kata pepatah Melayu, ‘bulat air kerana pembedong, bulat manusia kerana muafakat’, jika betul runding dan muafakatnya, tiada satu masalah yang tidak boleh diselesaikan.

Kita dan keturunan generasi yang akan datang perlukan kerajaan yang kuat dan stabil bagi menyambung kerajaan serta keharmonian yang telah kita perjuangkan setakat ini. Identiti dan imej Malaysia yang dianggap begitu unik dalam konteks perpaduan kaum berbilang bangsa dan keturunan di negara ini

dapat bersatu-padu dan membangunkan rakyat dan negara ke suatu tahap yang amat menakjubkan perlu dipertahankan bersungguh-sungguh oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, saya amat bersetujulah sebagaimana yang diperkatakan oleh sahabat saya dari Machang sebentar tadi. Di sini saya menyarankan di Dewan yang mulia ini, supaya fungsi dan imej pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang begitu baik, yang perlu sentiasa dipelihara dan dipertingkatkan sejajar dengan tamadun masyarakat Malaysia secara lebih profesional dan meyakinkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan di Dewan yang mulia ini, bahawa saya telah berkhidmat dalam Polis Diraja Malaysia selama 15 tahun. Saya adalah seorang bekas pegawai kanan, dalam masa pengalaman saya selama 15 tahun tidak ada menunjukkan apa-apa pengajaran untuk membolehkan seseorang itu mengambil tindakan sewenang-wenangnya. Perasaan diri saya atau concern saya begitu menghantui di masa-masa kebelakangan ini. Dan keadaan ini, perilaku segelintiran sahaja saya percaya, bukan semuanya dan boleh dikatakan majoriti pegawai-pegawai polis yang ada masa kini yang banyaknya saya masih kenal dan kalau saya masih berada dalam polis, saya masih boleh berkhidmat dan juga akan bersara tahun hadapan.

Saya hendak menyatakan di sini bahawa Polis Diraja Malaysia adalah mempunyai satu fungsi dan tanggungjawab yang cukup mulia, menjaga keamanan, menjaga keselamatan nyawa dan harta benda, inilah fungsi utamanya. Dalam konteks ini, di masa-masa kebelakangan ini banyak diperkatakan, sebagaimana saya katakan tadi, sahabat saya dari Machang telah menyatakan, saya pun menyokong sepenuhnya supaya pegawai-pegawai tanpa mengira apa pangkat sekali pun perlu diambil tindakan yang tegas setegas-tegasnya kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun telah menyatakan dan ramai pemimpin negara ini bahawa tindakan yang tidak betul, yang merupakan zalim patut dikutuk sekuat-

kuatnya dan kita ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini, bahawa tidak ada kompromi bagi mana-mana pihak, walaupun sesiapa. Kalau boleh dilakukan sewenang-wenangnya maka imej negara kita dan juga keadaan akan menjadikan lebih buruk dan dalam suasana kita cuba hendak meyakinkan rakyat, meyakinkan orang luar, kalau berlaku tindakan seperti ini selalu, maka saya fikir ini akan meruntuhkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat terasa terpanggil bersungguh-sungguh sekali kerana perbuatan kalaulah sekiranya berlaku kerana sebagai pengalaman saya, setiap seseorang itu ditangkap dan beliau itu adalah di bawah tanggungjawab pasukan Polis Diraja Malaysia dan kalau andainya waima mati sekali pun, satu inquest perlu diadakan sama ada dalam penjara ataupun dalam lokap polis dan dalam soal siasat umpamanya, ia ada perbezaan antara cara penyiasatan oleh pihak Cawangan Jenayah ataupun pihak Cawangan Khas.

Saya minta benar-benarlah perkara ini tidak ada kompromi bagi saya dan saya merasa yakin ramai lagi di dalam Dewan yang mulia ini, bahawa andainya sesuatu perbuatan high-handedness, dengan izin, oleh mana-mana pihak untuk menjaga imej Pasukan Polis Diraja Malaysia dan juga jangan berlakunya mengurangkan atau melemahkan sesuatu kes, saya percaya perkara ini perlu diambil berat dan lebih serius dan saya berharap pihak-pihak yang bertanggungjawab setelah jawatankuasa diwujudkan supaya dengan secepat mungkin dikemukakan sesuatu keputusan di Dewan yang mulia ini. Kita hendak dengar bahawa kalau sekiranya kita diamkan maka perkara ini akan lebih memburukkan lagi keadaan dan kurangnya yakin rakyat kepada kerajaan kita. Dengan cara begini, dengan sikap terbuka dan juga tulus ikhlas, saya percaya keyakinan rakyat akan kembali kepada kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin seterusnya menyentuh dari segi ....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, ada yang minta jalan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Hendak soal! Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi orang yang berpengalaman dalam polis dan sekarang peguam banyak pengalaman, dalam kes di mahkamah sekarang, Dato' Mohd. Said, Pengarah Cawangan Khas mengatakan bekas Timbalan Perdana Menteri telah mengarahkan dia untuk 'gempaq' .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ya, tidak boleh sentuh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Perkara ini telah disebut dalam mahkamah, kita tidak dapat membenarkan ....

**Seorang Ahli:** Apa itu 'gempaq'?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tidak, soalan lain, adakah keadaan ini berlaku misalnya ada usaha untuk cover-up seperti kes Mustakizah dan sebagainya, ertinya ada usaha-usaha cover-up tertentu kalau kita lihat apa yang diterangkan, ertinya ada ketika polis cuba cover-up, apakah dahulu misalnya kes Mustakizah dan lain-lain itu ada usaha untuk cover-up? Itu yang saya hendak tahu!

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Terima kasih Yang Berhormat, pertama sekali saya tidak mahu jawab berkenaan dengan kes-kes yang terlibat di mahkamah hari ini kerana saya percaya semua faham ini melibatkan satu subjudice.

Soal sama ada cover-up, tidak cover-up, mengikut pengalaman saya sendiri, di masa-masa yang lampau pasukan Polis Diraja Malaysia ini bersikap begitu profesional dan soal cover-up tidak timbul dan kerana itulah sebabnya saya tadi menekankan inilah satu kes yang unik yang berlaku di masa-masa kebelakangan

ini dan juga saya percaya Ahli Yang Berhormat pun pernah melihat dalam kes rompakan bank yang mana andainya berlaku salah laku, perilaku yang keterlaluan, pihak polis akan mendakwa mereka.

Saya percaya dalam konteks ini pun saya dapat dengar dan tahu pendirian pihak kerajaan tidak ada kompromi dan dalam bahasa Inggeris, dengan izin, there should not be any cover-up, certainly there will be no cover-up or any kompromi dalam perkara ini.

Kita percayalah beri kepercayaan kepada kerajaan dan pucuk pimpinan akan menentukan dan kita juga tanpa segan silu andainya berlaku apa-apa yang difikirkan tidak memuaskan hati kita, meyakinkan kita, inilah forumnya, kita boleh menyuarakan dan saya tidak segan silu menyuarakannya tanpa fear or favour. Buat setakat ini sama-samalah kita melihat apakah sesuatu keputusan yang akan diambil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, sila gulung.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, mohon izin sedikit sahaja lagi, saya hendak sebut berkenaan dengan agensi-agendi kerajaan seperti FELDA, FELCRA, RISDA. Mengikut kenyataan yang dibentangkan dalam Belanjawan baru-baru ini didapati tidak ada peruntukan pembangunan – ‘kosong’. Kita faham bahawa kegawatan ekonomi sekarang, kerajaan terpaksa mengambil kira dan di samping itu melebihi peruntukan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Alhamdulillah, terima kasih!

Yang saya hendak tegaskan di sini bahawa contohnya dalam Risda, kalau sekiranya peruntukan tidak ada dan pekebun-pekebun kecil di kampung-kampung dan di desa-desa, mereka tidak tahu, apabila kita jawab peruntukan tidak ada, mereka akan marah dan akhirnya, saya rasa perkara ini akan menimbulkan satu suasana yang tidak begitu elok kepada kerajaan.

Saya berharap sungguh-sungguhlah kerana terlibat dalam perkara ini satu pertimbangan pendekatan yang berpatutan perlu diambil kira supaya sama ada melalui internal resources, dengan izin, melalui RISDA, FELDA, FELCRA dan sebagainya ataupun ada pendekatan sebagaimana harapan Risda

sekarang ini supaya dikorporatisekan ataupun dikorporatkan – dipercepatkan kerana perkara-perkara ini kita perlu menentukan tanggungjawab kita kepada pekebun-pekebun kecil yang ada lebih kurang setengah juta di seluruh negara.

Mereka ini akan memohon dan sekiranya kita membuat satu sikap bina tidak bina, takut nanti mereka akan tidak menyokong lagi kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga akhir sekali hendak bangkitkan perkara Kementerian Belia dan Sukan. Secara kebetulan Yang Berhormat Menteri ada di sini. Saya suka mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana berjaya mengadakan Sukom '98 dengan penuh cemerlangnya. Dalam konteks ini, saya hendak bertanya juga, berbilion ringgit duit rakyat telah pun kita gunakan untuk membina Kompleks Sukan Bukit Jalil. Apakah pendekatan oleh kerajaan untuk menentukan supaya Kompleks Sukan Bukit Jalil ini dapat digunakan atau dimanfaatkan supaya setidak-tidaknya mengurangkan kos maintenance yang saya percaya mungkin akan menelan belanja yang begitu besar. Dan juga dengan adanya wang yang begitu banyak digunakan untuk pembinaan, bilakah jangkanya kita berkeupayaan untuk mendapat semula kos pembinaannya tadi atau pun adakah satu outright grant diberi kepada kementerian untuk mengadakan demi untuk kebaikan atau pembangunan sukan di masa-masa yang lain di negara ini.

Saya terbaca bahawa umpamanya untuk hendak maintain satu swimming complex menelan belanja lebih kurang RM50,000 sebulan dan tidakkah boleh ada perancangan pendekatan supaya memberi kemudahan secara lebih senang kepada murid-murid sekolah di sekitar Kuala Lumpur umpamanya, menggunakan kompleks itu sebagai tempat training dan sebagainya. Saya percaya Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan lebih arif dalam perkara ini, saya hendak dengar apakah pandangan beliau untuk aspek ini. Sekian sahajalah, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih dan menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Balik Pulau.

**3.22 ptg.**

**Dr. Nungari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1999 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan. Tuan Yang di-Pertua, selama hampir 4 tahun saya dilantik sebagai ahli Dewan yang mulia ini, penekanan saya dalam masa dipilih, dilantik oleh rakyat penekanan saya dalam perbahasan-perbahasan yang lepas ialah untuk menekankan peri pentingnya kita memelihara dan membentuk institusi-institusi di dalam negara kita ini.

Ucapan sulung saya sebagai seorang ahli Dewan pada tahun 1995 adalah juga tentang masalah yang sama. Sebagai seorang masih lagi seorang ahli ekonomi, saya memang satu orang yang berpegang kepada prinsip untuk memahami institusi yakni saya melihat kepada prasarana institusi sebagai satu kerangka analisis yang boleh kita guna untuk kita memahami sesuatu fenomena. Institusi dalam sesebuah masyarakat mendefinisikan masyarakat tersebut. Ia mencerminkan nilai dan juga budaya yang dipegang oleh ahli-ahli masyarakat tersebut. Ia merupakan kekangan dan juga bekalan yang menentukan sejauh manakah sebuah masyarakat itu boleh maju ke hadapan. Ia menjadi kayu pengukur kepada tahap ketamadunan sesebuah masyarakat. Oleh kerana kita semua di sini adalah dalam arena politik, maka institusi yang selalu kita beri tumpuan ialah institusi politik itu sendiri, tentang kedudukan Dewan ini,

tentang Parlimen ini, tentang proses politik dan juga proses perundangan, tentang institusi-institusi lain yang menyokong peranan kita dalam institusi ini.

Satu perkara yang pernah saya bangkitkan beberapa kali di dalam Dewan ini ialah kebimbangan saya akan fenomena yang saya takrifkan atau saya sifatkan sebagai fenomena pengasingan politik atau pun political alienation di kalangan sebilangan rakyat dalam Malaysia ini tetapi khususnya di kalangan golongan generasi yang muda. Kita takutkan, saya takutkan mereka ini merasakan bahawa politik itu tidak relevan dan oleh itu mereka merasakan proses politik itu juga tidak relevan kepada hidup mereka. Mereka tidak mengaitkan apa yang berlaku kepada mereka dan apa yang tidak berlaku kepada mereka adalah sebagai hasil daripada proses politik ini.

Saya pernah menimbulkan banyak kali tentang proses kita bermesyuarat di Dewan ini, tentang liputan media massa yang saya tidak puas hati, dari segi kepentingan yang diberi, tentang bagaimana saya bimbang kenapa rakyat tidak memenuhi galeri di belakang kita ini untuk menyaksikan persidangan ini walaupun kita membahaskan rang undang-undang yang penting yang menjejaskan masa depan mereka sendiri. Walau bagaimanapun, kebimbangan saya tentang ketiadaan minat rakyat dalam proses politik ini, saya rasa adalah tidak tepat sekarang inilah. Sejak dua, tiga bulan yang lampau kita telah menyaksikan satu ledakan minat orang ramai terhadap politik daripada berbagai lapisan masyarakat tetapi khususnya daripada mereka yang generasi yang muda. Ramai orang telah disensitifkan kesedaran politik mereka kebelakangan ini. Bagi saya sebagai seorang ahli Dewan ini saya merasakan ini adalah sesuatu yang sihat walaupun ledakan kesedaran ini telah dimanifestasikan dalam berbagai bentuk, ada daripadanya yang positif dan ada juga daripadanya yang negatif. Oleh itu dalam Dewan yang mulia inilah kita kena berbicara tentang masalah ini dengan penuh ikhlas untuk menjamin bahawa kesejahteraan negara yang kita cintai ini akan berterusan. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, kitalah secara individu dan secara kolektif yang akan dipertanggungjawabkan oleh sejarah di atas apa yang akan berlaku kepada negara yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah saya katakan dan apa yang akan saya katakan berikut adalah ikhlas daripada hati saya sendiri. Kita duduk di sini mendukung satu sumpah untuk taat setia kepada negara ini. Kita bersumpah untuk melindungi, memelihara dan juga mempertahankan Perlembagaan Negara. Dalam erti kata lain, kita telah bersumpah untuk memberi diri kita kepada negara. Kita pun berada di sini hanya untuk sementara iaitu sementara rakyat memilih kita tiap-tiap empat atau pun lima tahun. Percayalah di dalam lautan sejarah yang luas nanti, kita hanyalah debu-debu yang kecil tetapi titik-titik debu kecil ini juga akan dihakimi oleh orang ramai, dihakimi oleh sejarah dan dihakimi oleh Tuhan yang kita percayai.

Saya memilih politik kerana saya percaya bahawa politik adalah satu proses yang mengubati, 'a process of healing,' yang menyatukan kita, yang membina kita di atas kekuatan kita yang bersama dan kekuatan kita yang berasingan. Saya percaya kepada politik yang mengasihani dan toleransi. Saya percaya kepada politik yang berani dan juga yang berwawasan. Politik bukan hanya 'the art of the possible' dari segi permainan kuasanya. Politik bukan hanya 'the art of the possible' dari segi putar belitnya. Politik bukan sekadar 'the art of the possible' dari segi tawar-menawarnya. Politik juga adalah 'the art of the possible' untuk memperbaiki keadaan.

Saya sama sekali tidak bersetuju dengan apa-apa jenis rusuhan atau demonstrasi haram yang telah diadakan. Ia melanggar undang-undang dalam negara kita ini. Sebagai seorang yang bertanggungjawab untuk menggubal undang-undang sudah tentu saya tidak boleh menerima mereka yang melanggar undang-undang. Sayalah merupakan orang yang akan mempertahankan undang-undang itu kerana saya terlibat dalam pembentukan, penggubalan dan meluluskan undang-undang tersebut. Keadaan sebegini menjejaskan ketenteraman awam. Ia juga berpotensi untuk menjejaskan keselamatan negara sendiri. Saya memahami betapa susahnya bagi pihak polis, polis ini pun merupakan ahli-ahli masyarakat macam kita juga untuk mereka menjaga ketenteraman awam. Memang ada di kalangan orang-orang yang terlibat di dalam menunjuk perasaan ini tidak bertanggungjawab dan mereka ini harus dihukum mengikut undang-undang yang ada. Walau bagaimanapun, ada di antara mereka yang terlibat ini sama ada di dalam apa jenis tunjuk perasaan yang telah diadakan adalah hanya mereka yang ingin bersuara dan mahukan suara atau pendapat mereka diketahui. Ada daripada mereka itu anak-anak kita sendiri, ada daripada mereka itu adik-adik kita sendiri, ada daripada mereka yang cukup tua untuk jadi ibu atau bapa kita sendiri. Ataupun ada yang tua untuk jadi datuk kita sendiri. Ada daripada mereka itu saudara-saudara kita sendiri. Ada daripada mereka itu ada penyokong-penyokong kita sendiri, penyokong-penyokong kerajaan. Kita tidak tahu bagi setiap orang yang kita nampak itu, berapa orang yang di sebaliknya berkongsi sentimen mereka. Ini bagi saya bukan soal untuk sokong ataupun tidak sokong sesuatu pendapat kerana memang ada hak di dalam negara ini untuk menyatakan sokongan ke sini ataupun ke sana dalam mana-mana isu kerana itu dibenarkan. Yang menjadi isu ialah cara kita menzahirkan sokongan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya secara ikhlas dan ingin menyatakan bahawa kalau kita tidak kendalikan hal ini dengan secara bijaksana maka kita akan

membenarkan benih ketidakpuasan itu tumbuh dan pengalaman telah mengajar kita bahawa benih ketidakpuasan itu tidak boleh tumbuh dalam masyarakat yang membenarkan ketidakpuasan itu dimanifestasikan dalam bentuk-bentuk yang munasabah. Tanah yang subur ialah kita menyekat sama sekali apa-apa luahan ataupun pameran ketidakpuasan dalam bentuk-bentuk yang munasabah yang saya katakan tadi. Oleh itu politik dan juga polisi kita ialah untuk menidakkan tanah yang subur itu. Jika benih ketidakpuasan ini tumbuh dengan subur maka kita akan susah, kita secara peribadi akan susah, kita sebagai ahli Dewan ini akan susah, kita sebagai kerajaan akan susah, kita akan terjejas dan negara ini pun akan susah. Lebih daripada itu kita tidak tahu benih-benih apa lagi yang akan tumbuh jika tanah itu subur.

Kitalah sebagai kerajaan yang mesti mendahului usaha untuk tidak menyuburkan tanah itu. Kitalah yang mesti terus mendapat keyakinan daripada orang ramai kerana jika benih ini tumbuh kita akan rugi, yang untung ialah saudara saya dari Kubang Kerian dan mereka yang duduk di blok F, di sebelah sana. Kenapakah pembangkang mesti mendapat manfaat daripada fenomena ini? Kitalah yang telah memerintah, kitalah yang telah membangunkan negara ini dan rakyat kita.

Kita yakinlah bahawa usaha kita untuk membekalkan pendidikan kepada semua telah melahirkan satu generasi ataupun dua generasi yang lebih menyeluruh tahap pendidikannya dan lebih luas rangkumannya. Kita telah berjaya, kerajaan telah berjaya. Jika kita gagal, perkara ini tidak berlaku. Ini tafsiran saya, mungkin ada orang tak setuju. Kita kena terimalah apa yang berlaku ini ialah kerana kerajaan telah berjaya, mereka yang menunjuk perasaan itu, pelajar-pelajar universiti, mahupun pemandu teksi, seperti Yang Berhormat dari Machang kata tadi, dan yang lain-lain itu adalah hasil daripada perjuangan kerajaan UMNO dan Barisan Nasional. Kita mahukan mereka kembali kepada kita.

Tidak ada yang lebih menyayatkan hati seorang bapa, walaupun saya seorang bapa yang tidak berapa tua lagi, apabila seorang anak kita menderhaka kepada kita, Alhamdulillah, anak saya tak cukup besar untuk menderhaka kepada saya lagi, tetapi jika kita memarahinya, menghukumnya, ia tidak akan menyelesaikan masalah itu. Kita hanya akan kehilangan anak kita, dia akan pergi kepada orang lain walaupun kitalah yang telah bertungkus lumus, bersusah payah, berkorban untuk membesarkan anak tersebut. Kita yang bersusah payah, orang lain yang mendapat manfaat daripada usaha kita itu. Jadi, kita hendaklah terima bahawa sekarang ini bila kita bekalkan orang dengan rumah yang lebih baik, ataupun kemudahan jalan yang lebih baik, kemudahan kesihatan yang lebih baik, kemudahan prasarana yang lebih baik, maka orang semestinya akan berpuas hati dari segi kebebasan dan pertimbangan politik mereka.

Saya merasakan bahawa kerajaan Barisan Nasional ini berjaya kerana semakin satu generasi berlalu, pergi pada satu generasi yang lain, maka tuntutan yang dikenakan ke atas kita semakin tinggi. Sebenarnya, kita ini cukup berjaya kerana kita boleh memerintah sudah 41 tahun lebih kerana tuntutan orang sekarang ini kalau kita beri yang itu semua, dia masih lagi tidak puas hati kerana dia menuntut lebih daripada itu. Jadi, sekarang ini sebenarnya bila kita sudah beri yang asas ini, mereka minta yang lebih pula. Mereka minta pada kerajaan juga, tidak daripada pembangkang. Kita hendaklah mempunyai sikap keterbukaan yang seperti ini barulah kita boleh mengembalikan mereka ini 'hasil dari perjuangan kita' untuk kembali kepada kita supaya mereka tidak pergi ke sebelah kawan saya, sebelah Kubang Kerian. Kebelakangan ini beliau begitu gembira kerana kita kadangkadangkang telah melakukan perkara-perkara yang seperti telah yang saya katakan yang telah menyebabkan anak-anak kita hasil dari perjuangan kita pergi kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah pelihara keyakinan mereka ini, keyakinan rakyat kepada institusi-institusi dalam negara kita, kepada institusi kekeluargaan. Dalam hal ini pun kita ada masalah. Dalam institusi-institusi politik seperti Dewan Rakyat ini, Parlimen ini. Kepada semua institusi lain, institusi-institusi pendidikan, media massa sebagai satu institusi, birokrasi kerajaan sebagai satu institusi, sistem kehakiman sebagai satu institusi, polis sebagai satu institusi, Peguam Negara sebagai satu institusi, semua institusi yang ada dalam negara kita ini.

Oleh yang demikian saya menyokong hasrat yang telah dinyatakan oleh Kubang Kerian, Machang dan Kuala Pilah bahawa kes aduan tuduhan terhadap pihak polis melakukan kekerasan semasa tahanan ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri kenalah diselesaikan dengan cepat. Ini dikirakan sebagai menyuburkan tanah untuk benih ketidakpuasan itu tumbuh. Kita selesaikan masalah itu dan ambil tindakan yang patut kita ambil dan kemudian benda itu boleh selesai macam begitu sahaja dan kembalikan keyakinan orang ramai kepada pihak polis yang telah melakukan perkhidmatan yang cukup cemerlang sejak sebelum kita menghadapi kemerdekaan sehinggalah sekarang. Saya juga minta supaya Peguam Negara tak payah cakap banyak-banyak, jadi senang. Jadi Peguam Negara banyak cakap kadang-kadang jadi problem lagi banyak.

Dahulu kita menimbulkan masalah bahasa dalam Dewan ini, Peguam Negara pun tulis surat kepada Ahli Parlimen secara terus. Peguam Negara ini saya nasihatkan supaya jangan cakap banyak sangat. Saya ingat dalam tiga bulan lepas Peguam Negara telah membuat satu sidang akhbar dan dalam sidang akhbar itu beliau telah memberikan asas-asas pendakwaan. Itu memang bagus kerana ia menjelaskan kedudukan yang sebenarnya. Tetapi dalam sidang akhbar tersebut beliau juga telah mengatakan bahawa asas pendakwaan itu telah diedarkan kepada ahli-ahli Parlimen. Saya mendapat panggilan daripada akhbar apakah pandangan

saya tentang guidelines itu dan saya kata saya tidak pernah dapat. Peguam Negara sampai hari ini tidak memberi benda seperti macam itu.

Jadi, daripada membuat kesilapan-kesilapan kecil yang menjejaskan keyakinan orang ramai, tak usah buat langsunglah press statement, press conference. Biar orang politik, ada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada perundangan biar dia yang buat kenyataan, bagi pihak kerajaan.[*Tepuk*] Jadi, orang lain pun tak payah buat press conference. Hakim Besar atau Hakim Kecil, Hakim Mahkamah Tinggi, jangan membuat press conference yang boleh menimbulkan persoalan-persoalan dalam keadaan sekarang ini yang boleh menjejaskan keyakinan orang kepada institusi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya tengok balik dalam *Hansard* empat tahun yang lepas. Saya katakan bahawa pembangunan yang kita alami dalam negara kita ini kita telah capai kerana institusi kita kukuh. Kadang-kadang kita melihat pada pertumbuhan ekonomi, pembangunan ekonomi sebagai sesuatu yang asing daripada institusi. Sebenarnya yang membolehkan misalnya saya berdiri di sini ialah kekuatan institusi yang ada pada masa saya kecil sehinggalah masa saya jadi besar. Ada kekuatan institusi kekeluargaan, kemasyarakatan, kepercayaan kepada mahkamah, kepercayaan bahawa saya punya hak akan dilindungi iaitu dasar-dasar kerajaan daripada institusi kesihatan, pendidikan dan sebagainya yang telah melahirkan orang macam saya. Kalau ada kecacatan salah saya tapi kalau ada kebaikan memang hasil daripada proses itu sendiri.

Sekarang ini kita perlu mengaitkan pembangunan institusi, pembentukan budaya berdasarkan nilai-nilai yang baik iaitu menjadi satu prasyarat yang cukup kuat, kalau kita hendak menjamin pertumbuhan ekonomi, pembangunan ekonomi itu berterusan di masa-masa yang akan datang. Kerana kalau kita hanya melihat pada sudut pembangunan ekonomi dari segi ukuran pertumbuhan ekonomi, kita akan gagal.

Jadi semasa dalam krisis sebeginilah maka kita akan lihat betapa kuatnya institusi kita, masa senang tidak ada ujian ke atas institusi itu. Sekarang ini nampak setakat ini boleh bertahanlah dari segi kekuatan institusi yang ada dalam negara kita ini. Kita hendak bangunkan terus institusi ini dan saya cadangkan kepada jentera kerajaan, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang duduk di Blok A dengan Blok B supaya memberi penekanan walaupun dalam apa juga kementerian dan tanggungjawab Ahli Yang Berhormat sekalian untuk memberi penekanan kepada pembangunan institusi ini.

Kita kadang-kadang terlupa bahawa dalam masalah kegawatan ekonomi yang kita hadapi dan juga masalah politik yang kita hadapi sekarang ini, sebenarnya di dalam masyarakat kita ada kelemahan-kelemahan dalam institusi yang saya sebutkan tadi. Ada sudah ternampak keruntuhan kekuatan dari segi institusi keluarga. Ada sudah nampak wujudnya golongan remaja yang begitu ramai dalam negara kita ini yang terjerumus di dalam berbagai-bagai masalah yang mendukacitakan kita. Kerana kita tahu bahawa lebih daripada separuh daripada rakyat negara kita ini sebenarnya umurnya kurang daripada 25 tahun. Jadi ramai macam mereka daripada umur macam saya. Ramai umur macam mereka daripada umur macam kita yang ada dalam Dewan ini. Jadi untuk merekalah kita melakukan apa juga dasar kita laksanakan, kita gubal apa juga undang-undang kerana untuk kesejahteraan mereka di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, banyak mana lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada dua minit lagi.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Saya mohon supaya saya dibenarkan bercakap dengan lebih khusus mengenai soal ekonomi semasa Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pemimpin kita menyedari bahawa kita tidak mungkin dapat melihat hasil perjuangan kita di masa hayat kita. Itulah satu hakikat dan sepatutnyalah politik itu sesuatu yang mulia kerana hakikat ini. Kita

sepatutnya orang nampak, tetapi tidak seperti mana orang nampak sekarang ini. Patutnya lebih tinggi kerana kita terlibat dalam melakukan sesuatu merancang untuk mereka yang mengikuti kita, bukan untuk kita.

Kita merancang untuk esok, bukan untuk hari ini. Kita semai benih, kita pastikan ianya tumbuh membesar. Kita mahukan generasi yang akan datang nanti dapat merasai buah yang manis dan buah yang elok. Sesungguhnya buah yang lebih elok daripada yang telah kita rasai daripada mereka yang telah terlibat dalam politik terdahulu daripada kita. Tapi esok adalah juga hari ini – bunyi macam title wayanglah tapi betul. Kerana apa yang kita lakukan hari ini akan menentukan apa yang berlaku esok. Marilah kita menginsafi hakikat ini. Tanggungjawab kita amat berat kerana sejarah akan menghakimi dan menghukum kelak nanti, Allah S.W.T. juga akan menghakimi kita selepas kita mati. Percayalah bahawa apa jua jenis kekayaan, kedudukan dan sebagainya tidak boleh qada penghakiman dan penghukuman sejarah yang buruk terhadap kita. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Pasir Puteh.

**3.45 ptg.**

**Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Belanjawan Negara tahun 1999, saya berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana membentangkan satu belanjawan yang moderate dan bertanggungjawab sanggup berdefisit sehingga lebih daripada RM16 bilion demi untuk kepentingan rakyat. Walaupun dalam keadaan ekonomi yang gawat akibat turunnya nilai Ringgit yang diwujudkan oleh peniaga-peniaga mata wang asing kita masih lihat ramai rakyat jelata membanjiri pasar-pasar minggu, membanjiri supermarket-supermarket untuk berbelanja, masih dapat mengekalkan kedudukan masing-masing dan tidak ada kelaparan di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh serba sedikit dalam perbahasan ini seberapa ringkas yang boleh. Pertama, berkaitan dengan pendidikan, walaupun beberapa perubahan besar telah berlaku dalam sistem pendidikan kita dan akhir sekali ialah dasar sistem Sijil Terbuka yang mana saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Pendidikan, dengan bertambahnya bangunan-bangunan baru dan bilik-bilik darjah baru tetapi masih terdapat ramai murid yang masih belajar dalam bilik darjah yang diubahsuai. Dengan peruntukan sebanyak RM3 bilion lebih untuk pembangunan, rakyat masih lagi perlu kepada bangunan-bangunan bilik darjah.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya sebuah Sekolah Rendah Kebangsaan Bukit Jawa yang mana mempunyai lebih daripada 1,500 pelajar ataupun murid. Sekolah itu telah dipecah dua, lebih kurang empat tahun yang lepas dan telah mempunyai dua guru besar, dua pentadbiran yang berlainan, pekerja yang berlainan tapi masih berkongsi di satu sekolah, satu bangunan akibatnya setiap pagi bila murid datang ke sekolah lebih kurang lima belas minit atau dua puluh minit kerja mereka ialah memunggah, memindah kerusi. Jadi akibat dari ini sekolah itu dalam keadaan kelam kabut. Di sini saya harap kementerian dapat membina sebuah sekolah yang baru untuk sekolah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati masih banyak sekolah agama rakyat di seluruh negara yang mendidik dan mengajar bahasa Arab dan agama Islam yang keadaannya masih mundur. Kementerian Pendidikan seharusnya mengkaji keadaan dan kedudukan sekolah-sekolah ini. Kalaulah kerajaan menyokong pertumbuhan IPT-IPT yang diwujudkan oleh pihak korporat di seluruh negara dan saya rasa tidak salah kalau kerajaan mengubah keadaan dan mengiktirafkan semua sekolah-sekolah agama swasta ini sebagai institusi pelajar rendah. Dengan memberi bantuan profesional pendidikan dan tambahan-tambahan alat bantu mengajar kepada mereka sehingga sekolah ini dapat berfungsi sebagai satu institusi pendidikan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, bantuan secara biasiswa sebagaimana yang kita tahu telah dihapuskan. Saya rasa perkara ini harus dihidupkan kembali walaupun dengan cara yang berbeza. Mungkin pelajar-pelajar yang baik ataupun siswa-

siswa yang dapat kelulusan cemerlang, pinjaman mereka dapat diubah kepada biasiswa dan ini dapat menggalakkan mereka untuk belajar lebih tekun dan kita akan mendapat pelajar-pelajar yang lulus dengan cemerlang.

Dalam pemberian buku teks saya kira Kementerian Pendidikan seharusnya mengkaji semula kerana apa yang dihadkan kepada mereka yang berpendapatan kurang daripada RM1,000 adalah tidak setara dengan keadaan nilai mata wang hari ini. Kalau RM1,000 yang didapati oleh keluarga yang menanggung ahli keluarga yang ramai dengan keadaan makanan yang melambung naik, pakaian yang naik dan inflasi walaupun rendah tetap bergerak naik maka pendapatan RM1,000 ini adalah amatlah kurang. Jadi saya minta Kementerian Pendidikan mengkaji semula tentang pemberian buku teks ini kepada mereka yang berpendapatan lebih daripada RM1,000.

Masih lagi berkaitan dengan pendidikan. Satu lagi yang saya dapat rungutan daripada ibu bapa-ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke universiti-universiti tempatan. Kita dapati ramai penduduk dari desa, saya ini wakil rakyat dari desa - yang tidak mempunyai tempat tinggal yang sewanya begitu mahal. Kalau pendapatan mereka lebih kurang daripada RM1,000 sebagaimana yang diutarakan oleh Pokok Sena kalau petani itu mendapat RM200 semusim untuk satu relung, jadi kalaulah perbelanjaan anak mereka RM300 hanya untuk sewa bilik ataupun sewa rumah, maka kerajaan seharusnya menyediakan tempat tinggal dengan sewa yang lebih murah. Apatah lagi untuk makan dan belum lagi termasuk tambang ke kampus untuk belajar.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati ibu bapa terpaksa menyediakan lebih daripada RM600 sebulan untuk menanggung seorang anak belajar di luar ataupun dalam negeri iaitu sebagaimana yang diperlukan oleh anak-anak mereka. Kalaulah mereka mempunyai dua orang anak memasuki universiti, bagaimana mereka hendak menanggung anak ini. Akibatnya salah satu daripada anak mereka itu terpaksa berhenti dari melanjutkan pelajaran.

Satu lagi perkara yang saya hendak sentuh di sini ialah berkenaan dengan air. Saya menyokong ura-ura Kerajaan Pusat untuk mengambil alih pengendalian air daripada kerajaan negeri. Air adalah satu keperluan untuk semua. Saya ini dari Kelantan, dan saya memahami keadaan di Kelantan. Setiap kali saya buka pili air, angin yang keluar. Kerajaan Negeri Kelantan setakat ini belum lagi mampu untuk menguruskan air di Kelantan. Air ini adalah kepentingan semua, tidak kira golongan atas ataupun golongan bawahan. Jadi, kami di Kelantan terpaksa

mengorek perigi untuk mendapatkan air. Jadi mintalah kalau boleh dipercepatkan mengambil alih masalah air ini oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak sebut di sini ialah berkenaan alam sekitar iaitu di tempat saya, ada sebuah kilang Bernas. Alam sekitar ini adalah amat penting untuk kita semua. Dalam ekonomi yang pesat membangun, industri yang menyebabkan alam sekitar negara kita menjadi kotor hasil sampingan kilang-kilang ini menyebabkan sungai dan alam sekitar ini kotor.

Di tempat saya ada sebuah kilang padi Bernas yang mana tempatnya terletak di tengah-tengah kawasan penduduk dan dekat sebuah sekolah. Hasilnya setiap rumah terpaksa ditutup, tingkapnya ditutup dengan langsir, tidak boleh dibuka kerana habuk dari kilang ini masuk ke rumah dan meresapi hidung penduduk di kawasan sekeliling. Jadi, saya minta mana-mana menteri yang berkaitan mengkaji semula berkenaan kedudukan kilang padi ini kerana sudah beberapa tahun, ada yang terpaksa pindah dari kawasan tersebut dan saya dengar kilang padi ini adalah satu daripada kilang padi yang paling tidak teratur di Malaysia dari segi kebersihannya dan saya minta benar-benar supaya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Kementerian Pertanian memberi perhatian terhadap kilang padi ini.

Berkaitan dengan pembangunan luar bandar, walaupun dengan keadaan ekonomi yang gawat, kerajaan telah memperuntukkan lebih RM1 bilion dan tambah lagi peruntukan untuk pembangunan luar bandar, tetapi sebagai wakil rakyat luar bandar, saya minta kerajaan memberi perhatian yang tepat dan perhatian yang lebih kepada penduduk luar bandar yang mana banyak daripada jalan-jalan raya seharusnya di 'upgrade'kan dan saya rasa kalaulah boleh dihentikan salah satu projek mega di bandar ini, maka saya rasa seluruh negeri dapat mempunyai jalan luar bandar yang baik. Seorang kawan saya dari Sarawak menyatakan "kalau kita hentikan satu projek bulatan di bandar raya ini, saya rasa perbelanjaan tersebut boleh diperuntukkan kepada seluruh Sarawak." Maka itulah besarnya keperluan yang diperlukan oleh penduduk luar bandar dalam memberi pembangunan kepada mereka. Saya rasa ini dapat dilakukan oleh kerajaan hari ini kerana kita tahu yang 'hardcore'nya ialah dari luar bandar dan seharusnya kita memberi perhatian kepada penduduk luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menghargai atas pelepasan cukai pendapatan untuk pendapatan tahun 1999. Ini adalah satu perkara yang patut rakyat semua berterima kasih kepada kerajaan, tetapi rakyat akan merasa dalam masa setahun lebih lagi masalah yang dihadapi ialah pada awal tahun 1999. Rancangan yang telah dibuat oleh keluarga-keluarga dan nilai Ringgit yang susut, pakaian sekolah mesti dibeli dan Hari Raya akan tiba, jadi saya minta bonus itu dikaji semula. Kalau tidak boleh diberi kepada semua mintalah diberi kepada golongan pertengahan dan kalau mereka yang mendapat gaji RM4,000, RM5,000 itu tidak perlu diberi, maka mintalah kerajaan mengkaji semula pada mereka yang berpendapatan pertengahan. Dengan kata-kata ini saya menyokong Belanjawan 1999.

**Tuan Yang di-Pertua:** Wangsa Maju.

**3.58 ptg.**

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian bersama dalam perbincangan Belanjawan 1999 kali ini, dengan penuh prihatin bahawa kita menghadapi krisis ekonomi yang cukup besar dan jika tidak kita melaksanakan dasar-dasar yang wajar tentu sekali akan meruntuhkan keyakinan rakyat terhadap usaha-usaha kita yang baik selama ini yang telah disebut-sebutkan oleh ramai daripada rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh dan berasa penuh yakin bahawa langkah-langkah yang telah diajukan dan dicadangkan dalam Belanjawan 1999 ini akan mencapai matlamat dan sasaran. Walaupun ada pihak-pihak yang menyuarakan bahawa langkah kita yang dibuat oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I, adalah radikal ataupun unorthodox, namun ianya tepat dan wajar pada kepentingan dan keadaan krisis yang jika tidak dibuat sesuatu yang radikal sedemikian akan lebih memberi padah yang teruk kepada kita.

Dalam hal ini saya rasa bahawa kombinasi dasar fiskal ataupun belanjawan defisit itu yang melibatkan perbelanjaan kerajaan melebihi daripada pendapatan sebagai satu daripada usaha bersama dengan usaha untuk mengawal keluar masuk modal jangka pendek dan juga pengawalan tukaran asing, adalah satu kombinasi yang tepat dalam konteks matlamat untuk menstabilkan mata wang dan juga untuk menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh memberi, menjanakan semula pemulihan ekonomi negara. Diharapkan dalam masa dua, tiga tahun ini dengan

pelaksanaan belanjawan tahun depan yang akan memulakan proses pemulihan itu sampai ke peringkat tahun 2000, 2001 dan 2002 supaya kita dapat mencapai balik kepada profile pertumbuhan ekonomi yang kita harapkan di bawah Wawasan 2020 iaitu 7% setahun.

Tuan Yang di-Pertua, ada pihak yang mengatakan bahawa belanjawan kali ini ialah belanjawan untuk pilihan raya. Walaupun pilihan raya akan diadakan tidak lama lagi, namun saya rasa Belanjawan 1999 ini lebih menumpu kepada kepentingan rakyat dalam erti kata mempertahankan pencapaian yang telah dimajukan oleh kerajaan dalam berbagai bidang ekonomi mahupun sosial. Tahun ini ada disebut dalam satu penulisan Asian Wall Street Journal saya minta izin 'quote'kan bahawa Belanjawan 1999 ini telah diwujudkan oleh Perdana Menteri sebagai satu dengan izin, "cleverly crafted plan to lend support to businesses at the time when the government can't easily tap global market to fund a 'keynesian boost' in spending.

Ini adalah satu penganalisan yang tepat tetapi tidak bermakna bahawa kerajaan hanya menumpu kepada kepentingan-kepentingan perniagaan, usahawan, dan korporat semata-mata dan inilah yang memberi saya rasa senang bahawa dalam ucapan belanjawan tersebut Perdana Menteri telah menekankan juga menambahkan perbelanjaan untuk social sector dan bagi safety net rakyat setanding dengan kepentingan menyusun semula sektor kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Ketua Pembangkang telah mengatakan bahawa ada satu ironi ataupun inconsistency bahawa dalam belanjawan tahun lepas 1998 yang dilaksanakan tahun ini, Ahli-ahli Parlimen kerajaan telah menyokong sepenuhnya dengan semua yang dilaksanakan ataupun yang dicadangkan dilaksanakan tahun ini. Wal hal kali ini di mana belanjawan 1999 mengajukan satu strategi yang berlainan malah berlainan langsung dengan strategi 1998, kita juga menyokong dengan penuh padu cadangan tersebut. Dalam hal ini, inconsistency ini hanya boleh dilihat dari kaca mata pembangkang dari segi politik semata-mata. Dari segi substansinya ia menunjukkan bagaimana konsistennya kerajaan apabila keadaan itu berubah dan terpaksa kita merubah strategi kita, kerajaan secara pragmatik telah melaksanakannya dengan baik. Malah dasar yang pragmatik inilah yang telah membolehkan kerajaan melaksanakan pelbagai macam perubahan dan pembangunan yang membawa kita kepada kejayaan sekian lama sejak 30 tahun yang lepas. Di atas pragmatisme inilah pelaksanaan kawalan modal dan tukaran asing ini boleh dikatakan sebagai satu perubahan yang diperlukan dalam keadaan di mana kita terus diserang oleh kuasa-kuasa luar termasuk dana perlindungan nilai, yang sebenarnya kalau kita mengikuti hujah-hujah Perdana Menteri patut ditakrifkan sebagai 'dana perompak nilai' sebenarnya.

Dalam konteks inilah maka apa yang diajukan oleh Perdana Menteri dalam ucapannya di Hong Kong tahun lepas, sekarang ini sudah nampak benar dan banyak pula suara yang menyokong tidak kurang

pula kerajaan-kerajaan termasuk Australia, Presiden Bill Clinton, Presiden Cardoso dari Brazil melihatkan bahawa usaha yang sama telah merosakan ekonomi dan menjejaskan ekonomi sampai ke Russia dan mungkin ke Latin Amerika. Apabila Amerika sedar bahawa ini menjejaskan ekonomi mereka juga iaitu Amerika Syarikat maka tindakan yang diambil sekarang ini untuk mencari mekanisma mengawalinya. Jadi dalam konteks inilah maka kita harus memberi sokongan penuh kepada kerajaan untuk melaksanakan tindakan baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memindah kepada soal yang agak lebih khusus. Saya senang mendengar bahawa Menteri Kewangan II telah memberitahu melalui satu kenyataan akhbar bahawa kita mempunyai dana yang mencukupi untuk menampung defisit pada tahun ini iaitu lebih kurang 3.6% dan defisit untuk tahun hadapan sebanyak 6% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar. Ini sebenarnya agak melegakan kerana dijangkakan sebelum ini bahawa defisit itu jauh lebih tinggi. Walau bagaimanapun dengan adanya dana hasil daripada simpanan terkumpul sejak belanjawan surplus dahulu, lima tahun yang lepas serta peningkatan rizab kita dengan hasil lebih dagangan luar yang bertambah baik hasil penurunan nilai mata wang kita. Dengan keupayaan kita menabung yang tinggi dan dengan simpanan-simpanan tabungan itu melalui dana-dana yang ada termasuk EPF dan sebagainya maka kita mungkin dan boleh membiayai defisit bagi tahun 1999 ini.

Saya ingin membangkitkan satu perkara sahaja iaitu pertanyaan sama ada kerajaan ada membuat perhitungan atau tidak perlu membuat perhitungan apabila kita terpaksa meneruskan defisit spending ini apabila keadaan ekonomi dunia masih lagi lembab dan juga rating kita ataupun keupayaan kita meminjam dari luar tidak mendapat sambutan baik daripada kuasa-kuasa asing. Oleh itu satu rencana pembiayaan jangka panjang atau jangka pertengahan (medium term) perlu dibuat oleh kerajaan supaya merangkumi kemungkinan defisit bagi tahun 2000 ataupun 2001. Kita mengharapkan bahawa defisit spending tahun ini dengan kelonggaran dasar kewangan negara membolehkan pembiayaan semula bank, pinjaman dan sebagainya yang telah pun kita minta dan dicadangkan di dalam Dewan ini juga pada awal tahun ini supaya mengubah dasar monetary dan fiskal kita sejak 1998 akan berjaya menjanakan balik pertumbuhan ekonomi. Saya percaya negara akan mencapai kadar pertumbuhan 1% seperti yang dijangkakan oleh kerajaan, malah ada sesetengah penganalisa mengatakan mungkin melebihi 1% sampai 3%. Ini akan mengurangkan lagi beban pembiayaan kerajaan, tentu sekali, insya-Allah.

Walaupun bagaimanapun sebagai satu tindakan yang prudent, soal membuatkan satu plan medium term financing ini yang tentu sekali dibuat melalui penilaian semula Rancangan Malaysia Ke-7 menjelang tahun 2000 dan juga perancangan untuk Rancangan Malaysia Ke-8 yang akan diadakan selepasnya. Dalam hal ini, saya juga ingin menyentuh soal reaksi asing, oleh kerana kita dituduh bermacam-macam dengan mengatakan kita telah memencilkan diri dari sistem ekonomi antarabangsa dengan kawalan modal dan mata wang ini, seolah-olah mereka mengatakan kita sudah tidak lagi mahu menjadi ahli ataupun warga antarabangsa lagi maka harus kita ingatkan bahawa ekonomi negara kita masih mengamalkan dasar-dasar terbuka dalam soal perdagangan dan juga dalam soal pelaburan asing terutama sekali pelaburan asing

jangka panjang. Yang kita lakukan sekarang ini melalui tindakan kerajaan mengawal keluar masuk modal masuk ialah untuk mengurangkan ketidakstabilan nilai mata wang dan mengembalikan nilai saham melalui satu tindakan kawalan yang merupakan satu perkara yang perlu dibuat dalam keadaan sekarang ini.

Saya berasa yakin apa yang disebutkan oleh Perdana Menteri bahawa kawalan ini adalah hanya untuk sementara bukan permanent; ianya boleh diubah dalam konteks dasar pragmatik yang sentiasa diamal oleh kerajaan bahawa apabila keadaan di luar negeri itu lebih terkawal serta ada mekanisma-mekanisma pegawalan dana perlindungan seperti hedge fund yang wujud oleh Soros itu dan sebagainya dan jika ada perubahan achitecture kewangan antarabangsa termasuk IMF dan sebagainya dapat diusahakan dengan tegas oleh Kumpulan 7 (G7), maka tentu sekali kerajaan dapat memikirkan semula soal kawalan modal ini. Mekanisme exit yang harus dibuat daripada sekarang melibatkan apakah syarat-syarat dan kondisi-kondisi di mana dengan perubahan itu termasuk pemulihan ekonomi kita sendiri bahawa kita akan kembali kepada sistem tukaran (convertibility) yang bebas seperti sebelum ini, dengan keyakinan yang diberikan oleh sistem pengawalan kewangan antarabangsa yang baru tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh dalam perbelanjaan ini, saya rasa ada baik dalam menjanakan kembali pemulihan ekonomi negara bahawa kita menggalakan permintaan persendirian. Satu daripada harapan saya dalam perbincangan pre-budget dahulu dan juga pengumuman kerajaan selepasnya ialah supaya kemungkinan kerajaan dapat mengurangkan cukai pendapatan persendirian. Secara indirect ini dimungkinkan dengan adanya waiver bagi cukai tahun 1999 dan bukan dia tidak bayar sebenarnya tetapi oleh sebab kita hendak tukar kepada sistem cukai tahun semasa maka tahun depan kita tidak perlu membayarnya sekali gus ia memberikan injection modal ataupun pembiayaan untuk meningkatkan permintaan persendirian. Soal consumer spending ini sangat penting kerana pada masa ini mengikut kajian MIER keyakinan consumer adalah di peringkat yang terendah sejak sepuluh tahun yang lepas, dan sepuluh tahun yang lepas ialah apabila dalam tahun 1988 kita mula mengkaji selidik consumer confidence index ini yang pada masa itu pada paras yang sekarang ini. Kita harapkan dengan keupayaan berbelanja individu ini maka ia bukan sahaja menampung masalah individu yang kena buang kerja atau perniagaan kecil yang tidak bermaya pada masa ini dapat sekurang-kurangnya menampung kebajikan mereka.

Dengan itulah maka saya menyokong pendapat ramai rakan yang telah menggesa kerajaan supaya mengkaji kemungkinan memberi bonus atau sekurang-kurangnya insentif kepada pegawai kerajaan. Ini akan sekali gus dengan jumlah 800,000 orang pegawai kerajaan dengan purata gaji mereka yang kita tahu melibatkan lebih kurang RM500 juta. Tentu sekali kerajaan dapat mencari RM500 juta di mana-mana termasuk dari projek-projek yang kita boleh jimat sedikit untuk membiayai RM500 juta ini.

Suntikan RM500 juta ini akan memberi rangsangan baru kepada keyakinan pengguna untuk berbelanja kerana pada masa ini kita perlu perbelanjaan dan kurangkan tabungan kerana tabungan semata-mata tidak memberi kita manfaat dari segi pertumbuhan ekonomi pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir yang saya ingin sentuh kerana yang lain-lain yang khusus saya akan bangkitkan untuk menjimatkan masa dan memberi peluang kepada kawan-kawan yang lain untuk berbahas sama dalam peringkat Jawatankuasa nanti ialah soal penyusunan semula institusi kewangan. Saya tertarik dengan ucapan rakan, Yang Berhormat dari Balik Pulau yang jitu dan penuh keyakinan diri menumpukan ucapan beliau terhadap soal pembangunan institusi. Ini berkaitan.

Pembangunan institusi ini sememangnya seperti katanya satu-satunya yang memberikan kestabilan kepada apa saja dasar-dasar yang kita laksanakan walaupun ianya radikal dan berbeza daripada yang kita laksanakan dulu-dulu kerana institusi inilah yang memberi kita keyakinan. Dalam soal institusi perbankan ataupun kewangan, memanglah satu-satunya punca yang menyusahkan atau merumitkan masalah yang kita hadapi dalam menjana pemulihan ekonomi, malah menjadi asas serangan yang begitu hebat ke atas ekonomi negara kita sehingga membawa kemelesetan itu ialah akibat masalah dihadapi bank-bank dan sistem kewangan kita.

Dalam hal ini saya daripada dulu, khusus tahun lepas apabila diperkenalkan Akta Danaharta dan Danamodal menyokong penuh tindakan ini kerana inilah yang perlu dalam keadaan krisis kewangan yang kita hadapi ini. Jadi soalnya ialah sama ada penyusunan semula bank ini akan dibuat secara lebih tegas daripada voluntarisme yang dibuat sekarang ini. Yang saya maksudkan ialah bagaimana bank-bank kita telah bertindak dalam konteks pertumbuhan yang begitu pesat dan tentunya perlu dikaji tentang cara-cara perjalanan bank-bank ini. Ini sudah pun disebutkan oleh ramai. Yang saya nak sentuh, Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa penyusunan bank-bank yang lebih kurang 34 sekarang ini hanya digalakkan oleh kerajaan untuk dicantum atau di`merge`kan supaya mereka menjadi satu institusi

yang lebih kukuh apabila kita membuka semula negara kita ini kepada sistem kewangan antarabangsa termasuk pelaburan dalam sektor kewangan ini.

Memang kita mungkin terlalu awal dulu membukanya sehinggakan capital account ini senang diserang oleh pihak asing. Tetapi kalau kita nak menyertai kembali sistem kewangan antarabangsa ini yang memang kita sebagai ekonomi terbuka perlu, maka kita haruslah mengukuhkan sistem bank ini dalam masa kita membuat penyusunan ini. Maka saya mencadangkan supaya khususnya usaha menyantun bank-bank ini dibuat dengan lebih tegas, menggunakan apa-apa peruntukan dan juga pembiayaan yang ada pada Danamodal dan mensyaratkan bantuan melalui Danaharta yang akan ditujukan kepada bank-bank untuk pemindahan NPL atau hutang tak berbayar yang diambil alih oleh dana harta ini supaya bank-bank tersebut yang balance sheetnya sudah dibersihkan itu dikukuhkan dengan modal baru melalui Danamodal. Jadikan syarat mereka harus menyantun dalam kumpulan yang telah dicadangkan, lebih kurang lapan kumpulan. Dan juga saya menyokong pemindahan pinjaman-pinjaman infrastruktur yang memang mempunyai kepentingan negara dan merupakan satu sumbangan kepada rakyat keseluruhannya. Walaupun diswastakan dan melibatkan korporat-korporat tertentu namun kepentingan infrastuktur, projek-projek infrastruktur ini sangat penting dan telah pun dibiayai melalui bank biasa dipindahkan kepada Bank Pembangunan Malaysia dan dijadikan Bank Pembangunan dan Infrastruktur. Itu memang wajar kerana bank pembangunan ini boleh menyusun profil pinjaman dan bonnya itu dengan lebih hebat daripada bank-bank komersial biasa kerana itu adalah tugas Bank Pembangunan.

Dalam hal ini saya juga ingin menyentuh tentang peranan Bank Negara Malaysia. Bank Negara Malaysia telah memainkan peranan yang begitu penting dan berkesan dalam mewujudkan satu sistem perbankan yang boleh dibangga oleh kita semua. Walaupun banyak kritikan dibuat kepada bank kita dulu, tetapi dari

segi dasar yang dilaksanakan, bank peranannya sebagai menjaga nilai mata wang, menjaga rizab kita, mempertahankan keutuhan banking system dan pembangunannya serta menjadi lender of last resort, memang Bank Negara telah memainkan peranan yang cukup baik. Bagaimanapun kita semacam memberi terlalu banyak tanggungan ke atas Bank Negara ini, maka dalam hal ini saya rasakan perlunya Bank Negara ini dikaji semula bukan sahaja kegiatannya tetapi susunannya kembali kepada basic, iaitu kepada tugas-tugas asalnya dan tidak dicampuradukkan dan dibeban dengan berbagai tanggungjawab seperti insurans dan juga pembiayaan perumahan - low cost housing dan sebagainya yang akan saya timbulkan dalam Jawatankuasa nanti. Dan lain-lain perkara yang memang di dalam konteks institusi Bank Negara ini sebagai satu bank untuk menjaga keutuhan sistem kewangan negara, ianya dikhususkan kepada perkara tersebut. Jadi kita harus mengambil kesempatan ini dengan adanya Gabenor Bank yang baru dan pengurusan yang baru untuk mengkaji peranan Bank Negara itu.

Akhirnya, saya juga selari dengan pengukuhan sistem atau institusi kewangan ini menyokong saranan daripada Yang Berhormat Batu yang mencadangkan - pernah dibangkitkan oleh Kementerian Kewangan, ditubuhkan satu pelindung insurans bagi deposit-deposit bank-bank atau apa yang dikatakannya Agensi Insurance Deposit (AID) memang tepat pada masanya dan saya mencadangkan kerajaan mengkajinya dengan bersungguh-sungguh dan tentu sekali sudah pun ada idea-idea yang awal dalam hal yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi isu yang saya nak bangkitkan, tapi melihatkan bahawa rakan-rakan kita masih lagi ramai yang nak bercakap, saya tangguhkan isu-isu spesifik kepada Jawatankuasa nanti. Sekian, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Bendera.

**4.17 ptg.**

**Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Krisis ekonomi yang melanda negara kita tidak sekalipun mematahkan semangat kita untuk meneruskan ke arah pembangunan. Belanjawan 1999 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Pertama merupakan satu belanjawan yang digariskan untuk memulihkan ekonomi negara. Belanjawan 1999 mempunyai lima strategi untuk memenuhi cabaran serta mengatasi risiko dalam keadaan kegawatan ekonomi. Saya ingin menyentuh mengenai strategi ke-2 dan ke-3.

Strategi ke-2 akan memperkukuhkan ketahanan dan daya saing ekonomi negara, manakala strategi yang ke-3 akan menyusun semula sektor kewangan dan mempertingkatkan tahap pengurusan sektor awam dan swasta, dengan izin, good governance. Kedua-dua strategi yang tersebut adalah tepat bukan sahaja dalam suasana krisis ekonomi tetapi amat relevant dalam ekonomi global yang tanpa sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, krisis ekonomi yang kita alami memberi peluang kepada kita untuk mengkaji semula cara kita menguruskan sektor awam dan sektor swasta. Sebelum ini perlulah kita mengambil kira perkembangan dunia dari segi ekonomi, politik dan teknologi. Dari segi ekonomi, corak perdagangan dan barang-barang yang diniaga telah banyak berubah. Pasaran sekarang adalah tanpa sempadan dan seluruh dunia menjadi pasaran. Dahulu mata wang digunakan untuk bayaran sahaja tetapi sekarang mata wang diniaga sebagai satu komoditi.

Melalui komputer dan internet, perniagaan elektronik atau e-commerce telah pun menjadi satu cara perniagaan yang bertambah penting dan meliputi seluruh dunia. Maklumat dan teknologi tinggi telah menjadi satu faktor yang amat mustahak dalam 'perang' ekonomi. Penyelidikan dan kajian maklumat dan pengetahuan menjadi satu alat penting untuk membantu peniaga-peniaga antarabangsa membuat keputusan perniagaan dan perdagangan.

Dengan Internet dan media elektronik seperti CNN dan BBC perkembangan politik di seluruh dunia boleh diketahui dalam masa yang singkat dan dalam segi politik pun negara sosialis seperti negara China atau negara Vietnam telah beralih kepada satu pembangunan ekonomi cara kapitalis tetapi dalam sistem politik bercorak 'democratic centralism' dan inilah order ekonomi dan politik yang baru. Pengetahuan teknologi maklumat akan menguasai dunia serta sistem politik dan kewangan. Kita boleh cuba mempertahankan diri kita ataupun kita boleh membantah trend ini tetapi kita mesti memahami penubuhan serta pengaruh yang terbesar dalam order ekonomi dan politik dunia ini dan bersedia menghadapi perubahan sedunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kita tidak boleh mengasingkan diri kita daripada sistem yang dominan dan jangka masa yang panjang. Kita perlu mewujudkan satu sistem pengurusan yang kuat dan kukuh supaya kita boleh bersaing di peringkat antarabangsa. Jika kita tidak berunding untuk mengubah tarikh pelaksanaan AFTA dan WTO kita mesti membuat persediaan untuk bersaing dalam suasana tanpa perlindungan tarif yang kita menikmati sekarang. Perlindungan politik dalam pengurusan perniagaan patut dikaji semula jika tidak kita benar-benar ingin mewujudkan syarikat tempatan yang benar-benar berdikari dan berdaya saing. Tarif dan perlindungan memang perlu pada peringkat permulaan khususnya untuk syarikat atau usahawan yang mula berniaga tetapi ia tidak semestinya diwujudkan sebagai satu hak atau tabiat atau satu pengamalan yang kekal selama-lamanya itu, seperti pengecualian cukai yang ditawarkan kepada pelabur-pelabur asing di zon perindustrian. Perlindungan dan insentif perniagaan sepatutnya mempunyai satu had masa. Peluang serta perlindungan dan insentif perniagaan perlulah ditawarkan kepada usahawan yang baru mula muncul supaya kita dapat mewujudkan lebih ramai usahawan dan mencapai satu pengagihan pendapatan yang lebih adil dan saksama. Selain daripada itu, kita juga perlu dan boleh mewujudkan satu golongan usahawan dan syarikat yang berdikari dan penuh dengan semangat persaingan dan rakyat dan pertubuhan yang berdikari dan berupaya bersaing itu barulah kita boleh menubuhkan satu negara yang boleh bersaing dalam order ekonomi sedunia yang penuh dengan persaingan yang biasanya tanpa kawalan dan kadang-kadang kejam dan zalim.

Tuan Yang di-Pertua, strategi ketiga Belanjawan 1999 di mana kita ingin menyusun semula sektor kewangan dan mempertingkatkan tahap pengurusan sektor awam dan swasta, boleh dicapai jika semua lapisan masyarakat menerima tujuannya dan mengubah minda atau mind set masing-masing. Ini adalah penting dalam usaha kita mengatasi krisis kewangan dan krisis ekonomi yang melanda kita sekarang dan mengikut satu pandangan yang diberi oleh seorang pengurus kepada pekerjanya, kita perlu mengetatkan tali pinggang kita atau 'tightened our belts', kalau tidak kita terpaksa menggunakan tali leher untuk menggantung diri sendiri 'to use our neck tie to hang ourselves', dengan izin. Ini bermakna pemetongan kos dari semua segi amatlah diperlukan dan ada berbagai-bagai cara untuk menurunkan kos pengeluaran dan mempertingkatkan daya persaingan dalam dunia perniagaan ini dan antaranya ialah berikut:

Kita boleh menurunkan mutu pengeluaran, dengan izin, to reduce the quality. Kita pun boleh mengurangkan bahan-bahan input atau bahan-bahan perantaraan tetapi ini boleh dicapai melalui R & D dan

kita boleh menyesuaikan rekabentuk produk-produk itu dan kita mesti menjalankan penyelidikan dan pembangunan, dengan izin, research dan development ke arah pengeluaran yang lebih efisien dan yang mustahak sekali kita boleh mempertingkatkan tahap produktiviti.

Di antara faktor-faktor yang tersebut di atas, pada pendapat saya yang lebih baik ialah jika kita dapat mengurangkan kos pengeluaran dengan meningkatkan mutu dengan menggunakan bahan-bahan minimum melalui hasil penyelidikan dan pembangunan sambil mempertingkatkan tahap produktiviti. Objektif ini amatlah sukar untuk mencapai tetapi walaupun ini adalah sukar dicapai namun demikian ia mestilah menjadi sasaran kita jika kita ingin bersaing di pasaran rantau dan pasaran sedunia. Seperti yang saya sebutkan sebelum ini dunia perniagaan tanpa perlindungan dan tarif selepas pelaksanaan AFTA dan WTO amatlah penuh dengan persaingan dan jika keadaan ini wujud dan suasana teknologi maklumat dan perniagaan elektronik, ia memang zalim dan kejam. Sama ada kita sedia memenuhi cabaran dan keadaan apabila masanya sampai terpulanglah kepada persediaan kita serta mind set kita. Jadi tidak dinafikan bahawa kita mesti bersungguh-sungguh menyusun semula sektor kewangan dan mempertingkatkan tahap pengurusan sektor awam dan swasta iaitu, dengan izin, good public and corporate governance.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Belanjawan 1999, Perdana Menteri kita telah menyatakan kerajaan sememangnya sedar betapa pentingnya pembangunan Teknologi Maklumat (IT) dan Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk menjadikan Malaysia sebagai satu negara maju dan sebanyak RM110 juta disediakan untuk pembangunan flagships bagi tahun 1999. Pembangunan teknologi maklumat seperti yang dicerminkan dalam flagships application di MSC ini mempunyai satu peranan yang penting dalam usaha kerajaan melahirkan pengurusan korporat yang lebih berhemat dan telus serta menetapkan amalan-amalan terbaik untuk sektor kewangan. Pembangunan teknologi maklumat sama ada dibentuk flagships application atau satu bandar bestari (intelligence city) seperti Cyberjaya di MSC ataupun penggunaan IT di semua bidang oleh semua lapisan masyarakat pun boleh menjadi satu segi yang mustahak untuk pemulihan ekonomi negara kita.

Dalam keadaan kegawatan ekonomi lebih peruntukan jika boleh daripada belanjawan pembangunan atau dari tabung pembangunan sumber manusia. Jika boleh dapat disalurkan ke latihan dan penggunaan teknologi maklumat maka kita boleh mencapai matlamat itu iaitu mengekalkan pertumbuhan ekonomi serta melatih sumber manusia yang bakal mungkin menganggur untuk menceburkan diri dalam pembangunan negara ke arah alaf atau era elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan teknologi maklumat jika diganding dengan usaha penyelidikan dan pembangunan juga boleh mempertingkatkan total sector productivity, dengan izin, dalam usaha kita mewujudkan satu ekonomi negara yang tahan lasak yang boleh mempertahankan diri daripada serangan hebat spekulatif asing. Oleh sebab itu kita perlu memandang kepada aspek positif cadangan supaya satu hari pada hari Sabtu dalam setiap bulan dijadikan hari cuti bagi sektor awam. Kita tidak patut menganggap hari cuti tambahan ini semata-

mata untuk bermesra sahaja. Memang adalah satu kemungkinan kita boleh mencapai satu tahap lima hari kerja seminggu tetapi kita mesti memastikan bahawa tahap produktiviti khususnya ‘total sector productivity’ kita dipertingkatkan terhadap kepada satu tahap yang tinggi seperti di negara Jepun sebelum kita layak untuk bercuti atau hari kerja yang pendek.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya berharap agar semua warganegara dapat bekerja dengan kuat, dengan kadar produktiviti yang tinggi supaya kita tidak kira peringkat, individu atau syarikat dapat keuntungan yang tinggi untuk tahun hadapan yang tidak akan dicukai oleh kerajaan kerana dengan cara langsung atau tidak ini kita dapat berusaha bersama-sama memulihkan ekonomi negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Hulu Terengganu.

**4.35 ptg.**

**Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil bahagian dalam perbahasan menyokong Belanjawan Negara 1999 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan I, merangkap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya dapati Belanjawan ini adalah satu Belanjawan yang boleh disifatkan anjakan paradigma dalam struktur ekonomi pembangunan dan juga termasuk pembangunan manusia dan mencakupi keseluruhan perkembangan pendidikan bagi tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi yang melanda negara kita sekarang ini tetapi kita jangan lupa kegawatan ini juga ada mempunyai hikmah yang tersembunyi kepada negara kita. Kita hendaklah insaf bahawa kegawatan ini membolehkan kita menyelidik segala kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan yang terdapat sebelum itu. Ada tiga perkara yang saya hendak rumuskan di sini tentang kegawatan ini. Yang pertama, kita sudah hilang sebahagian daripada nikmat yang Allah Taala kurniakan kepada kita. Nikmat kesenangan yang kita nikmati selama ini telah menjadi kurang dan kekurangan ini tidak menjadikan satu sebab yang boleh kita fikirkan secara

negatif. Sepatutnya kita boleh fikirkan secara positif kerana masyarakat yang berfikiran positif, mempunyai dua unsur penting yang perlu diambil tindakan.

Yang pertama ialah mereka mengkaji tentang kenapa kegawatan ini berlaku dan kalau kita sedar dan insaf nikmat yang selama ini kita telah terima dan hilang sebahagiannya, maka kita haruslah berfikir mencari jalan sekurang-kurangnya secara individu bagaimana kita dapat menguruskan ekonomi secara lebih baik dan cermat. Dalam kerajaan juga begitu dan kesemua institusi yang berkaitan dengan kewangan dan ekonomi pun patut mengkaji semasa kegawatan ekonomi ini.

Kedua, ialah bagaimana hendak mengatasi kegawatan ekonomi. Saya sanjung tinggi peranan kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dalam waktu yang singkat telah dapat mengambil tindakan yang cepat untuk mengawasi kegawatan ini. Pelbagai langkah telah pun dibuat sama ada menubuhkan MTEN umpamanya dengan Pelan Pemulihan Ekonomi yang sekaligus untuk mempertahankan spekulator dagangan mata wang antarabangsa. Ini adalah salah satu daripada usaha-usaha kerajaan yang kita yakin dapat mengatasi masalah kelembapan ekonomi yang berlaku sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita rasa bangga sepatutnya rakyat Malaysia dan semua pihak, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan juga patut merasa bangga kerana ratusan pemimpin dunia yang ada di dunia hari ini khasnya di Asia sama ada dalam negara besar ataupun negara kecil yang membangun, kita merasa bangga kerana kita mempunyai seorang pemimpin yang mendapat sanjungan yang tinggi, berani dan bertindak tegas. Memang untuk mewujudkan seorang pemimpin dalam sebuah negara seumpama negara Malaysia, yang pesat membangun yang mempunyai penduduk 22 juta orang, pelbagai kaum dan etnik, bahasa, kebudayaan dan kepercayaan agama – memanglah sukar untuk mewujudkan seorang pemimpin itu. Oleh kerana pemimpin sudah berada memimpin kita, kita yakin dengan tindakan Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri kita ini, Malaysia akan menjuruskan kecemerlangan pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal inilah yang seharusnya kita memahami terutama sekali dari segi kaitan dengan pembangunan ekonomi bergantung kepada keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Negara tidak akan dapat wujud sebagai sebuah negara yang baik dan makmur kalau keadaan negara itu kucar-kacir. Keamanan adalah satu unsur yang paling penting dalam kehidupan manusia dan negara. Jadi oleh sebab itu mana juga negara yang tidak aman seperti mana yang kita lihat dan dengar di setengah-setengah negara dalam dunia hari ini nasib rakyat mereka, bagaimana kita lihat dalam televisyen dan media massa begitu seksa sekali. Syukur alhamdulillah, negara kita tidaklah seperti itu tetapi kalau rakyat tidak peka kepada keadaan keselamatan dan kesejahteraan ini, maka lambat laun perkara ini akan berlaku juga kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya mengambil sedikit perhatian dalam Belanjawan Negara 1999, kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan terutama kerana prihatin kepada sektor luar bandar. Walaupun ramai Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam Dewan ini telah membicarakan, menyuarakan pelbagai prasarana pembangunan luar bandar yang perlu ditingkatkan tetapi saya hendak menyentuh sedikit dalam soal pendidikan. Kalau kita lihat dalam Belanjawan 1999 akan datang lebih kurang 183 buah sekolah pada tahun akan datang ini sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah yang hendak dibina dan lebih kurang 1,217 buah sekolah lagi akan dibina pada tahun-tahun yang akan datang. Tetapi suatu hal yang seharusnya diambil perhatian oleh Kementerian Pendidikan terutama sekali masalah sekolah

rendah yang berselerak di seluruh negara terutama sekali di luar-luar bandar yang kadangkala kita dapati pelajar-pelajar sekolah rendah yang sekolah mereka ini amat kurang daripada segi prasarana dan kemudahan. Sebahagian daripada pelajar-pelajar dan murid-murid ini terdiri daripada anak-anak miskin dan sesetengah daripada mereka langsung tidak tahu Kuala Lumpur.

Mereka hanya melihat dalam peti televisyen bagi yang ada televisyen, ataupun membaca dalam akhbar bagi mereka yang baca akhbar. Setengahnya bila kita sebut KLCC, mereka tercengang melihat gambar sahaja, tetapi mereka tidak pernah melihat dari dekat. Jadi, oleh sebab itu, satu program dinamakan program 'Kecelikan Budaya', perkembangan budaya moden dalam kehidupan manusia hari ini, saya cadangkan supaya Kementerian Pendidikan mengadakan satu program khusus yang dinamakan program 'Kecelikan Budaya' supaya memberi peluang kepada anak-anak yang miskin, pelajar-pelajar sekolah rendah yang berselerak di pedalaman sekurang-kurangnya diberi peluang melawat sambil pelajar setiap tahun bila cuti penggal sekolah. Ini tidak merugikan. Kerana cara ini boleh memberi suatu peluang membuka minda mereka. Bila mereka melihat bangunan-bangunan tinggi, misalnya Kompleks Sukan Negara, KLIA ataupun lain-lain, ini akan dapat memberi mereka pengetahuan bila mereka pulang ke kampung memberitahu ibu bapa mereka.

Perkara ini sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan negeri Terengganu pada satu ketika dahulu telah pun mengadakan program ini dengan bantuan kerajaan negeri, dan saya dapati amat baik. Satu cara kita memperluaskan pandangan kepada murid-murid sekolah rendah. Begitu juga sekolah menengah, kalau di kawasan Parlimen saya begitu luas seakan-akan Sarawak juga dan bersempadan dengan Taman Negara, dengan tasik yang begitu luas. Sekolah-sekolah menengah, begitu juga sekolah rendah, yang paling kurang sekali ialah

tenaga-tenaga pengajar yang profesional dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains atau Matematik. Lazimnya, guru-guru yang baik ini ditempatkan di dalam bandar. Diberi guru-guru yang baik di sekolah-sekolah yang baik dalam bandar. Guru-guru yang tidak berkebolehan dalam bahasa Inggeris dihantar ke luar-luar bandar. Ada guru yang mengajar mata pelajaran lain hanya sedikit-sebanyak boleh menguasai bahasa Inggeris ditugaskan mengajar Bahasa Inggeris kepada kelas-kelas tertentu.

Pada tahun 1998 semasa peperiksaan penilaian darjah enam (UPSR), hendak dapat lima A murid-murid sekolah rendah, saya banyak memberi bantuan kepada kelas-kelas tuisyen, kelas-kelas tambahan yang mana sebahagian ibu bapa mereka tidak mampu. Tetapi bila kita tengok keputusan (result) mereka, sebelum datang peperiksaan dibuat ujian terakhir, 30 murid yang mengambil ujian itu, hanya dua orang sahaja yang lulus Bahasa Inggeris, itu pun dalam tahap yang begitu rendah. Jadi, kelemahan-kelemahan itu menjadi satu sebab kelemahan murid sekolah rendah, bila dia datang ke sekolah menengah, lebih teruk lagi dan mereka langsung tidak dapat menguasai bahasa Inggeris selain daripada pertuturan seharian mereka. Jadi, kita bercakap mudah, kementerian bila menjawab kadangkala saya rasa payah hendak ditunaikan. Jadi, kalau inilah keadaannya bagaimana masa depan murid-murid luar bandar akan dapat kemudahan pendidikan yang baik. Dengan sebab itulah saya pohon dengan sesungguhnya keprihatinan Kementerian Pendidikan ini supaya memberi keutamaan dalam soal tenaga pengajar ataupun guru-guru yang ditempatkan di sekolah-sekolah luar bandar, khususnya sekolah menengah dan juga sekolah rendah.

Begitu juga dari segi bangunan. Sekarang ini kita banyak ditimpa dengan gejala sosial. Saya melihat banyak sekolah yang hanya sesi pagi dan sesi petang tidak ada, maka murid-murid ini bila balik dari sekolah awal-awal lagi mereka

telah berkeliaran di tempat-tempat tertentu. Maka dengan sebab itu saya cadangkan supaya sekolah-sekolah berasrama penuh ataupun asrama-asrama sementara patut diperbanyakkan supaya kawalan murid sekolah-sekolah menengah dapat dilakukan dan mereka tidak lagi jadi keliaran atau tidak terkawal. Melainkan setelah mereka duduk di asrama mereka dikawal dengan begitu ketat, juga dari segi pelajaran sama ada di waktu malam, mengikuti kelas-kelas tambahan ataupun lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini juga saya hendak menyentuh berkait dengan kementerian walaupun saya akan bercakap juga dalam sesi Jawatankuasa esok. Tetapi sebelum saya lupa, berkait dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Yang Berhormat Menteri pun tidak ada di sini. Kita nampak bahawa kementerian ini terutama sekali dari segi perpaduan negara yang mana di bawah perancangan perpaduan negara ini banyak, berselerak badan-badan sukarela, khususnya Rukun Tetangga. Rukun Tetangga ini mempunyai program yang tertentu di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang selama ini pertubuhan Rukun Tetangga ini tidak diberi peruntukan yang cukup, hanya sekadar RM500 setahun untuk urusan pentadbiran dan kegiatan.

Jadi, kalau kita hendak pertingkatkan gerakan perpaduan, kejiranan dan lain-lain, maka seharusnya peruntukan yang lebih diberi kepada pertubuhan-pertubuhan, iaitu Rukun Tetangga ini. Rukun Tetangga ada di setiap kampung dan bandar dan di peringkat daerah. Saya sebagai pengerusi, sebab itu saya sebut. Sebab kita lihat banyak kelemahan apabila kita hendak menjalankan aktiviti, akhirnya tidak dapat dan mereka minta bantuan. Jadi, kalau sentiasa minta bantuan wakil rakyat, sejauh mana kita dapat mampu menampung kepada mereka ini. Sebab banyak lagi badan lain yang sukarela yang sentiasa menumpukan perhatian kepada wakil rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya cadangkan supaya kementerian ini benar-benar prihatin dan menambahkan peruntukan sepertimana juga kita lihat HAWA, dalam program tahun hadapan di bawah Belanjawan hampir RM50 juta untuk meningkatkan keupayaan wanita-wanita kita dalam latihan-latihan profesional ataupun dalam teknikal yang lain yang mampu mereka berdikari. Begitulah juga kepada Rukun-rukun Tetangga yang berselerak di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita lihat hari ini, saya balik kepada masalah ekonomi negara kita. Kita rasa bersyukur bahawa sebagaimana Allah S.W.T. telah berfirman di dalam al-Quran mengingatkan kita [*membaca sepotong ayat suci al-Quran*], bererti, “Sesungguhnya selepas daripada kesusahan itu akan datang kesenangan.” Jadi, kita tidak perlu bimbang, kesusahan sebagai satu ujian kepada kita dan kesenangan juga sebagai satu ujian. Kadangkala manusia di waktu susah, dia bercita-cita macam-macam, hendak kesenangan, hendak kemuliaan, hendak kemewahan. Tetapi bila datang kemewahan, datang kesenangan, maka mereka lupa. Dan setengahnya kalau cita-cita mereka dahulu, kalau mereka senang hendak beli tanah yang banyak, hendak rumah yang besar, tetapi bila mereka senang, bukan rumah yang besar dan tanah yang banyak tetapi keluarga ditambah. Jadi, patut menjadi ukuran kepada kita mudah-mudahan dengan keinsafan ini, insya-Allah, negara kita akan bertambah maju dan cemerlang di masa akan datang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Petaling Jaya Utara. Selain daripada Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ada sesiapa lagi yang tunjuk minat hendak berbahas? Ya, silakan Yang Berhormat.

**4.50 ptg.**

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya suka hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, tidak ada had masa untuk Yang Berhormat, sebab tiada sesiapa yang lain yang hendak berbahas selepas Yang Berhormat.

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Tetapi ini kali yang kedua saya berucap yang akhir sekali, dahulu yang akhir sekali berucap hanya tujuh minit sahaja diberikan kepada saya. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Belanjawan 1999.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan I pada kali ini kerana membentangkan suatu Belanjawan yang baik. Belanjawan tersebut memberi tanda-tanda ke arah pertumbuhan seterusnya ekonomi negara yang lebih mantap lagi dan saya yakin bahawa Belanjawan ini akan mendorong negara keluar dari keadaan kegawatan ekonomi kini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan kegawatan ekonomi pada masa kini, terdapat satu sektor yang dibebankan dengan kerja yang banyak iaitu mahkamah-mahkamah mahupun Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rendah, akibat daripada peningkatan di dalam kes-kes guaman dan juga mengakibatkan peningkatan di dalam hasil pungutan wang mahkamah tersebut.

Walau bagaimanapun, pendekatan di dalam kes-kes guaman tersebut telah mengakibatkan, dengan izin, backlog, di dalam memproseskan kes-kes tersebut terutamanya pada bahagian pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya fail-fail mahkamah tidak sempat dibuka walaupun kes telah disenaraikan untuk sebutan. Ini seterusnya mempunyai kesan dan melambatkan penyelesaian kes-kes tersebut dan dengan izin, justice delayed is justice denied.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendesak kerajaan untuk memastikan bahawa hasil pungutan wang yang diperolehi oleh mahkamah dilaburkan semula ke dalam sistem. Contohnya, dalam mengkajikan lebih banyak kakitangan mahkamah supaya sistem mahkamah adalah dijalankan dengan cara yang lebih efisien.

Berikutan daripada perkara mahkamah ini, memandangkan bahawa kami adalah kini menuju satu era teknologi baru dan multimedia dan memandangkan bahawa terdapatnya peningkatan di dalam kes-kes teknikal, contohnya, kes hak cipta, multimedia dan pertikaian pembinaan yang merupakan perkara-perkara yang teknikal dan rumit dan yang mungkin lebih baik dikendalikan oleh mereka yang lebih berpengalaman di dalam perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendesak kerajaan untuk menimbangkan penubuhan satu bahagian khas di dalam mahkamah yang berdasarkan bahagian, dengan izin, official referee seperti yang terdapat di United Kingdom. Butir-butir bahagian ini adalah terdapat dalam buku undang-undang dan saya mendesak kerajaan untuk mempertimbangkan secara serius penubuhan bahagian ini untuk mempercepatkan penyelesaian pertikaian teknikal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan kerana tidak terdapat potongan dalam peruntukan Belanjawan untuk sektor kesihatan. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Kesihatan dan Kementerian Kesihatan kerana peningkatan taraf kesihatan di dalam negara.

Walaupun telah terdapat Belanjawan dalam kempen-kempen untuk pendidikan perokok-perokok supaya tidak merokok di tempat-tempat yang dilarang merokok seperti Parlimen, namun ia nampaknya tidak berkesan sama sekali. Saya pernah nampak dengan mata sendiri di pusat membeli belah Sungai Wang, di Bangsar shopping center dan juga di Jabatan Perdana Menteri dan tempat-tempat lain, sekolah tetapi di Institut Jantung Negara, saya tidak perlu tengoklah, di mana perokok ada berleluasa tanpa apa-apa tindakan diambil terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, masa panjang ya? [*Sambil memandang jam*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, ada masa lagi Yang Berhormat, jangan risau! [*Ketawa*]

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Tuan Yang di-Pertua, ia adalah jelas bahawa masih terdapat kekurangan penguatkuasaan disiplin dan dengan izin, indifferent terhadap penghisap rokok yang merokok di merata-rata tempat termasuk tempat-tempat yang dilarang merokok.

Saya percaya bahawa jumlah dakwaan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah jauh lebih kurang berbanding dengan jumlah dakwaan di negeri-negeri lain yang mempunyai jumlah penduduk yang lebih kurang ....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih Petaling Jaya Utara. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menaikkan kos rokok dengan mengenakan cukai yang tinggi, tetapi orang masih tetap merokok dan apabila kita berhujah dengan perokok, mereka mengatakan 'tanpa rokok kami akan mati'.

Ada yang merokok macam bapa Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena kita, dia cerita kepada saya bapanya berumur 80 tahun kuat hisap rokok tidak ada sakit jantung berlubang dan sebagainya. Jadi, ini finding secara layman di bawah, tetapi medical point of view lain pula.

Jadi, adakah Ahli Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan, apa salahnya kita hapuskan terus merokok di negara kita ini dan kita minta kepada

kerajaan supaya iklan-iklan yang bersandarkan kepada rokok dihentikan kerana kita melihat sekarang ini bola pun kita kata bersukan untuk kesihatan tetapi disponsor oleh Dunhill yang memudaratkan kesihatan.

Jadi, adakah kerana wang kadang-kadang, kita biarkan mereka meneruskan pengiklanan itu. Jadi, apa pandangan Ahli Yang Berhormat tentang perkara ini kerana saya dapati, tetapi memang betul Tuan Yang di-Pertua macam orang di kampung umur mereka sampai 80 tahun hingga 90 tahun hisap rokok daun yang dibungkus dengan tembakau, itu pun setengah menikah lagi isteri muda, angkara rokok katanya: “Kalau aku tidak hisap rokok, jam, hisap rokok all right.” Ini orang-orang tua cerita kepada saya.

Jadi, kalau kita suruh mereka berhenti dari menghisap rokok, taubat mereka tidak akan berhenti, naikkanlah cukai macam mana pun ataupun kalau kita gantung tengkorak hidup di hospital-hospital di kawasan-kawasan larangan menunjukkan ini dia bahana hisap rokok, tetapi orang masih hisap rokok.

Jadi, di kawasan Parlimen pun kalau kita sekat Ahli Yang Berhormat daripada menghisap rokok, saya ingat setengah wakil rakyat mereka tidak ada idea untuk berucap kecuali Jelutong dengan Kepong, mereka ini tidak merokok, tambah pula Kepong tidak hisap rokok, apa pun tak hisap, dia ini orang baik, dia tidak kacau orang, cuma dia pakar kulit.

Jadi, saya berharap kalau boleh pandangan Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian supaya memastikan bahawa pengiklanan rokok ini kena dihentikan kerana kita lihat hari ini anak-anak muda di sekolah pun sudah pandai hisap rokok. Sesetengah itu dalam tingkatan satu sudah mula .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya bukan jurucakap, jurucakap ialah Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli Yang Berhormat Yan! Ini bukan cara Yang Berhormat hendak minta penjelasan, ini berucap ini. [*Ketawa*]

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ini Yang Berhormat Kepong bangun apa pasal Yang Berhormat? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Kepong bangun atas apa ini Yang Berhormat? Dia belum habis lagi.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya belum habis penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, sabar sedikit Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Sabar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Nanti dulu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tadi saya puji Yang Berhormat baik, ini sekarang Yang Berhormat tidak sabar. Kurang baik nampak gaya. Jadi *[Ketawa]* apakah pandangan Yang Berhormat supaya kerajaan menghentikan terus iklan-iklan yang bersandarkan kepada perniagaan-perniagaan rokok? Macam Salem, kita tahu Salem sungguhpun dia tunjuk air terjun dan sebagainya, Salem holiday dan sebagainya atau Salem Era-Fazira, road show apa semua, tapi sebenarnya rokok. Begitu juga bola, sukan itu baik tapi iklan sukan disponsor oleh Dunhill dan Dunhill itu rokok. Walaupun dia jual pen Dunhill, jaket Dunhill dan sebagainya tapi dia main income-rokok. Jadi,apa pandangan Yang Berhormat daripada Petaling Jaya Utara?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat Kepong bangun pula.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, hendak tolong dia.

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Kalau Kepong boleh sabar, kasi saya jawab dulu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak tolong dia sebelum dia jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara belum beri jalan lagi, sabarlah sedikit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya minta jalanlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Nanti! Nanti!..

**Dr. Tan Seng Giaw:** Minta jalan dulu, saya bagi satu information.

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Tak, saya hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Dia belum jawab lagi, dia hendak jawab dulu.

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Saya belum jawab.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebelum dia jawab, saya bagi dia the information dahulu.

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Tidak, kalau macam itu tidak .....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara lebih baik....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, jangan tawar-menawar ya! Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, teruskan.

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Saya rasa Kepong minta penjelasan dari Yang Berhormat Yan, bukan saya. Betul tak? [*Menoleh kepada Yang Berhormat Kepong*] Oh saya. Tidak apa, tunggu dululah. [*Ketawa*] Ini berkenaan sabar, kalau Yang Berhormat dari Yan, sabar dia pun boleh dengar saya cadangkanlah, apa yang dibangkitkan daripada Yan. Berkenaan rokok dan hasil ditambahkan daripada rokok, kita boleh cakaplah oleh sebab saya pun bacalah di dalam surat khabar luar negara, ada cakap kita punya budget pun sangat, 'election budgetlah' dia cakap, oleh sebab yang ditambahkan ialah syntax. 'Syntax' maknanya berkenaan dengan merokok dan minuman arak. Berkenaan perkataan syntax saya pun bersetuju Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya rasa 'merokok pun ada semacam synlah'. Oleh sebab di negara USA, FDA dengan izin, Food, Drug Administration telah pastikan merokok ialah satu soft drug. Soft drug maknanya siapa yang merokok ialah soft addict. Oleh sebab itu bapa merokok anak pun merokoklah, sebab ia soft addict saya pun tidak cadang cigarette dilarangkan semualah. Tapi yang berkenaan iklan, itu yang mustahak. Saya pun bersetuju dan kalau Yang Berhormat Yan sabar, saya pun sekarang hendak cakap cadangan saya .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bagi jalan tak?

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dia bukan ....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini orang baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia bukan minta penjelasan dari Yan tetapi dari Yang Berhormat sendiri.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara sebab saya tidak mahu minta penjelasan daripada Yang Berhormat Yan, dia terlalu nakal Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa hasil daripada tembakau, cerut dan rokoknya dianggarkan lebih RM308 juta tahun depan dan bagaimana kita dapat menyelesaikan amount yang begitu besar dengan cadangan daripada Yang Berhormat Yan dan sebagainya.

RM308 juta itu hanya hasil daripada tembakau, cerut dan rokok tanpa mengira pengiklanan dan sebagainya. Bagaimana kita dapat hasil itu kalau kita ikut cadangan Yang Berhormat Yan.

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Kepong seorang doktor, Ahli Yang Berhormat Kepong mesti ingat kita tidak tengok hasil sahajalah berkenaan dengan merokok. Oleh sebab hasil yang kita dapat dari merokok juga digunakan untuk kerajaan dan kalau you, saya pun ada cadangan berapa kali dalam Dewan yang mulia ini hasil dari rokok, tidak cukup untuk kita membangkitkan

kesihatan sendiri. Itulah pandangan saya berkenaan dengan hasil. Saya rasa tidak ada hasil lebih baik. Itu pandangan sayalah tapi kerajaan lainlah.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Yan bangun.

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Bagi jalan pada Yang Berhormat Yan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, Yang Berhormat daripada Kepong, dia kena patut di'strip-off' daripada menjadi ahli Persatuan Perubatan Malaysia kerana sebagai seorang doktor, dia menyokong orang menghisap rokok. Jadi adakah ini tugas doktor yang salah menasihati orang. Ini dalam Dewan Rakyat ini, dia suruh orang hisap rokok. Dan dia sebagai seorang doktor, adakah kerana dia suka orang hisap rokok, dia tidak hisap rokok, bila orang sakit pergi cari dia, dia boleh dapat duit. *[Ketawa]* Adakah ini cara akal depa, macamlah Yang Berhormat Jelutong itu, dia suruh masuk ISA, pasal bila tidak ada ISA, orang kena tangkap dia boleh cari makan. Sekarang ini bila ada ISA, tangkap tidak ada bicara. Jadi depa tidak boleh cari makan. Jadi Yang Berhormat bersetuju tidak dengan saya. Terima kasih.

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong saya pun tidak tahulah oleh sebab semalam atau bila - Ahli Yang Berhormat Kepong bangkitkan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan berkenaan merokok di dalam Dewan yang mulia ini. Masa itu saya pun sangat gembiralah. Dia cakap apa yang akan dibuat oleh sebab orang, ahli-ahli parlimen pun merokok di sini. Tapi sekarang dia punya pandangan pun sudah tukar. Saya rasa ini bukan pandangan doktorlah, ini pandangan ahli politiklah, tidak serupalah. Itu politik boleh tukar punyalah tapi saya rasa....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, dia bangun ini.

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Sabar, sabar. Saya rasa berkenaan pandangan doktor, saya pun rasa Ahli Yang Berhormat dari Kepong pun bersetujulah merokok kurang baik bagi kesihatan. Okey.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, dia bangun lagi Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tidak menggalakkan orang hendak hisap rokok, cuma saya tanya macam mana kita boleh menggantikan hasil seumpama ini tanpa mengira orang yang menanam tembakau di Pantai Timur. Tanpa mengira pekerja-pekerja yang kena-mengena dengan tembakau, dengan rokok dan sebagainya, beratus ribu orang yang terlibat. Macam mana kita selesaikan masalah mereka.

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Berkenaan ini saya bagi jalan pada Yang Berhormat Yan menjawab.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa ini tidak boleh dizinkan Yang Berhormat, sebab sekarang ini...

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** .....siapa yang bercakap?.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Beri penjelasan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Petaling Jaya Utara yang bercakap, bukan Yang Berhormat Yan yang bercakap? Takkan Yang Berhormat tidak arti .....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** ...Peraturan Mesyuarat?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yan minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Yan boleh bangun untuk minta laluan, tapi bukan hendak jawab.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya bangun minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Saya bagi jalan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini, Yang Berhormat Kepong, apa pasal hendak lari ini? Tunggulah saya hendak beri penjelasan. Sebenarnya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara telah bersetuju dengan saya bahawa ada cara lain penanam tembakau, dia boleh tanam sayur buah-buahan dan lain-lain untuk mendapat hasil. Pekerja-pekerja [*Yang Berhormat Kepong bangun berjalan keluar Dewan*] Yang Berhormat Kepong! Mana mahu pergi? Inilah tidak gentleman [*Ketawa*] Jadi sumber lain kita boleh dapat, Yang Berhormat bersetuju tidak? Kita boleh dapat dari sumber-sumber pendapatan yang lain. Contohnya penanam sayur-sayuran, penanam tembakau dan sebagainya boleh mula menanam sayur-sayuran, buah-buahan, ladang dan sebagainya. Ini akan mendapat hasil dan kalau kita kaji balik Yang Berhormat setuju tidak? Kos untuk perubatan melebihi dari - bagi pandangan saya, pendapatan dari hasil rokok dan arak. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita tengok, kita hendak tubuh satu-satu hospital, kos hendak membina satu-satu hospital berjuta-juta ringgit, beratus juta ringgit. Kos untuk membeli kelengkapan jantung dan sebagainya bukannya murah. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa pendapatan daripada hasil rokok dan sebagainya ini tidak sepadan dengan kos yang akan dibiayai oleh kerajaan untuk menangani penyakit dan juga mudarat daripada merokok. Terima kasih. Yang Berhormat Jelutong tolong beritahu pada Yang Berhormat Kepong besok.

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yan, saya pun bersetuju, saya rasa saya pun sudah empat tahun di Dewan ada bangkitkan perkara merokok, ada orang cakap sudah 'stale'lah tetapi saya cakap bukan stale perkara ini. Sampai sekarang pun ada banyak orang yang merokok. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke Sungai

Wang di tingkat satu atau ground floor, boleh tengok semua orang merokok, baru semalam saya pergi, semua orang merokok. Dia merokok dia tak peduli ada orang tak peduli, dan di Subang saya baca dalam surat khabar Tuan Yang di-Pertua, seorang perempuan di dalam satu restoran marah satu orang jangan merokok, lepas itu bergaduh dan lelaki itu ‘hentam’ itu perempuan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Minta penjelasan, apa itu ‘hentam’? *[Ketawa]*

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Pukul, pukul...

**Seorang Ahli:** Pukul? Pukul macam mana?

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Maaflah, kadang-kadang kita dan saya sendiri pun ada marah sama orang di restoran atau di tempat-tempat yang dilarang merokok tetapi tengok saya punya size dia tak mahu gaduh sama sayalah, tetapi serupa juga, kalau saya tengok banyak orang yang merokok saya pun tak cakap apa-apalah saya takut...

**Datuk Lim Si Cheng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Senai bangun.

**Datuk Lim Si Cheng:** Terima kasih, saya ingin meminta penjelasan dari Yang Berhormat Petaling Jaya Utara mengikut apa yang dikatakan Yang Berhormat kenaikan cukai terhadap rokok patut boleh dinaikkan lagilah, tak cukup tinggilah, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau mengikut apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat kenaikan cukai boleh dinaikkan lagilah ke atas rokok?

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan rokok-rokok oleh sebab ia satu addictive drug, dengan izin, naikkan hasil pun tak boleh buat apa-apalah kalau kita naikkan kita pun merokok, orang pun merokok, dan iklan-iklan yang banyak di dalam televisyen siapa yang merokok sekarang, oleh sebab tengok iklan, saya boleh sebut beberapa iklan, satu ialah Mild Seven, Mild

Seven iklan berkenaan dengan air, diving, cantik-cantik, oleh sebab itu orang tengok bergayalah kita boleh merokok. Dan lagi Perrilly punya advertisement berkenaan dengan motokar, hitam punya baju, hitam punya kereta cantiklah. Dan Dunhill - sportsmen, tiap-tiap kali berkenaan dengan sport. Kalau kita naikkan hasil pada pandangan saya, ini bukan satu resolusi berkenaan dengan masalah kesihatan di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya ada banyak lagi berkenaan dengan merokok.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah memberikan peratusan dan data berkenaan dengan perubatan perokok-perokok akan tetapi tiada usaha yang kuat dan serius dibuat hendak mengurangkan statistik ini. Mengikut seruan kerajaan kini untuk mewujudkan masyarakat yang sihat saya mendesak kerajaan untuk menguatkuasakan undang-undang dan penalti dengan lebih efektif untuk mengurangkan gejala buruk dan tidak sihat ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan menguatkuasa undang-undang saya terkejut bila saya tengok di dalam surat khabar, saya tak tahu di tempat mana, di Kelantan atau Terengganu, dakwaan di pejabat daerah lebih banyak daripada Dewan Bandaraya. Dewan Bandaraya saya tak tahu berapa orang ada di sinilah, kalau kita cakap hendak menaikkan hasil saya rasa kalau kita boleh pergi Sungai Wang sahaja tiap-tiap kali tiap-tiap hari kita boleh menaikkan hasil dengan denda berkenaan dengan Sungai Wang dan lain-lain tempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia yang ditubuhkan baru-baru ini akan mengambil tindakan yang menghalang pengiklanan rokok sama ada secara langsung atau tidak langsung. Saya percaya bahawa di dalam negara-negara lain pengiklanan tembakau dan rokok adalah tidak dibenarkan sama sekali dalam apa-apa bentuk jua sama ada media televisyen dan percetakan. Saya percaya, di Hong Kong, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang telah diluluskan untuk menghalang pengiklanan tembakau atau rokok dalam media percetakan. Saya pun ada baca dalam surat khabar berkenaan dengan orang yang mati akibat merokok di negara China. Tiap-tiap tahun report kata di dalam negeri China 2,000,000 orang mati

tiap-tiap tahun, two million mati, berkenaan dengan kesihatan merokok tetapi di negara China saya rasa orang banyak, jadi dia punya percentage tidak serupa.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita telah mencapai kemerdekaan selama 41 tahun daripada penjajahan orang luar namun pengedaran rokok dan tembakau, terutama oleh negara-negara Barat di dalam negara kita adalah merupakan satu penjajahan baru. Aktiviti merokok adalah dikurangkan di dalam negara-negara mereka dan di sebaliknya digalakkan dan diedar di negara kita. Dengan izin, new colonist ini juga menggunakan cara media untuk melakukan penjajahan ini umpamanya melalui perbelanjaan pertandingan sport dan konsert oleh syarikat tembakau. Masa sudah sampai, Tuan Yang di-Pertua, untuk kerajaan menyedari hakikat ini dan untuk mengelakkan daripada pengaruh buruk ini. Tuan Yang di-Pertua, saya pun biasa pergi ke United States, di banyak tempat bila kita berjalan di tepi jalan kita tengok orang jahat, dia panggil nama, bukan saya, tetapi bila tengok dia punya kelakuan tidak elok, kalau kelakuan macam itu di Kuala Lumpur polis tangkap untuk breach of peace. Tetapi di Amerika kelakuan macam itu banyak di tepi jalan-jalan. Tetapi masa kita pergi ke satu tempat membeli belah shopping complex, langsung satu orang pun tidak hisap rokok. Satu orang pun tak hisap rokok.

Oleh sebab di Amerika Syarikat ini satu perkara yang mustahak, kita pun tahu kerajaan negeri di Amerika Syarikat pun ada buat civil case kepada semua syarikat tembakau di Amerika dan syarikat tembakau di Amerika pun ada memberi pampasan kepada kerajaan bukan kepada orang ramai sahaja tapi kepada kerajaan. Saya pun ingin cadang kepada kerajaan buat satu kes berkenaan kesihatan nanti kita boleh tengok dapat pampasan, tidak payah hasil lagilah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara lain, saya tidak hendak cakap fasal rokok lagi. Saya ingin menyentuh tentang perkara masalah kelewatan kelulusan hakmilik strata. Balik Pulau cakap okeylah, saya pun tidak

tahu, Ahli dari Balik Pulau saya rasa tiap-tiap kali pun merokok. Ini benar punya, dia merokok.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hakmilik strata, ini perkara kita sudah tahu ada dibangkitkan beberapa kali sudah empat tahun orang ada bangkitkan masalah strata, banyak kali kita pun dengar kerajaan cakap ini sebab pihak developer dengan izin, yang salah. Kita pun pernah dengar developer bercakap kerajaan yang salah, kita pun ada dengar orang cakap pejabat yang salah. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor yang telah menubuhkan, dengan izin one-stop centre, di negeri Selangor untuk mengeluarkan hakmilik strata. Cadangan ini saya juga ada diberitahu dalam surat khabar *Star* tapi saya tidak tahu Yang Berhormat Menteri Besar Selangor ada baca saya punya cadangan tapi berkenaan ini ‘one-stop centre’ telah ditubuhkan di negeri Selangor untuk mengeluarkan hakmilik strata.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Bukit Bendera bangun.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Saya minta penjelasan. Apa itu one stop centre sebab ada pandangan orang lain berkenaan dengan one stop centre ini tidak sama, ada yang kata semua ‘stop’ di sana sahaja. Jadi apa maksud one stop centre.

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Itu bukan one stop agency itu one stop centre (pusat). Saya tidak bersetuju ‘one stop’ punya erti ‘stop’ di sana oleh sebab saya ingin memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera bahawa selepas one stop centre itu ditubuhkan bahawa penduduk di kawasan saya iaitu penduduk di Apartment Sea Park telah diberitahu bahawa mereka akan diberikan hakmilik strata mereka selepas menunggu lebih daripada sepuluh tahun sebelum one-stop centre ditubuhkan, tapi saya rasa sepuluh tahun sangat panjanglah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa pusat-pusat dengan izin, one-stop centre ini akan diperlanjatkan ke kawasan-kawasan dan negeri-negeri lain untuk mengatasi masalah kelewatan kelulusan hakmilik strata ini. Berhubung dengan perkara ini, adalah mengenai penubuhan perbadanan pengurusan untuk mengendalikan dan memungut fee pengurusan, yang akan ditubuhkan selepas pengeluaran hakmilik strata ini, dengan izin, management corporation. Saya mendesak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengkaji dan menggubalkan undang-undang untuk memastikan bahawa perbadanan pengurusan tersebut dapat mengambil tindakan sama ada dengan memotongkan bekalan elektrik atau bekalan air, terhadap mereka yang enggan membayar fee pengurusan tersebut, seperti mana yang terdapat di setengah-setengah negara yang lain. Ini adalah kerana satu perbadanan pengurusan berfungsi dengan cekap dan baik, fee pengurusan adalah perlu dibayar. Ini ialah supaya penduduk-penduduk di kondominium dengan rumah pangsa tidak terjejas akibat daripada sesetengah penduduk yang enggan membayar fee pengurusan tersebut.

Seperkara lagi ialah mengenai pembuangan sampah merata-rata oleh orang ramai yang kemudiannya tidak dibersihkan atau dikutipkan, yang membawa masalah terutamanya apabila musin hujan. Memandangkan negara kini sedang siap sedia untuk fenomena La-Nina, yang dijangka membawa hujan lebat, risiko banjir adalah lebih ketara lagi, terutamanya dengan sampah-sarap yang dibuang ke dalam longkang. Satu cara untuk mengelak dan mengawal tabiat pembuangan sampah merata-rata ini adalah dengan melaksanakan satu program, dengan izin community service untuk mereka yang didapati membuang sampah merata-rata. Saya telah mendapati bahawa tabiat buruk sosial ini telah dikurangkan atau dibasmikan dengan program, dengan izin community service ini yang telah dilaksanakan dengan berjayanya oleh satu negara jiran, dan saya percaya bahawa tiada sebab mengapa ia tidak akan berjaya di negara kita.

Saya percaya bahawa cadangan ini pernah disokong oleh Dato' Lee Lam Thye dan beberapa Ahli-ahli Parlimen di kiri saya dari Parit Buntar dan kanan saya dari Bukit Mertajam, Tanjong Karang saya belum tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat masa berjalan hanya beberapa minit lagi

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau:** Okey cepat-cepat saya sambung, Tuan Yang di-Pertua,

Saya percaya bahawa perkara ini masih berulang-alik di antara pejabat Peguam Negara dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan saya bersedia untuk menolong dalam penyediaan draf pindaan tersebut.

Dengan kata-kata ini saya mengakhiri ucapan saya dan berharap semoga pihak kementerian yang berkenaan akan mengambil berat dan bertindak tentang perkara-perkara yang dibangkitkan. Dengan ini saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi Isnin depan.

***Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***



